



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABERSAS

2010

PT.2

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan  
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian-Kementerian

15 MAC 2010 HINGGA 22 APRIL 2010



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP  
BIN BUMBURING @WILFRED (BN) (TUARAN)

TARIKH : 16 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN :

YB Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred (BN) Tuaran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah penerima bantuan program CARI di kawasan Tuaran, Sabah dan apakah sebab kenapa ada di kalangan mereka yang diubah daripada bantuan negeri kepada program CARI yang belum menerima bantuan hingga sekarang.

**JAWAPAN :**

Sehingga akhir bulan Disember 2009, bilangan penerima bantuan JKM bagi kawasan Tuaran, Sabah adalah seramai 3,953 orang. Daripada jumlah tersebut, 3,593 orang adalah penerima Bantuan Orang Tua, 248 orang adalah penerima Bantuan Kanak-kanak dan 112 orang adalah penerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan diperluaskan ke Negeri Sabah mulai 1 Januari 2009. Sehubungan itu, penerima bantuan yang dahulunya mendapat bantuan kebajikan di bawah Skim Bantuan Negeri telah ditukarkan kepada Skim Bantuan Persekutuan mengikut kesesuaian skim bantuan yang sedia ada.

Kadar bantuan di bawah Skim Persekutuan adalah lebih tinggi berbanding Skim Bantuan Negeri. Contohnya kadar Bantuan Orang Tua di bawah Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan adalah RM300 sebulan berbanding RM90 sebulan di bawah Skim Bantuan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tidak ada kes penerima bantuan Skim Bantuan Negeri yang diubah kepada Projek CARI memandangkan kes-kes yang dikesan dan diberi bantuan di bawah Projek CARI merupakan kes baru. Projek CARI bukanlah satu skim bantuan kebajikan. Sebaliknya projek ini merupakan satu inisiatif Kementerian untuk mengesan kes-kes ‘tercibir’ yang memerlukan dan layak menerima bantuan kebajikan diberikan bantuan yang sesuai.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN  
              BUMBURING @ WILFRED (TUARAN)  
TARIKH : -  
SOALAN : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN  
              BUMBURING @ WILFRED (TUARAN) minta  
              MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
              TANI menyatakan:

Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan untuk menggalakkan peningkatan pengeluaran padi di Sabah termasuklah pemulihan tanah terbiar dan pembukaan tanah baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan pembangunan untuk tanaman padi di Sabah bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebanyak RM107.7 juta. Peruntukan ini disalurkan kepada agensi-agensi Negeri seperti berikut :

- (a) Jabatan Pertanian
- (b) Jabatan Pengairan dan Saliran
- (c) Lembaga Pertubuhan Peladang
- (d) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

Di antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Projek	Peruntukan RM(juta)
1.	Pemulihian Tanah Sawah Terbiar	3.0
2.	Pengurusan Tanah Terbiar (AGDA) Sabah	3.0
3.	Projek Berkelompok Peningkatan Hasil Padi	9.0
4.	Penyelidikan Tanaman Padi	2.7
5.	Rancangan Pengairan	54.0
6.	Rancangan Saliran	16.0
7.	Tanaman Padi Komersil Sabah	20.0

Di samping itu, Kerajaan juga telah menyalurkan peruntukan tambahan berjumlah RM80.9 juta di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) bagi menggalakkan pengeluaran padi di Sabah. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Projek	Peruntukan RM(juta)
1.	Program Perataan Tanah	5.0
2.	Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan dan Saliran	12.1
3.	Pembangunan Infrastruktur Pengairan dan Saliran	63.8

Kerajaan akan memfokuskan pelaksanaan projek penanaman padi di kawasan yang sedia ada iaitu di Kota Belud yang melibatkan kawasan seluas 10,000 hektar dan Kota Marudu. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, pihak Jabatan Pertanian telah memohon peruntukan bagi membangunkan kawasan-kawasan tersebut. Pembangunan di kawasan-kawasan lain yang telah dikenal pasti turut akan diteruskan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONF LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI  
(TANAH MERAH)**

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH] minta  
MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah Kerajaan mempunyai  
cadangan agar setiap wakil rakyat dibekalkan kad khas lawatan ke  
hospital-hospital Kerajaan dan swasta tanpa had waktu.**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

Pada masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada cadangan untuk menyediakan kad khas lawatan hospital KKM tanpa had waktu untuk setiap wakil rakyat. Walaubagaimanapun jika sekiranya Yang Berhormat berkeperluan untuk melawat hospital KKM di luar waktu melawat hospital, Yang Berhormat boleh menghubungi Pengarah Hospital/pihak pengurusan hospital berkenaan untuk tujuan dan kelulusan lawatan.

KKM telah menetapkan waktu melawat yang sediada iaitu daripada jam 12.30 tengahari sehingga 2.00 petang dan 4.30 petang hingga 7.00 malam supaya pesakit-pesakit di dalam wad dapat berhati-hati untuk membantu proses pemulihan dan juga anggota kesihatan dapat menjalankan tugas, termasuk rondaan wad, dengan lancar. Di samping itu waktu melawat yang telah ditetapkan ini adalah sejajar dengan tujuan memelihara keselamatan hospital dan pesakit hospital.

Dimaklumkan bahawa bagi tujuan melawat hospital swasta tanpa had waktu, Yang Berhormat juga disyorkan agar menghubungi pihak pengurusan hospital tersebut.

NO AUM : ~~248~~ 244

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** TUAN AMRAN BIN AB GHANI  
[ TANAH MERAH ]

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** 2523

**SOALAN :**

Tuan Amran Bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) Jumlah kes rugut yang mengakibatkan kematian di seluruh negara; dan
- (b) Statistik lengkap mengikut negeri-negeri di seluruh Malaysia.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kes ragut yang mengakibatkan kematian dan statistik kes ragut mengikut negeri di seluruh negara bagi tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut :

NEGERI	TAHUN			
	2008		2009	
	KES RAGUT	MATI	KES RAGUT	MATI
PERLIS	17	0	8	0
KEDAH	589	0	563	0
P.PINANG	1,103	1	1,199	0
PERAK	387	1	482	3
SELANGOR	1,840	0	2,030	0
K.LUMPUR	2,181	0	3,312	1
N.SEMBILAN	272	0	268	0

<b>MELAKA</b>	<b>191</b>	<b>0</b>	<b>228</b>	<b>0</b>
<b>JOHOR</b>	<b>15</b>	<b>0</b>	<b>82</b>	<b>1</b>
<b>PAHANG</b>	<b>248</b>	<b>0</b>	<b>172</b>	<b>0</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>230</b>	<b>0</b>	<b>131</b>	<b>0</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>315</b>	<b>0</b>	<b>391</b>	<b>0</b>
<b>SABAH</b>	<b>419</b>	<b>0</b>	<b>336</b>	<b>0</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>398</b>	<b>0</b>	<b>485</b>	<b>0</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>8,205</b>	<b>2</b>	<b>9,687</b>	<b>5</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :** TUAJ AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)

**PERTANYAAN :** BERTULIS

**TARIKH :** 16.03.2010-15.04.2010

Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai yang dipungut oleh Kerajaan terhadap negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Perak untuk tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah cukai yang dipungut oleh Kerajaan bagi negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Perak bagi tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di berikut:

Negeri	2006 (RM juta)	2007 (RM juta)	2008 (RM juta)	2009 (RM juta)
Kelantan	173	180	249	260
Kedah	1,067	948	1,014	1,312
P. Pinang	3,154	3,403	4,002	3,739
Selangor	10,282	10,484	12,990	11,919
Perak	1,808	1,842	2,331	2,274

NO. AUM : *251246*

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI  
[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2571**

**SOALAN :**

**Tuan Amran Bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-**

- (a) apakah Kerajaan mempunyai statistik jumlah kemasukan warganegara asing yang menggunakan visa pelancong dan pelajar untuk tujuan bekerja di negara ini untuk tiga tahun kebelakangan; dan
- (b) mekanisma kawalan agar tidak bertambahnya kemasukan warga asing yang menyalahguna visa mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik kemasukan pelawat asing ke Malaysia oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mendapati sebanyak 17,183,188 jumlah kemasukan telah direkodkan pada tahun 2007 dan jumlah ini meningkat pada tahun 2008 sebanyak 22,895,301 diikuti sebanyak 25,343,310 orang pelawat asing pada tahun 2009. Jumlah ini meliputi pelawat asing yang masuk bagi tujuan bekerja serta belajar di mana mereka masuk ke Malaysia dengan diberikan Pas Lawatan Sosial sebelum bertukar kepada pas yang berkenaan.

Namun demikian, Kementerian tidak dapat memberikan perincian berhubung dengan jenis pas yang ditukar oleh pelawat asing sama ada pas pelajar atau pas bekerja kerana statistik yang dikumpulkan adalah berdasarkan jenis pas yang dipegang dan bukan jenis pas yang ditukar.

Untuk makluman juga, terdapat sejumlah 90,369 pelajar antarabangsa di Malaysia pada tahun 2009, manakala

sebanyak 1,918,146 Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan 32,138 Pas Penggajian (Pegawai Dagang) turut direkodkan sepanjang tahun tersebut.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengawal penyalahgunaan pas dikalangan warganegara asing, JIM menggunakan beberapa mekanisme pemantauan terhadap kehadiran mereka di Malaysia. Sewaktu kemasukan ke Malaysia, maklumat seperti tujuan kemasukan dan alamat perhubungan direkodkan melalui penggunaan kad ketibaan/ pelepasan (*arrival/ departure card*). Bagi warganegara asing yang berada di Malaysia untuk tempoh jangka masa panjang (seperti atas dasar setahun ke setahun), secara umumnya JIM melakukan pemantauan apabila warganegara asing ini memperbaharui pas mereka. Ini membolehkan maklumat tentang warganegara asing berkenaan, seperti alamat perhubungan, tempat pekerjaan dan lain-lain dapat dikemaskini. Selain daripada itu, JIM juga melakukan naziran terhadap pemegang pas samada di tempat kerja, institusi pendidikan mahupun di tempat tinggal termasuklah operasi-operasi penguatkuasaan bersama agensi-agensi yang berkaitan.

Bagi memperkemas aspek rekod, pemantauan dan pengesanan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Inisiatif

ini bertujuan mencari resolusi komprehensif dan berkesan termasuklah dari aspek undang-undang, sistem, prosedur dan pengawalaan.

**NO.SOALAN: 247**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2010)**

---

**DARIPADA : Y.B TUAN AMRAN BIN AB. GHANI  
[ TANAH MERAH ]**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**SOALAN:**

**YB TUAN AMRAN BIN AB. GHANI [ TANAH MERAH ] meminta  
PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) Jumlah kes kazaf yang didaftarkan di Mahkamah Syariah sepanjang 5 tahun lalu ;
  
- (b) Mengapakah Mahkamah Syariah perlu menunggu keputusan dari Mahkamah Sivil terlebih dahulu sebelum sesuatu kes itu dibicarakan.

**JAWAPAN: Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Mahkamah Syariah, tidak ada lagi kes qazaf yang dideftarkan di Mahkamah Syariah setakat ini.
- b) Dimaklumkan bahawa keputusan untuk menjalankan pendakwaan sesuitu kes jenayah di mahkamah adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Ketua Pendakwa Syarie. Justeru, Mahkamah Syariah akan hanya membicarakan sesuitu kes jenayah jika pihak Pendakwa Syarie telah mendaftarkan kesnya di Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah tidak perlu menunggu dan tidak terikat dengan keputusan Mahkamah Sivil jika kes berkenaan dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 252248

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2572**

**SOALAN:**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemalangan serta kematian akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan bas ekspres mengikut syarikat-syarikat bas ekspres pada tahun 2005 hingga 2009.

## JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gopeng yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2005 hingga 2009 jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan bas ekspres adalah sebanyak 12,801 dan mencatatkan 128 kematian.

Kementerian tidak mempunyai rekod mengenai jumlah kemalangan jalan raya mengikut syarikat-syarikat bas ekspres seperti mana yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat.

**SOALAN NO : 249**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE**  
**[ GOPENG ]**  
**SOALAN :**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan dan peratusan hospital-hospital yang mempunyai CT Scan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Semua hospital Kementerian Kesihatan dilengkapi dengan peralatan yang bersesuaian mengikut kepakaran dan sumber manusia yang disediakan, supaya diagnosa penyakit dan rawatan pesakit dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Buat masa sekarang, terdapat sebanyak 36 buah hospital daripada 55 buah hospital berpakaar di Kementerian Kesihatan, iaitu 65 peratus, yang telah dilengkapi dengan peralatan CT Scan. Semua hospital negeri sudah mempunyai peralatan ini.

**SOALAN NO. ( 250 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :- BERTULIS**

**DARIPADA :- Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(COPENG)**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE (COPENG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan senarai nama syarikat-syarikat pemaju serta pengarah-pengarah berkenaan yang disenarai hitamkan (blacklisted) kerana projek-projek yang tergendala.**

**JAWAPAN :-**

**Tuan Yang DiPertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menjaga kepentingan-kepentingan pembeli-pembeli rumah dan sentiasa menambah baik tindakan pemantauan serta penguatkuasaan ke atas pemaju-pemaju perumahan berlesen.

Oleh yang demikian, KPKT telah mengambil inisiatif untuk memaparkan nama syarikat pemaju perumahan yang telah disenarai hitam serta sebab-sebab mereka disenarai hitam, di dalam laman web KPKT iaitu [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my). Namun begitu, senarai bagi pengarah-pengarah syarikat yang telah disenarai hitam tidak dapat dipaparkan dalam laman web tersebut di atas faktor perundangan.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan  
April 2010

## PEMBERITAHU PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DR LEE BOON CHYE

KAWASAN : GOPENG

NO. SOALAN : 251

Y.B. DR LEE BOON CHYE minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelabur asing (FDI) pada tahun 2005 hingga 2009, mengikut sektor dan negara.

#### Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pelaburan yang diluluskan dari 2005 hingga 2009 bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan adalah sebanyak RM232.3 bilion. Daripada jumlah ini, jumlah pelaburan asing (FDI) adalah sebanyak RM139.7 bilion atau 60.13 peratus.

Antara industri yang menerima jumlah pelaburan yang terbesar bagi tempoh 2005 hingga 2009 adalah elektrik dan elektronik (RM55.0 bilion), produk logam asas (RM28.6 bilion), kimia dan produk kimia (RM13.7 bilion), produk galian bukan logam (RM8.4 billion) dan produk petroleum termasuk petrokimia (RM7.8 bilion).

Di antara negara utama yang telah melabur di Malaysia bagi tempoh 2005 hingga 2009 adalah Jepun (RM27.2 bilion), Amerika Syarikat (RM22.0 billion), Australia (RM17.8 bilion), Singapura (RM11.8 billion) dan Jerman (RM 9.2 bilion).

SOALAN NO : 252

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]  
SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan pesakit yang menggunakan kemudahan Klinik 1Malaysia sejak permulaan operasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi Klinik 1malaysia ini telah dimulakan pada bulan Januari 2010. Sehingga 21 Mac 2010 bilangan pesakit yang telah mendapatkan perkhidmatan di sini adalah seramai 237,092 dan kebanyakan kes yang dilihat adalah kes rawatan kuratif bagi penyakit ringan.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DR. HIEW KING CHEU  
[ KOTA KINABALU ]**

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. DR. HIEW KING CHEU [ KOTA KINABALU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa sehingga hari ni masih berlaku kekurangan guru di Sekolah-sekolah Rendah Cina di Sabah dan apakah rancangan pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Adakah kemungkinan untuk Guru Besar Sekolah SK Cina di Luyang, Sabah ditukar kerana banyak aduan terhadapnya.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari masalah kekurangan guru masih berlaku sama ada di sekolah rendah ataupun menengah. KPM mendapati antara faktor penyebab berlakunya kekurangan guru dan kesukaran mengatasinya adalah seperti berikut:

- i. Calon guru pelatih menolak tawaran memasuki kursus perguruan atau memberhentikan pengajian dan ini mengakibatkan unjuran yang telah dibuat sebelum ini tidak dapat dipenuhi. Contoh yang dapat dilihat adalah dalam pengambilan KPLI ambilan Januari 2009, di mana 797 calon telah menolak tawaran dan yang mendaftar hanyalah 8,185 orang. Penolakan ini berlaku kerana terdapat calon yang mendapat pekerjaan lain atau tawaran biasiswa agensi lain seperti JPA, MARA, Petronas atau agensi swasta.

- ii. Calon guru pelatih yang telah menamatkan pengajian perguruan di bawah tajaan KPM telah melanggar kontrak perjanjian dan tidak mahu berkhidmat dengan KPM. Misalnya dalam Program Pelajar Cemerlang, daripada 140 orang yang telah dihantar ke luar negara pada 2003, hanya 79 orang yang tamat pengajian pada 2009 dan berkhidmat dengan KPM.
- iii. Terdapat kursus penguruan dalam subjek khusus yang difawzanian mengikut unjuran keperluan didapati tidak mendapat sambutan dari pemohon yang berkelayakan dalam bidang tersebut
- iv. Terdapat guru bukan siswazah dalam perkhidmatan telah melebihi had umur untuk membolehkan mereka menyambung pelajaran. Ini adalah kerana had umur kelayakan untuk mendapatkan biasiswa dan menyambung pelajaran adalah sehingga 40 tahun. KPM mencadangkan agar Kerajaan membenarkan satu mekanisme dibuat untuk membolehkan guru bukan siswazah diberi peluang melanjutkan pelajaran walaupun telah melebihi 40 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM membuat unjuran keperluan dan kekurangan guru setelah mengambil kira perletakan jawatan, persaraan, pertukaran dan penempatan baru. Namun, sekiranya masih terdapat kekurangan guru terlatih untuk mengisi kekosongan jawatan di sekolah, dan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas, KPM telah bersetuju untuk mengisi kekosongan ini dengan melantik Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT).

Berkaitan dengan aduan terhadap guru besar tersebut, siasatan yang dijalankan oleh KPM melalui JPN Sabah mendapati guru besar tersebut telah menjalankan tugasnya mengikut prosedur dan cuba membetulkan sistem pentadbiran sekolah berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa. KPM berpandangan bahawa arahan pertukaran kepada guru besar tersebut adalah tidak perlu kerana beliau perlu diberi peluang dan ruang bagi membaiki segala kelemahan dan mempertingkatkan prestasi sekolah.

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** DR. HIEW KING CHEU  
**SOALAN NO :** 254

**SOALAN:**

**Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Pantai Timur Sabah masih tidak selamat dan rakyat asing boleh memasuki ke Sabah secara bebas. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menangani keadaan ini.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan perairan negeri Sabah adalah berhampiran dengan pulau-pulau negara Filipina yang dijadikan "staging points" PATI untuk masuk secara haram ke Sabah.

Bagi menyekat kemasukan haram tersebut sejak tahun 2000, Angkatan Tentera Malaysia telah melaksanakan operasi Ops Pasir di Sabah terutama di kawasan Pantai Timur Sabah seperti di Pulau Berhala, Sandakan.

**Di samping itu,dalam tahun 2009**, Kerajaan telah melaksanakan Operasi Bersepadu di Pantai Timur Sabah yang melibatkan semua agensi penguatkuasa. Operasi tersebut telah dilaksanakan sebanyak **34 siri** di seluruh daerah Pantai Timur Sabah dan Operasi Bersepadu ini masih lagi diteruskan sehingga ke hari ini.

Kerajaan juga telah menjalankan Operasi Harian menangkap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di seluruh negeri Sabah termasuklah di Pantai Timur Sabah.

Kerajaan juga telah menempatkan Angkatan Tugas Bersama (ATM) di pulau-pulau di Sabah termasuklah Pantai Timur Sabah bagi mengawasi kemasukkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan angkatan ini juga telah dibekalkan radar bagi mengesan bagi meningkatkan pengawasan di sepanjang perairan termasuk kemasukkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Kerajaan juga menempatkan Tentera Laut Diraja Malaysia untuk menjaga di kawasan Perairan Antarabangsa termasuk Pantai Timur Sabah.

Kerajaan juga telah mewujudkan agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia bagi mengawal pantai Malaysia termasuklah pantai timur Sabah. Kerajaan juga sedang merancang untuk mengadakan Pintu Masuk (Entry Point) di kawasan Pantai Timur Sabah seperti Daerah Semporna dan Lahad Datu bagi mengawasi pergerakan keluar masuk Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU  
(KOTA KINABALU)**

**PERTANYAAN : BERPAPILIS**

**TARIKH : 16.03.2010 - 15.04.2010**

Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimanakah barang-barang yang diseludup dan dirampas yang tidak dikenakan cukai dihapuskan oleh Kastam Diraja Malaysia. Apakah prosedur untuk menghapuskan barang-barang seperti rokok, bir dan lain-lain. Kebanyakan daripada barang-barang ini muncul semula di pasaran Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semua barang-barang yang dilucutkan haknya hendaklah dilupuskan mengikut arahan Ketua Pengarah Kastam selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 127(2) Akta Kastam 1967, seksyen 65(3) Akta Eksais 1976, seksyen 53(3) Akta Cukai Jualan 1972.

2. Kenyataan bahawa barang-barang yang dilupuskan oleh pihak KDRM dijual semula di pasaran negeri Sabah adalah tidak benar

memandangkan rokok dan minuman keras yang dirampas oleh pihak Kastam Diraja Malaysia (KDRM) akan dimusnahkan sebaik sahaja siasatan dan kes mahkamah selesai. Sehubungan itu, barang-barang rampasan tersebut biasanya telah pun luput tarikh dan tidak akan dapat digunakan lagi. Oleh yang demikian, tiada kemungkinan terdapat pihak dalaman yang mengambil kesempatan ke atas penjualan semula barang-barang rampasan oleh KDRM di Sabah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]  
**SOALAN :**

Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada merokok akan diharamkan di tempat-tempat orang ramai yang berhawa dingin seperti pusat karaoke, bar dan diskop.

Tuan Yang DiPertua,

Negara kita telah menjadi parti kepada perjanjian antarabangsa WHO *Framework Convention On Tobacco Control (FCTC)* pada 15 Disember 2005 dan sehingga bulan ini, sebanyak 168 buah negara di dunia ini telah menjadi parti kepada perjanjian antarabangsa WHO FCTC ini yang bertujuan untuk melindungi generasi sekarang dan masa hadapan daripada kemudarat kesihatan, kerosakan sosial, persekitaran dan ekonomi akibat daripada penggunaan tembakau dan pendedahan kepada asap tembakau.

Selaras dengan komitmen Negara terhadap *WHO FCTC*, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi melindungi rakyat daripada bahaya merokok dan pendedahan terhadap asap rokok. Setakat ini Kementerian Kesihatan telah mewartakan sejumlah 20 kawasan tumpuan orang ramai sebagai Kawasan Larangan Merokok melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau seperti di **Lampiran 1**.

Di bawah Peraturan 11.(1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, semua pusat hiburan atau teater, termasuk pusat karaoke telah diwartakan sebagai tempat dilarang merokok, kecuali pub, diskو, kelab malam atau kasino. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang bahaya merokok, menegah golongan orang belum dewasa daripada memulakan tabiat merokok, mengawal kebolehcapaian dan kemampuan pengguna daripada membeli rokok serta menggalakkan perokok untuk berhenti merokok. Kementerian Kesihatan juga akan mewartakan lebih banyak lagi kawasan larangan merokok bagi melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok basi disamping meningkatkan usaha agar semua tempat hiburan termasuk pub, diskو, kelab malam atau kasino dijadikan kawasan larangan merokok pada masa akan datang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

: BUKAN LISAN

DARIPADA

: YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD  
GHAZALI [TITIWANGSA]

RUJUKAN

: 22 [PR-1231-L36685]

SOALAN

:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan dengan jelas kaedah atau mekanisma pembangunan Kampung Baru serta siapa yang akan dilantik menganggotai badan amanah dan badan mana pula akan bertindak sebagai pemaju serta nyatakan juga jumlah dana yang akan diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) sedang menyediakan Memorandum Jemaah Menteri mengenai cadangan konsep dan kaedah pelaksanaan pembangunan semula Kampong Bharu, untuk dibentangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Cadangan pembangunan semula Kampong Bharu ini adalah dengan mengambil kira semua aspek penting termasuklah konsep dan kaedah

pembangunan semula Kampong Bharu, penyelesaian isu-isu yang berkaitan dengan tanah dan mekanisma pembangunan yang akan digunakan.

Secara umumnya, cadangan pembangunan semula Kampong Bharu ini adalah selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa lawatan ke Kampong Bharu pada 6 Februari 2010 yang lalu.

Sebarang pengumuman lanjut mengenai cadangan pembangunan semula Kampong Bharu ini hanya akan dibuat setelah pihak Kerajaan membuat keputusan mengenainya nanti.

SOALAN NO: 258

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD  
GHAZALI [ TITIWANGSA ]

SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan pecahan peratus mengikut bilangan siaran dan masa siaran rancangan-rancangan televisyen swasta mengikut jenis iaitu seperti hiburan, dokumentari, agama Islam, berita dan lain-lain serta nyatakan juga peratus rancangan luar negara dan tempatan.

**JAWAPAN:**

Pada keseluruhannya stesen-stesen TV di bawah Media Prima Berhad menyiarakan 53% kandungan tempatan dan 47% kandungan asing, Pecahan peratusan rancangan-rancangan Media Prima Berhad adalah seperti berikut:

<b>Jenis Program</b>	<b>Masa Siaran (%)</b>
Hiburan	61.95
Dokumentari (termasuk program keilmuan, kanak-kanak, dsb)	17.7
Agama Islam	2.54
Berita	4.86
Lain-lain	11.34
<b>JUMLAH</b>	<b>100.00</b>

Bagi stesen penyiaran ASTRO pula, pecahan peratus program yang diambil kira adalah program-program yang disiarkan di saluran-saluran tempatan yang di pakej sendiri oleh ASTRO sahaja, iaitu tidak termasuk program yang disiarkan di saluran-saluran antarabangsa. Secara amnya, bilangan saluran antarabangsa adalah melebihi saluran tempatan. Peratusan bagi program mengikut masa siaran di saluran tempatan ASTRO adalah seperti berikut:

Jenis Program	Masa Siaran (%)
Hiburan	66
Dokumentari	13%
Agama Islam	6
Berita	14%
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

Peratusan Kandungan Asing : 72.1%

Peratusan Kandungan Tempatan: 27.9%

NO. AUM : ~~264~~ 259

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI  
[ TITIWANGSA ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2573**

**SOALAN:**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan anak luar nikah yang berdaftar, bilangan bayi atau janin yang dibuang dan ditemui, berapa yang hidup dan berapa yang mati serta bagaimana prosedur untuk mengambil mereka sebagai anak angkat.**

## JAWAPAN:

Berdasarkan kepada rekod Kementerian Dalam Negeri, jumlah anak luar nikah yang dideftarkan di bawah Akta Pendaftaran, Kelahiran dan Kematian 1957 di Malaysia bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah 214,033 orang. Manakala bilangan bayi yang dibuang atau ditemui yang dilaporkan dari tahun 2007 sehingga tahun 2009 berjumlah 257 orang dengan pecahan seperti berikut:

BIL.	TAHUN	HIDUP	MATI	JUMLAH
1.	2007	41	35	76
2.	2008	46	56	102
3.	2009	37	42	79
JUMLAH		124	133	257

Prosedur mengambil anak angkat bagi anak luar nikah atau anak yang dibuang bagi orang Islam adalah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dengan syarat-syarat yang disenaraikan seperti berikut:

1. Kanak-kanak berumur bawah 18 tahun yang belum pernah berkahwin dan sedang dijaga, dididik, dibesarkan dan ditanggung oleh ibu bapa angkat selama tidak kurang daripada 2 tahun yang berterusan;

2. Umur salah seorang ibu atau bapa angkat telah mencapai 25 tahun dan sekurang-kurangnya 18 tahun lebih tua daripada kanak-kanak atau telah mencapai umur 21 tahun sekiranya mempunyai tali persaudaraan dengan kanak-kanak; dan
3. Kanak-kanak dan ibu bapa angkat adalah bermastautin di Malaysia.

Bagi permohonan pengangkatan bukan Islam ianya adalah tertakluk di bawah Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang perlu melalui proses mahkamah. Pendaftaran pengangkatan boleh dilakukan sebaik sahaja mendapat Perintah Mahkamah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LEGAN

DARIPADA : YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMED GHAZALI  
(PAS) (TITIWANGSA)

TARIKH : 16 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Dr. Lo' Lo' binti Mohamed Ghazali (PAS) (Titiwangsa) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa peratus rumah-rumah kebajikan kanak-kanak yang berdaftar serta mendapat peruntukan daripada Kementerian dan berapa pula yang tidak berdaftar.

**JAWAPAN :**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan peruntukan kepada rumah-rumah kebajikan yang dikendalikan oleh badan-badan bukan Kerajaan (dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan) bagi menyokong perkhidmatan yang disediakan oleh rumah-rumah kebajikan tersebut kepada kumpulan sasar Jabatan.

Bagi tahun 2009, sebanyak 80 buah rumah kebajikan kanak-kanak menerima peruntukan daripada Kementerian yang berjumlah RM7,845,042. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 buah rumah kebajikan kanak-kanak ataupun 16 peratus masih sah pendaftaran manakala sebanyak 67 buah rumah kebajikan kanak-kanak ataupun 84 peratus lagi sedang dalam proses pendaftaran semula.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-3, PARLIMEN KE-12

PERTANYAAN

: BUKAH JAWAB LISAN/BERKULIS

MARIFADA:

: DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI  
(TITIWANGSA - PAS)

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa - PAS ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan peranan yang dijalankan untuk menghalang dan menghapuskan budaya barat yang keterluan yang tidak bermanfaat kepada belia di negara kita terutamanya belia Islam dari sudut sosial seperti budaya merayakan Valentine, seks bebas, pengguguran dan pembuangan bayi.

JAWAPAN

Sehingga kini, Kementerian Belia dan Sukan telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi menangani isu keruntuhan akhlak belia. Program-program anjuran Kementerian menitikberatkan aspek menyemai nilai-nilai murni dalam diri belia dan berteraskan kepada aspek pembangunan kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran. Di samping itu, Kementerian turut menyelitkan unsur-unsur patriotisme dan kesukarelaan serta pelaksanaan pelbagai program sukan dan rekreasi yang boleh membangunkan tingkah laku positif di kalangan belia masa kini. Selain itu, kesungguhan Kerajaan dalam perkara ini telah dizahirkan dengan terubuhnya Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) setelah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Februari 2010 yang lalu dan Kementerian Belia dan Sukan sebagai peneraju. Di mana, Jawatankuasa Kabinet ini dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri

dan dianggotai 12 Kementerian berkaitan. Jawatankuasa ini bertujuan memantapkan lagi pelaksanaan pelbagai program khususnya pembangunan modal insan bagi melahirkan generasi muda yang lebih produktif dalam pembangunan sosio-ekonomi negara di masa depan.

Namun, usaha untuk menangani isu ini bukanlah tugas dan tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Malah ia memerlukan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin masyarakat dan yang paling penting ialah ibu bapa selaku orang paling dekat dengan belia.

NO: 382

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN SAIFUDDIN  
NASUTION BIN ISMAIL  
[ MACHANG ]**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan senarai kem-kem tentera dan kuarters di seluruh negara yang dikategorikan sebagai uzur dan daif dan perancangan Kementerian menyentuh masalah ini.

**JAWAPAN:**

Adalah tidak dinafikan bahawa terdapat kem-kem Tentera Darat (TD) serta rumah keluarga tentera yang usang. Sebanyak 28 buah daripada 350 buah kem TD yang telah dikenalpasti sebagai kem usang. Bangunan tersebut merupakan bangunan lama peninggalan Tentera British.

Kementerian Pertahanan telah mengambil inisiatif dengan melancarkan Projek Rehabilitasi Kem-kem TD (membaikpuiih kem-kem usang) yang mana dikenali sebagai program *ARMY CARE*. Program ini dilaksanakan dengan merobohkan semua bangunan-bangunan usang dan membina semula bangunan-bangunan baru di lokasi yang sama mengikut susunatur yang bersesuaian. Ianya menggunakan konsep *Industrialised Building System (IBS)* atau pasang siap yang boleh menjimatkan kos dan jangka masa pembinaan. Kementerian telah memohon peruntukan dalam RMK – 10 bagi *Program Army Care*.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
[MACHANG]

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah di bawah kategori daif di seluruh negara, senaraikan mengikut jenis sekolah dan lokasi negeri dan apa perancangan Kementerian dalam menangani masalah ini.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah yang diletakkan di bawah kategori daif terdiri daripada bangunan sekolah yang tidak selamat, uzur dan dibina dari kayu. Sejumlah 2,101 buah sekolah di seluruh negara telah dikenalpasti di bawah kategori daif. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,553 sekolah adalah terdiri daripada sekolah rendah dan 548 sekolah daripada sekolah menengah. Negeri yang mencatatkan bilangan tertinggi bagi sekolah rendah yang daif adalah Sarawak (224 sekolah) dan bagi sekolah menengah pula adalah negeri Pahang (73 sekolah). Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah sekolah-sekolah daif tersebut seperti berikut:

- i. Memasukkan projek-projek pembaikan sekolah daif di bawah RMKe-10;
- ii. Membina blok-blok bangunan bagi menggantikan bangunan yang daif;
- iii. Membina kabin untuk bilik darjah sementara;
- iv. Melaksanakan ubah suai dan naik taraf; dan
- v. Melaksanakan projek-projek penyelenggaraan dan pembaikan.

Nr-264

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SAIFUDDIN  
NASUTION BIN ISMAIL  
[ MACHANG ]**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah asas-asas yang digunakan oleh pihak Kementerian dalam melantik perunding-perunding dalam proses pembelian peralatan persenjataan negara.**

JAWAPAN:

Proses pembelian peralatan senjata yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan secara dasarnya tidak menggunakan perkhidmatan perunding luar atau pihak ketiga. Sebarang kajian kesesuaian dan penentuan spesifikasi peralatan persenjataan Negara dilaksanakan sendiri oleh Kementerian Pertahanan melalui ketiga-tiga cabang perkhidmatan tentera yang kemudian disahkan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE).

Segala urusan perundingan adalah dilaksanakan secara terus dengan syarikat OEM atau *local agent*. Oleh itu, tidak wujud perunding luar yang dilantik oleh Kementerian dalam proses pembelian peralatan persenjataan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
[ MACHANG ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ MACHANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kes-kes disiplin di kalangan para pelajar sekolah menengah dan rendah dalam Parlimen Machang dan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes-kes disiplin di kalangan para pelajar sekolah menengah dan rendah dalam Parlimen Machang adalah seperti berikut:

KOD	Salah Laku	Jumlah	KOD	Salah Laku	Jumlah
112	Mencuri	11	553	Berkelakuan kasar (m)	14
113	Melawan guru	2	554	Bahasa kasar	1
115	Peras ugut	7	555	Menyimpan rokok	10
116	Buli	5	556	Merokok	29
120	Cabul	1	881	Ponteng kelas	74
121	Mengancam	9	882	Ponteng Sekolah	69
122	Menceroboh	2	883	Ponteng Perhimpunan	11
331	Rambut	38	884	Ponteng Ko	2
332	Kuku	18	886	Ponteng peperiksaan	1
334	Pakaian	15	911	Bergaduh	28
335	Perhiasan	4	912	Kenakalan	5
551	Berkelakuan kasar	4	914	Bawa Telefon	5

Bagi mengatasi masalah disiplin, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui PPD dan JPN Kelantan mengambil Langkah-langkah seperti berikut:

- i. Kelab Pencegahan Jenayah (KPI) telah ditubuhkan di semua sekolah menengah dan rendah dalam daerah Machang bagi menanam kesedaran salah laku jenayah di kalangan pelajar. Semua sekolah diwajibkan menghantar laporan ke PPD dan JPN;
- ii. Skuad Anti Ponterg telah ditubuhkan peringkat PPD dan sekolah dalam menangani gejala ponteng di sekolah. Data peratus kehadiran pelajar juga telah dipungut dari sekolah bermula September 2009 hingga Mac 2010. Kajian akan dibuat daripada peratus kehadiran pelajar tersebut selepas pelaksanaan program "Jom Ke Sekolah" yang diwajibkan setiap sekolah melaksanakannya. Bagi sekolah yang prestasi kehadirannya merosot akan dipantau oleh PPD dan JPN kerana dibuat peringkat daerah dan negeri;
- iii. Program menangani gejala disiplin secara peringkat sekolah rendah dengan kerjasama Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional (MAPAN) telah dilaksanakan pada 9 Mac 2010 melibatkan 400 orang murid. Peringkat sekolah menengah akan diadakan pada 24 Mac 2010 juga melibatkan 400 orang pelajar. Pengisiannya telah dibuat dengan kerjasama Majlis Kaunselor Daerah dan Ibu Pejabat Polis Daerah Machang;
- iv. Tahun 2010 telah diisyiharkan sebagai tahun penguatkuasaan disiplin murid di semua daerah di Kelantan. Instrumen pemantauan disiplin akan digunakan bagi pemantauan ke sekolah-sekolah;
- v. Program pemantau perhimpunan pagi telah dilaksanakan, iaitu semua pegawai PPD Machang akan berucap menyentuh masalah disiplin pelajar setiap pagi Ahad yang disusun secara berjadual;

- vi. Poster-poster disiplin telah diedar ke sekolah-sekolah bagi kesedaran pelajar seperti Poster Bahaya Merokok, Jaga Kesucian Diri Anda, Jangan Ponteng dan lain-lain;
- vii. Program Minda Sihat (PROMIS) telah dilaksanakan iaitu mengumpulkan pelajar-pelajar *High Risk* dari semua sekolah menengah bersama dengan ibu bapa pelajar di Peladang Inn. Pengisian program meliputi slot motivasi dan kerohanian;
- viii. Program Bina Jati Diri Remaja telah dilaksanakan di Sweet Beach Resort melalui kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Machang. Seramai 40 pelajar perempuan Tingkatan 4 telah dikenalpasti dan dipilih untuk melalui proses pemulihan; dan
- ix. Data Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM) dipungut secara berkala iaitu Fasa 1 - 1/1 hingga 30/4, Fasa 2 – 30/4 hingga 31/8 dan Fasa 3 – 01/9 hingga 15/11. Ini bertujuan untuk mengetahui masalah disiplin pelajar seterusnya merangka program-program yang sesuai.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :** TUAJ SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
(MACHANG)

**PERTANYAAN :** BERTULIS

**TARIKH :** 16.03.2010 -- 16.04.2010

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai syarikat-syarikat perjudian dan bilangan serta jenis-jenis lesen perjudian yang dimiliki oleh setiap syarikat-syarikat perjudian tersebut yang sedang beroperasi di Negara ini serta jumlah cukai perjudian yang dikutip oleh Kerajaan pada tahun 2008 dan 2009.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat lapan (8) operator perjudian yang dibenarkan beroperasi oleh Kerajaan di Malaysia. Senarai operator perjudian serta jenis lesen perjudian yang dimiliki adalah seperti berikut :

BIL.	OPERATOR PERJUDIAN	JENIS LESEN
(a)	Genting Malaysia Berhad	Lesen Kasino
(b)	Sports Toto Malaysia Sdn. Bhd.	Lesen Pertaruhan Pool

(c)	Magnum Corporation Sdn. Bhd.	Lesen Pertaruhan Pool
(d)	Diriwan Corporation Sdn. Bhd.	Lesen Pertaruhan Pool
(e)	Sandakan Turf Club	Lesen Pertaruhan Pool
(f)	Sarawak Turf & Equestrian Club	Lesen Pertaruhan Pool
(g)	Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd.	Dibenarkan beroperasi di bawah Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494] dan perjanjian penswastaan antara Lembaga Totalisator Malaysia dan Usaha Tegas Sdn. Bhd.
(h)	Pan Malaysian Sweeps Sdn. Bhd.	Dibenarkan beroperasi di bawah Akta Kelab Lumba Kuda (Ambil Tagan Awam) 1965 [Akta 404] dan perjanjian penswastaan antara kelab-kelab lumba kuda dan Usaha Tegas Sdn. Bhd.

2. Jumlah cukai perjudian yang dikutip oleh Kerajaan pada tahun 2008 ialah RM2,423,23,007.71 manakala cukai perjudian berjumlah RM2,455,561,372.68 dapat dikutip pada tahun 2009.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**KAWASAN : LEMBAH PANTAI**  
**NO.SOALAN : 267**

YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan nilai pelaburan langsung asing (FDI) terkini yang berjaya diraih oleh Halal Industry Development Corporation (HDC). Sila senaraikan mengikut kawasan projek HDC dan jumlah yang disalurkan.

**JAWAPAN**

Kerajaan menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah menubuahkan Halal Industry Development Corporation

**(HDC) untuk menerajui pembangunan industri halal secara komprehensif dan teratur.**

Kerajaan telah mewujudkan Pelan Induk Industri Halal (2008–2020) dengan menggariskan arah tuju pembangunan industri halal Malaysia. Namun demikian, tumpuan HDC pada ketika ini adalah bagi membina Sistem Eko Halal atau dikenali juga sebagai *Halal Eco-System* yang membawa pulangan yang lumayan serta dapat membina industri halal yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Kerajaan menerusi HDC telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan melabur di dalam pengeluaran produk halal dan menyediakan perkhidmatan berkaitan halal di Malaysia. Bagi menggalakkan pelaburan dalam industri ini, galakan cukai juga disediakan bagi pelabur-pelabur yang bercadang untuk menempatkan projek-projek mereka di dalam Taman-Taman Halal (*Halal Parks*) di Negara ini.

HDC turut bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan

Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Perbadanan Enterpris Kecil dan Sederhana (SME Corp) untuk menyertai Misi-misi Perdagangan dan Pelaburan ke luar negara anjuran pihak-pihak yang berkenaan bagi menggalakkan pelaburan, meningkatkan kesedaran mengenai halal serta mempromosikan industri halal Malaysia. HDC turut menjemput pengeluar-pengeluar produk halal tempatan untuk bersama-sama menyertai seminar dan pameran-pameran antarabangsa berkenaan bagi mengembangkan pasaran pengeluaran syarikat di samping mewujudkan jaringan pemadanan perniagaan.

Sejak HDC ditubuhkan, di antara pelaburan langsung asing (FDI) yang mendapat insentif halal HDC termasuklah daripada Syarikat Nestle Malaysia Berhad menerusi Nestle Manufacturing (M) Sdn. Bhd. yang diluluskan pada tahun 2008 di mana ianya melibatkan jumlah kos pelaburan sebanyak RM800 juta bagi mengeluarkan *soluble coffee, chocolate products, air dried noodles, non-dairy creamer, cereal products, dairy products* dan *culinary products* di Selangor.

Bagi tahun 2009, dua (2) buah syarikat telah menerima insentif halal melalui HDC yang melibatkan pelaburan berjumlah RM750 juta. Syarikat-syarikat berkenaan termasuklah :-

- Syarikat Concept Amenities Sdn.Bhd. daripada Australia bagi mengeluarkan barang kosmetik dan penjagaan diri (*cosmetic and personal care*) halal di Taman Halal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dengan nilai pelaburan sebanyak RM 400 juta ; dan
- Syarikat PML Dairies Sdn.Bhd. yang kini di dalam proses pembinaan mendirikan kilang pengeluaran di Selangor Halal Hub, Puiau Indah dengan nilai pelaburan sebanyak RM 350 juta untuk mengeluarkan produk *sweetened condensed milk, evaporated milk, sterilized milk, pasteurized milk* dan *pasteurized juice*.

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2010, dua (2) buah syarikat telah diberi kelulusan dengan nilai pelaburan berjumlah RM 380 juta seperti berikut :-

- Syarikat Cargill Palm Products Sdn.Bhd. daripada Amerika Syarikat dengan nilai pelaburan sebanyak RM350 juta untuk mengeluarkan barang berdasarkan bahan dan kandungan halal (*Halal Ingredients*) di Taman Halal PKFZ ; dan
- Syarikat QP Malaysia Sdn.Bhd. daripada Jepun dengan nilai pelaburan sebanyak RM30 juta bagi produk mayonis di Taman Halal Serkam, Melaka.

MJ: 268

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE DUA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI**

**ANWAR**

**(LEMBAH PANTAI)**

**SOALAN : 268**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam memastikan penyelidikan-penyalidikan yang telah dibuat oleh penerima e-ScienceFund dikomersil dan dipatenkan secepat mungkin. Senaraikan nama penyelidik daripada 142 penyelidik yang menerima geran di bawah program e-ScienceFund ini untuk 2009 yang berjaya mendapatkan paten untuk produk mereka.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah memperkenalkan skim ScienceFund yang berperanan bagi membantu membiayai projek-projek penyelidikan R&D di peringkat asas yang bertujuan menjana pengetahuan baru dalam sains asas dan gunaan di samping meningkatkan keupayaan penyelidikan

dalam negara serta untuk menambah bilangan penyelidik yang berkebolehan dan berkepakaran. Skop pembiayaan ScienceFund meliputi proses di peringkat pra penyelidikan sehingga penghasilan prototaip di peringkat makmal. Semua prototaip yang berjaya dihasilkan daripada penyelidikan dalam sains sasas dan gunaan perlu diperingkatkan di peringkat pembangunan teknologi R&D sebelum iaanya sedia untuk dikomersilkan. Antara aktiviti-aktiviti yang terlibat di peringkat pembangunan teknologi R&D sehingga ke peringkat pra pengkomersilan adalah meliputi pembangunan teknologi dan pengembangan prototaip sedia dikomersialkan (commercial ready prototype), loji perintis (pilot plant) dan aktiviti inkubasi bagi menangani jurang pembiayaan yang wujud dalam aktiviti pra pengkomersilan.

Dalam usaha untuk memastikan penyelidikan-penyeleidikan yang telah dibuat oleh penerima e-ScienceFund dikomersil dan dipatenkan secepat mungkin, Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:

- penubuhan MyNIC;
- penyediaan sumber pembiayaan berdasarkan kepada rantai nilai R,D&C;
- ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Penilaian terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang penyelidikan masing-masing;

- pemberian geran adalah berdasarkan kepada bidang keutamaan negara;
- melahirkan persekitaran pengkomersilan yang kondusif;
- keutamaan kepada penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersilkan;
- pemberian subsidi bayaran memfailkan harta intelek;
- pewujudan pasukan pengurusan projek (PMT) bagi pemantauan projek-projek diluluskan;
- bekerjasama dengan pihak MyIPO dalam memudah dan memendekkan proses kelulusan paten;
- menjadikan bilangan projek yang berjaya disiapkan dan bilangan yang berjaya dikomersilkan sebagai sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI); dan
- membuat penilaian *outcome* ke atas projek-projek yang telah siap.

Sehingga kini, sebanyak 2,820 projek telah diluluskan di bawah skim ScienceFund dengan peruntukan sebanyak RM522.74 juta. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 215 projek telah diluluskan dalam tahun 2009 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM39.23 juta dan tempoh perlaksanaan projek adalah selama dua tahun.

Berdasarkan kepada prosedur pendaftaran paten sedia ada, proses pendaftaran paten akan mengambil masa selama 5 tahun.

Kebanyakkan penyelidik hanya dapat memfailkan paten mereka selepas projek berakhir. Sehubungan itu, bilangan pendaftaran paten bagi projek yang diluluskan dalam tahun 2009 hanya dapat diketahui pasti pada tahun 2011. Bagi RMKed, sebanyak 2,180 projek telah diluluskan di bawah program ICDA. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 2,001 projek telah berjaya disiapkan. Hasil daripada projek siap, sebanyak 393 paten telah memohon pendaftaran paten dimana 193 daripada jumlah berkenaan telah berjaya memfailkan paten.

NO AUM : ~~274~~ 269

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA :** **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[ LEMBAH PATAI ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** **2526**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :**

- (a) Jumlah kematian dalam tahanan polis dari januari hingga Disember 2009. Nyatakan mengikut bangsa dan sebab kematian ; dan
- (b) Berapakah daripada jumlah kematian yang selesai menjalankan inkues. Nyatakan tindakan-tindakan yang diambil bagi kes-kes kematian yang mana inkues tertangguh atau tidak dijalankan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sebahagian besar daripada kematian orang tahanan dalam lokap adalah berpunca daripada masalah kesihatan. Statistik bagi kematian dalam tahanan polis mengikut bangsa, sebab kematian dan perkembangan inkues bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :

PERKARA / NEGERI	JUMLAH KEMATIAN	BANGSA	SEBAB KEMATIAN	INKUES
PULAU PINANG	1	Cina	Gantung Diri	masih dalam siasatan
SELANGOR	3	India	Asma, Paru-Paru Berair Dan Toxaemia Secundar To Spontaneous Terponitis	dua inkues masih dalam rujukan Timbalan Pendakwahya
KUALA LUMPUR	1	India	Mati disebabkan pengambilan dadah	Sedang dibicarakan di mahkamah

<b>JOHOR</b>	2	Seorang Cina Dan Seorang India	Gantung Diri	Satu kes telah diklasifikasikan sebagai “no <i>further action</i> ” dan satu kes masih dalam sisatan
<b>JUMLAH</b>	7			

KK/BP(1.10)294/G-73 S.J.B/(TULIS)/(39)

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIADARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
(LEMBAH PANTAI)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010-22.04.2010

Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan status penempatan lebih kurang 10,000 orang penduduk Bakun Sg. Asap, Belaga. Sila perincikan tawaran daripada pihak Kerajaan dari segi harga rumah, keluasan tanah untuk tanaman dan peluang pekerjaan pada masa hadapan.

## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, proses pemindahan dan penempatan sebahagian besar penduduk Bakun ke Penempatan Sg Asap adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan telah dilaksanakan semenjak tahun 1997/1998. Penempatan Sg Asap mempunyai kemudahan seperti berikut:

- i. Dua buah sekolah rendah;
  - ii. Sebuah sekolah menengah;
  - iii. Dua buah poliklinik;
  - iv. Pusat perniagaan (deretan kedai);
  - v. Kemudahan asas seperti elektrik, bekalan air bersih dan jalan bertar; dan
  - vi. Dewan serba guna.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi penduduk yang dipindahkan pula, Kerajaan Negeri telah menyediakan sebuah rumah dan sebidang tanah berukuran 3 ekar bagi setiap keluarga untuk tujuan pertanian.
3. Selain itu, penduduk juga berpeluang bekerja di Projek Hidro Murum yang telah pun bermula pembinaannya selain di Projek Bakun sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANUAR

(LEMRAH PANTAI)

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anuar (Lembah Pantai) minta PERDANA MENTERI menyatakan alasan-alasan kukuh mengapa Kerajaan meluluskan kenaikan gaji dan elaun 98 ribu anggota-anggota Polis dan jumlah pertambahan perbelanjaan Kerajaan berikutan kenaikan tersebut. Nyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak menimbangkan kenaikan gaji dan elaun kesemua 1.2 juta kakitangan awam.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sebenarnya telah meluluskan penambahbaikan skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan skim perkhidmatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel dan bukannya kenaikan gaji bagi keseiuruhan pegawai dan anggota PDRM.

Perubahan skim perkhidmatan PDRM ini meliputi syarat lantikan dan kelayakan mengikut Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP), pemansuhan dan penggabungan pangkat serta penstrukturkan semula pangkat. Misalnya, kelayakan masuk bagi pangkat Inspektor telah dipertingkatkan daripada STPM/ Diploma kepada Ijazah Sarjana Muda kepujian dan lantikan terus ke pangkat Sarjan dengan kelayakan STPM/ Diploma. Perubahan kelayakan masuk ke jawatan-jawatan ini seterusnya meletakkan penyandang di jadual gaji yang berkaitan. Perubahan ini melibatkan implikasi kewangan tambahan sebanyak RM110.3 juta setahun.

Kerajaan sentiasa membuat penambahbaikan ke atas saraan pegawai sektor awam dan yang terakhir ialah dengan Pemberian Kenaikan Gaji sebanyak 7.5% hingga 42% pada tahun 2007. Kajian untuk penambahbaikan sistem saraan akan dilaksanakan dan pelaksanaannya bergantung pada kesesuaian dan kedudukan kewangan kerajaan.

SOALAN NO. ( 272 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN :- REPUTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
(TELUK INTAN)

SOALAN :-

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELUK INTAN)  
minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- (a) berapakah jumlah peruntukan untuk Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kepada MPTI pada tahun 2009.; dan
- (b) apakah keadaan kewangan surplus atau deficit (Financial position) MPTI untuk tahun berakhir 2009 sebelum dan selepas audit.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)  
melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menyalurkan  
sebanyak RM6.066 juta kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan  
(MPTI) manakala pihak Kerajaan Negeri Perak pula telah

menyalurkan peruntukan sebanyak RM278,000 (**DUA RATUS TUJUH PULUH LAPAN RIBU**). Peruntukan yang disalurkan adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur, sosio-ekonomi dan ICT.

Selain itu, Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) menerima pemberian Geran Tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebanyak RM2.446 juta, Sumbangan Membantu Kadar sebanyak RM227,245.05 dan RM3.783 juta di bawah Pakej PRE-2. Penyata kewangan MPTI tahun berakhir 2009 belum diserahkan untuk semakan pihak Audit.

Sungguhpun demikian, kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan bagi tahun berakhir 2006, 2007 dan 2008 adalah '*surplus*' selepas auditan iaitu RM231,759.00 (2006), RM4,378,618.00 (2007) dan RM3,971,891.00 (2008).

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2010

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
[ TELUK INTAN ]

SOALAN :

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Teluk Intan ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

- (a) adakah ia benar bahawa seorang bernama Wong Keng Liang juga dikenali sebagai Anson Wong masih diberi permit khas atau diberi permit khas untuk mengeksport hidupan liar yang terkawal; dan
- (b) adakah ia benar bahawa pada tahun 2000 lesen untuk eksport 30,000 ekor Asiatic Cobra dan 20,000 monitor lizard diisi kepada sebuah syarikat tanpa mengenakan sebarang bayaran.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wong Keng Liang atau dikenali sebagai Anson Wong tidak diberi permit khas untuk mengeksport hidupan liar yang terkawal. Sehingga kini pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) hanya memperbaharui permit khas yang dikeluarkan kepadanya pada 1998 untuk menyimpan / memelihara 10 ekor buaya tembaga (*Crocodylus porosus*).
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa pada tahun 2000 lesen untuk eksport 30,000 ekor Asiatic cobra dan 20,000 monitor lizard dikeluarkan kepada sebuah syarikat tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Sekian, terima kasih.

Alt - 244

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : RUMAH JAWAB ISIRAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN MANOGARAN  
A/L MARIMUTHU  
(TELOK INTAN)**

### **SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

- (a) apakah faedah-faedah yang diberi kepada ahli-ahli Lembaga Tabung Angkatan Tentera; dan
- (b) adakah faedah atau kepentingan diberi kepada ahli-ahli LTAT untuk biasiswa atau pinjaman pendidikan pada peringkat kolej/universiti untuk anak-anak ahli.

## **JAWAPAN:**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) adalah sebuah Badan Berkanun Kerajaan di bawah Kementerian Pertahanan yang ditubuhkan pada 1 Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen 101, 1973. Objektif utama penubuhan LTAT adalah untuk memberi faedah persaraan dan faedah-faedah lain untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Lain-lain Pangkat (Pencarum Wajib) dan satu skim simpanan untuk pegawai-pegawai Angkatan Tentera serta Anggota Kerahan Angkatan Sukarela (Pencarum Sukarela).

Di bawah peruntukan akta ini, LTAT menyediakan faedah-faedah seperti berikut:

- (i) Pengeluaran wang caruman termasuk dividen dan bonus mengikut kategori-kategori pencarum.
- (ii) Skim faedah khairat kematian dan hilang upaya.
- (iii) Pengeluaran sebahagian caruman untuk membeli rumah.

Faedah atau kepentingan yang diberi kepada anak-anak ahli LTAT bagi melanjutkan pengajian diperingkat kolej / Universiti dalam bentuk biasiswa atau pinjaman pendidikan merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) LTAT. Faedah-faedah ini tidak dinyatakan sebagai peruntukan di dalam Akta 104.

(i) Faedah Berbentuk Biasiswa

Faedah-faedah berbentuk biasiswa atau pinjaman pendidikan dibuat melalui Yayasan Warisan Perajurit (YWP).

(ii) Anugerah Kecemerlangan Akademik Anak-Anak Anggota Angkatan Tentera Malaysia

Sumbangan LTAT dalam bidang pendidikan juga merangkumi proses pendidikan di peringkat pra pengajian tinggi yang diberi melalui Kecemerlangan Akademik Anak-Anak Anggota ATM. Ia bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada anak-anak anggota ATM yang mencapai tahap kecemerlangan dalam bidang akademik di peringkat PMR dan SPM.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
[ TELOK INTAN ]**

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) berapakah peruntukan yang diberi untuk sekolah Cina dan Tamil dibawah Rancangan stimulus kedua; dan
- (b) berapakah jumlah yang dibelanja dibawah rancangan tersebut untuk sekolah-sekolah Cina dan Tamil dan sila beri butir-butir perbelanjaan dan projek yang dimajukan.

### JAWAPAN

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin terhadap pembangunan pendidikan termasuklah daiam pembangunan infrastruktur. Justeru, tiada dasar diskriminasi diamalkan terhadap mana-mana kategori sekolah, sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. KPM berusaha memenuhi keperluan semua murid daiam mengakses pendidikan yang lebih berkualiti.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 setiap jenis sekolah bantuan kerajaan diluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta meliputi pembinaan blok tambahan dan kos penyelenggaraan sekolah. Manakala di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2, sebanyak RM50 juta diluluskan bagi SJKT dan RM95 juta diluluskan untuk SJKC.

**SOALAN NO:276**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** YB MANOGARAN A/L MARIMUTHU

**SOALAN** :

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta PERDANA-MENTERI menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah Mahkamah Perlembagaan (*Constitutional Court*) memandangkan baru-baru ini terdapat banyak kes-kes Perlembagaan yang dibawa ke Mahkamah Tinggi dan atas.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan suatu Mahkamah Perlembagaan. Sistem Keadilan di Malaysia telah pun membuat peruntukan yang sewajarnya bagi pendengaran kes-kes yang menyentuh isu Perlembagaan.
2. Secara umumnya sesuatu kes dibicarakan menurut bidang kuasa mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] bagi Mahkamah Tinggi, Rayuan dan Persekutuan dan Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] bagi Mahkamah Majistret dan Sesyen.
3. Sekiranya timbul apa-apa isu yang menyentuh peruntukan Perlembagaan di Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan, maka isu tersebut boleh dikemukakan kepada Mahkamah Persekutuan untuk diselesaikan. Perkara ini diperuntukkan dalam Fasal (2)

Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa “.. jika dalam mana-mana prosiding di hadapan suatu mahkamah lain suatu soal berbangkit tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini, Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa (terbatuk kepada mana-mana kaedah mahkamah yang mengawal serta perjalanan bidang kuasa itu) untuk memutuskan soal itu dan menghantar balik kes itu kepada mahkamah yang satu lagi untuk dibereskan mengikut keputusan itu”.

4. Sehubungan dengan peruntukan Perkara 128 tersebut, seksyen 30 dan seksyen 84 Akta 91 memperuntukkan bahawa mahkamah rendah dan Mahkamah Tinggi boleh menggantung apa-apa prosiding di hadapannya sekiranya apa-apa soal berbangkit tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan dan merujukkan soal itu kepada Mahkamah Persekutuan untuk diputuskan.

5. Selain itu, Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh merujukkan kepada Mahkamah Persekutuan untuk pendapatnya apa-apa soal tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang telah berbangkit atau yang tampak padanya mungkin berbangkit. Mahkamah Persekutuan hendaklah

mengumumkan pendapatnya tentang apa-apa soal yang dirujukkan kepadanya itu di dalam mahkamah terbuka.

6. Tatacara untuk merujukkan isu Perlembagaan ke Mahkamah Persekutuan telah diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 [P.U(A) 376/1995]. Kaedah-kaedah yang berkaitan adalah di Bahagian XI dan XII (Kaedah 31-44).

7. Memandangkan peruntukan undang-undang sedia ada telah dengan jelas memberikan kuasa kepada Mahkamah Persekutuan maka adalah memadai kes-kes Perlembagaan ditangani oleh Mahkamah Tertinggi Negara dan tiada keperluan untuk menubuhkan suatu Mahkamah Perlembagaan bagi mengendalikan kes-kes Perlembagaan secara khusus.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO : 277

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN :            BUKAN LISAN  
DARIPADA :            DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI  
                          [ KUALA KRAI ]  
SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan rasional untuk KKM bersikap mundur dalam menyediakan Klinik 1Malaysia yang dikendalikan oleh pembantu Perubatan setelah begitu berbangga menaiktaraf Klinik 1Malaysia menjadi klinik yang mempunyai doktor dan doktor pakar dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan kerajaan dalam menyediakan Klinik 1Malaysia ini adalah pendekatan yang bersikap rasional, kearah rakyat didahulukan pencapaian diutamakan.

Selain dari itu, kriteria penubuhan Klinik 1Malaysia ini antara lainnya haruslah berada di kawasan bandar / perumahan yang mempunyai populasi yang berkepadatan tinggi yang mana jika dilihat golongan masyarakat yang menduduki dikawasan ini adalah golongan yang berpendapatan rendah dan amat memerlukan perkhidmatan kesihatan. Disamping itu juga lokasi yang mampu dan mudah diakses oleh penduduk menjadikan Klinik 1Malaysia ini mendapat sambutan dari masyarakat setempat. Kebanyakan dari mereka ini hanyalah ingin mendapatkan rawatan kuratif bagi penyakit ringan yang boleh dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Perubatan.

Sehingga kini terdapat sebanyak 802 Klinik Kesihatan dan 1927 Klinik Desa. Kebanyakan klinik kesihatan ini terletak di kawasan luar bandar. Justeru, penubuhan Klinik 1Malaysia adalah salah satu cara bentuk penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada sasaran masyarakat yang tepat di kawasan bandar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : DR. MOHD HAYTA BIN MD RAMLI  
SOALAN : NO.283

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada Kementerian ini memang menyediakan peruntukan menganjur program lawatan pelajar angkat dari luar negara ke kawasan-kawasan Parlimen di negara ini atau untuk kawasan tertentu sahaja dan berapa jumlah peruntukan yang disediakan untuk 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2009, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Persatuan Homestay Malaysia telah menganjurkan program khidmat komuniti bagi pelajar antarabangsa yang menuntut di IPT tempatan. Matlamat utama program ini dilaksanakan ialah untuk:

- i. mewujudkan satu ruang kepada pelajar antarabangsa bagi mendekati dan memberi khidmat kepada masyarakat setempat;
- ii. memberi pendedahan kepada pelajar antarabangsa tentang budaya masyarakat Malaysia agar dapat memahami dan menyesuaikan diri dengan budaya dan persekitaran tempatan;
- iii. membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa; dan

- iv. mempromosikan pelancongan *homestay* kepada masyarakat antarabangsa.

Sebanyak 18 institusi pengajian tinggi dan 37 *homestay* di seluruh negara terlibat dalam program ini yang melibatkan seramai 1,000 orang pelajar. Antara contoh program yang dianjurkan ialah *International Students Homestay & Community Service Programme* (Siri Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, *Hospitality & Tourism Management*) dan *1Malaysia Homestay and Community Service Programme*. Penginapan dan makan minum peserta dibiayai oleh Persatuan Homestay Malaysia, manakala KPT menyediakan peruntukan untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti khidmat komuniti di kampung terlibat.

Penentuan kawasan bagi pelaksanaan program tersebut dibuat berdasarkan kepada cadangan daripada Persatuan Homestay Malaysia yang menilai keupayaan operator *homestay* dalam menyediakan segala kemudahan yang diperlukan serta mampu melaksanakan aktiviti selari dengan kehendak dan objektif Kementerian. Bagi tahun 2010, KPT telah memperuntukkan sejumlah RM100 ribu bagi program Khidmat Komuniti Pelajar Antarabangsa.

10.2.9

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD  
RAMLI  
[KUALA KRAL]

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan semula 2 enjin jet *F5E* yang telah hilang dari pembelinya di Amerika Selatan.

**JAWAPAN:**

Urusan untuk mendapatkan semula enjin pesawat F5E yang telah dijumpai berada di Montevideo, Uruguay adalah dalam tindakan Jabatan Peguam Negara.

Buat masa sekarang, kos yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan balik kedua-dua enjin jet tersebut tidak dapat ditentukan jumlahnya secara terperinci. Bagaimanapun, kos-kos yang terlibat dalam proses pemulangan enjin jet tersebut antaranya adalah melibatkan kos pelantikan peguam di Uruguay, kos penterjemahan dokumen untuk digunakan di Uruguay dan Argentina, kos pengangkutan dan kos operasi lain.

Untuk makiuman, kedua-dua jet enjin tersebut kini berada di bawah kawalan pihak Kehakiman dan pihak keselamatan negara tersebut. Prosiding kehakiman dalaman telah dimulakan di Uruguay untuk mengenal pasti pihak-pihak lain di negara tersebut yang terlibat dalam kehilangan enjin jet tersebut. Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu memastikan pemilikan enjin jet tersebut tidak terjejas dan perintah diperoleh bagi mendapatkannya semula.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN :      BUKAN LISAN  
DARIPADA :            Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI  
                          (KUALA KRAI)  
SOALAN :

Y.B. Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) kesan jangka panjang vaksin anti H1N1 yang digunakan terhadap petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan, sama ada terdapat kesan sampingan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah sedia ada mempunyai sistem untuk memantau profil keselamatan semua produk ubat termasuk vaksin yang didaftarkan di Malaysia melalui *The Malaysian Adverse Drug Reactions Advisory Committee (MADRAC)*.

Sejak program vaksinasi pandemik A(H1N1) dijalankan pada Disember 2009, Kementerian sentiasa memantau sebarang kesan sampingan yang mungkin timbul selepas vaksinasi. Sehingga kini, tiada aduan awam diterima berhubung kesan samping vaksinasi

influenza A(H1N1). Juga, tidak terdapat kesan sampingan serius yang memerlukan kemasukan ke hospital ataupun rawatan khusus.

Walaubagaimanapun, daripada pemantauan Kementerian, terdapat sebahagian kecil laporan kesan sampingan ringan diterima seperti demam ringan (0.34%), sakit kepala (0.26%), sakit di tempat pelalian (0.14%), dan sakit otot (myalgia) 0.08%. Kesan sampingan ini merupakan kesan sampingan yang biasa yang mungkin timbul selepas proses vaksinasi dan adalah serupa dengan profil kesan sampingan yang direkodkan oleh lain-lain badan pemantauan antarabangsa.

Kementerian akan terus membuat pemantauan terhadap profil keselamatan vaksin pandemik A(H1N1) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI  
[ KUALA KRAI ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [ KUALA KRAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kriteria penyenaraian Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan apakah kelebihan yang diperolehi oleh sekolah ini dan untuk tempoh berapa lamakah sekolah ini kekal dikategorikan sebagai SBT.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dan mengekalkan kecemerlangan daripada pelbagai aspek sejak sekian lama. Langkah KPM memperkenalkan SBT ini adalah untuk mengangkat tahap kualiti pendidikan negara ke tahap yang paling tinggi sehingga ke peringkat global. Kewujudannya juga sebagai penanda aras yang menjadi pengukuran bagi sekolah-sekolah lain di negara ini.

Pemilihan SBT adalah melalui proses dua saringan iaitu;

- o **SARINGAN FERMAMA** adalah berdasarkan skor komposit yang diperoleh oleh sekolah. Skor komposit terdiri daripada Gred Purata Sekolah (GPS) untuk UPSR bagi Sekolah Rendah, dan gabungan PMR, SPM dan STPM untuk sekolah menengah serta skor Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) yang menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang telah diverifikasi. Bagi sekolah-sekolah melepassi sasaran atau *Exceed Target* (ET)

iaitu sekolah rendah yang melepassi skor komposit 84 peratus dan sekolah menengah yang melepassi skor komposit 92 peratus **boleh** dicalonkan untuk diproses dalam Saringan Kedua.

- **MELALUI SARINGAN KEDUA** pula, sekolah akan dinilai berdasarkan skor kriteria annex. Skor ini dinilai berdasarkan Instrumen Annex yang dibahagikan kepada 5 komponen bagi mengukur;
  - i) personaliti unggul yang dihasilkan oleh sekolah;
  - ii) anugerah yang diterima pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
  - iii) jalinan dengan institusi pengajian tinggi;
  - iv) jaringan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
  - v) pencapaian berbanding penanda aras di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi sekolah rendah, hanya tiga (3) skor tertinggi daripada 5 komponen, manakala empat (4) skor tertinggi untuk sekolah menengah akan diambil kira untuk pengiraan skor annex. Berdasarkan skor annex inilah, maka sekolah akan di *rank* semula daripada kedudukan tertinggi hingga yang terendah. Daripada kedudukan itulah kita memilih SBT seperti kumpulan pertama sebanyak 20 buah sekolah yang telah diumumkan baru-baru ini. Untuk makluman, ranking untuk Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah adalah berasingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pengiktirafan SBT ini, sekolah-sekolah tersebut akan menikmati pelaksanaan program latihan dan pembangunan profesionalisme guru dan pemimpin, pemberian autonomi kepada pihak sekolah untuk melaksanakan kurikulum dan pengurusan kakitangan yang luwes, penyediaan ganjaran berteraskan prestasi sekolah, guru-guru serta kakitangan dan pelaksanaan program bimbingan kepada sekolah lain.

Pengiktirafan SBT boleh dikekalkan selama-lamanya jika sekolah tersebut dapat mengekalkan prestasi kecemerlangan. Jika terdapat *trend* menurun dalam prestasi

sekolah (secara keseluruhan) selama 5 tahun berturut-turut maka pengiktirafan SBT akan digugurkan selepas tempoh tersebut.

**NO SOALAN : 282**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN**

**SOALAN :**

**Dato'Seri Ong Ka Chuan** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan perlaksanaan program perumahan untuk generasi kedua FELDA terutamanya FELDA di kawasan Parlimen Tanjung Malim.

**JAWAPAN : Y.B. DATUK AHMAD BIN HJ MASLAN**

**TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlaksanaan projek perumahan untuk generasi peneroka adalah projek bagi menunaikan tanggungjawab sosial FELDA kepada generasi peneroka. Projek ini dilaksanakan di rancangan secara berterusan mengikut peruntukan tahunan yang disediakan, kesesuaian kawasan dan lokasi serta keperluan setempat.

Bagi Kerajaan sedia mengkaji mengadakan projek perumahan untuk generasi rancangan yang terletak di Parlimen Tanjung Malim iaitu Trolak Utara, Trolak Timur, Trolak Selatan dan Sungai Klah. Berdasarkan kesesuaian kawasan, projek yang akan dilaksanakan dijalankan di Trolak Selatan di atas kawasan seluas 20 ekar dan melibatkan sebanyak 250 unit rumah.

MR. 283

SJ.B/TULIS/(19)

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010

Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimana dan sejauh manakah Paket Rangsangan Ekonomi (satu dan dua) yang dilaksanakan telah memberi impak yang positif kepada ekonomi negara dan rakyat jelata.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Paket Rangsangan Ekonomi 1 dan 2 telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi menangani krisis kewangan global dan seterusnya telah berjaya mengeluarkan ekonomi negara dari belenggu kemelesetan. Hasil usaha gigih Kerajaan dengan kerjasama padu semua pihak, ekonomi negara telah berjaya mencatatkan pertumbuhan di luar jangkaan sebanyak 4.5% dalam tempoh suku keempat 2009 setelah mengalami penguncutan -6.2% pada suku

pertama, -3.9% pada suku kedua dan -1.2% pada suku ketiga 2009. Pencapaian ini sebahagiannya disumbangkan oleh pertumbuhan memberangsangkan sektor pembinaan. Sektor pembinaan telah mencatatkan perkembangan kukuh sebanyak 9.2 % dalam tempoh suku keempat disokong oleh aktiviti yang lebih cergas bagi subsektor bukan kediaman dan kerja-kerja pertukangan khas berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Pertumbuhan sektor pembinaan juga telah merangsang pertumbuhan sektor-sektor lain seperti pembuatan dan perkhidmatan yang mana sekor-sektor ini berkembang dengan kukuh sebanyak 5.3% dan 5.1%.

2. Keyakinan para pelabur juga telah meningkat berikutan prestasi ekonomi yang semakin baik. Ini jelas dilihat apabila Indeks FBM KLCI mencatatkan peningkatan ketara sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diumumkan. FBM KLCI telah melonjak sehingga 1,329.84 mata pada 1 April 2010 berbanding 855.25 mata pada 10 Mac 2010. Sistem kewangan dan perbankan negara terus kukuh dengan paras pinjaman tak berbayar (NPL) berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 1.9% serta nisbah modal wajaran risiko (RWCR) sebanyak 15.1%, jauh melebihi paras 8% dalam piawaian antarabangsa. Kedudukan rizab negara juga kekal tinggi berjumlah RM331.7 bilion atau USD96.8 bilion pada 15 Mac 2010 yang mampu membiayai 9.2 bulan import tertangguh dan menampung 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.
3. Prestasi ekonomi yang semakin baik juga dapat dilihat melalui beberapa penunjuk utama ekonomi. Eksport negara dan Indeks

Pengeluaran Perindustrian (IPI) yang sebelum ini merosot ketara telah kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan positif. Ekspor negara meningkat 18.4% dan import berkembang 27.9% pada bulan Februari 2010 manakala, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) terus mengukuh sebanyak 12.7% pada bulan Januzri 2010. Bilangan pemberhentian berkurangan dengan ketara kepada 204 orang pada bulan Februari 2010 bertanding jumlah pemberhentian tertinggi 4,621 pekerja pada bulan Februari 2009. Sementara itu, harga komoditi kelai stabil dengan minyak mentah berada pada paras USD84.87 se tong dan getah pada paras RM10.51 sekilogram pada 1 April 2010. Manakala harga minyak sawit mentah berada pada paras RM2,580.00 se tan pada 31 Mac 2010.

4. Berdasarkan perkembangan ekonomi semasa adalah jelas PRE telah berjaya menyuntik ke dalam sistem ekonomi negara dan seterusnya merancak pertumbuhan ekonomi. Untuk makluman, sehingga 26 Mac 2010, sejumlah peruntukan RM20.7 bilion telah diagihkan kepada Kementerian dan agensi. Sebanyak 117,858 projek bernilai RM17 bilion di bawah kedua-dua PRE sedang dan telah dilaksanakan. Untuk makluman pihak Yang Berhormat, sejumlah RM13.9 bilion pembayaran telah dibuat dan sebanyak 112,450 projek telah pun siap dibina. Sebahagian besar projek adalah kerja-kerja membina dan membaik pulih rumah serta penambahbaikan sistem pengangkutan awam, pembangunan modal insan berkualiti dan pembinaan, membaik pulih serta menaik taraf sekolah, balai polis, hospital, jalan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perkembangan ekonomi semasa adalah jelas PRE telah berjaya merancak pertumbuhan ekonomi. Ekonomi negara telah berjaya keluar dari belenggu kemelesetan dan mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan yang seterusnya dapat menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: BAGI JAWAB LIGAM

DARIPADA

: DATO' SERI ONG KA CHUAN  
(TANJUNG MALIM)

SOALAN

: 289

Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah tahap reliabiliti jadual perjalanan perkhidmatan KTM Komuter dan bagaimana pihak KTMB merancang untuk meningkatkan tahap reliabiliti masa bertolak dan ketibaan di stesen-stesen sebagai langkah untuk meningkatkan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah monotapkan cecaran *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mencapai tahap *reliability* dan *punctuality* perkhidmatan KTM Komuter.

Bagi bulan Januari hingga Februari 2010, perkhidmatan KTM Komuter keseluruhannya telah mencapai 93% tahap *reliability* jadual perkhidmatan berbanding 100% tahap KPI yang ditetapkan. Manakala

tahap ketepatan waktu berlepas dan waktu tiba di stesen (*punctuality*) adalah sebanyak 95% dan 85% berbanding 100% tahap KPI yang telah ditetapkan.

Bagi meningkatkan tahap *reliability* masa bertolak dan tiba di stesen-stesen KTM Komuter, KTMB telah melaksanakan penjadualan semula jadual perjalanan tren komuter pada 1 November 2009. Tumpuan diberi kepada kawasan '*high density zone*' di mana perkhidmatan tren bagi kawasan ini adalah setiap 15 minit pada waktu puncak pagi (6.00 pagi – 10.00 pagi) dan petang (4.00 petang – 8.00 malam) dan 30 minit untuk waktu luar puncak. Walaupun KTMB pada masa ini mengalami masalah kekurangan set *Electric Multiple Unit* (EMU) untuk tujuan operasi, pengenalan dan penggunaan tren *hybrid* (set EMU yg ditarik dengan lokomotif berenjin diesel) untuk penyelesaian jangkamasa pendek ternyata dapat membantu mengatasi masalah *realibility* dan *punctuality* pada masa ini.

Langkah-langkah di atas telah dapat meningkatkan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatannya.

SOALAN NO: 285

PIEMONERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJONG MALIM ]

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilangan panggilan palsu yang telah diterima oleh talian kecemasan 999 sejak tiga tahun yang lepas dan apakah bentuk tindakan undang-undang yang telah diambil ke atas mereka yang berbuat demikian.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Purata panggilan masuk bagi talian kecemasan 999 ialah 1.3 juta sebulan. Dari Oktober – Disember 2007, jumlah panggilan palsu ke talian kecemasan 999 adalah 5.7 juta manakala bagi tahun 2008,

sebanyak 4 juta panggilan palsu telah direkodkan. Sehingga Mac 2009, jumlah panggilan palsu adalah sebanyak 2.4 juta.

Dalam mengurangkan panggilan palsu ke talian 999, SKMM telah mengambil tindakan penguat kuasaan ke atas pembuat panggilan palsu mengikut Seksyen 263 AKM 1998. Dua (2) kes telah didakwa di mahkamah di mana kes di Perlis dikenakan hukuman RM4000 manakala kes di Pulau Pinang masih belum dijatuhkan.

Selain daripada itu, SKMM dengan kerjasama pemberi perkhidmatan telah melaksanakan Penyekatan dan Penamatan Talian Tetap dan Mudah Alih pada 27 Mei hingga 25 Ogos 2009. Sebanyak 68 talian telah ditamatkan berikutan penyalahgunaan panggilan kecemasan 999.

Pelaksanaan Penamatan Talian Tetap dan Mudah Alih diteruskan untuk kali kedua bermula Januari sehingga Disember 2010.

**MEMERIKSAHAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : **PERTANYAAN BUKAN LISAN**

Dari-pada : **Dato' Seri Ong Ka Chuan**  
[ Tanjung Malim ]

Seterusnya : **[ No. 286 ]**

Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan harga jualan seliter biodiesel B5 yang bakal diperkenalkan. Apakah mekanisme yang akan diguna oleh Kerajaan untuk mengedarkan biodiesel ini dan adakah Kerajaan berhasrat meneruskan pelaksanaan biodiesel secara meluas jika harga pasaran minyak sawit mencecah paras tinggi.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Harga jualan seliter adunan lima peratus biodiesel dengan 95 peratus diesel (B5) untuk sektor bersubsidi adalah sama dengan harga diesel yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Sehubungan itu, sekiranya penggunaan adunan B5 dilaksanakan pada hari ini, harga jualan di stesen minyak sebanyak RM1.70 seliter akan dikekalkan. Manakala bagi sektor tanpa subsidi pula, harga jualan B5 akan ditentukan oleh

syarikat petroleum berdasarkan harga pasaran bebas (seperti amalan jualan diesel pada masa ini kepada sektor industri).

Pelaksanaan awal penggunaan B5 telah dilakukan mulai 3 Februari 2009 yang melibatkan kenderaan-kenderaan Jabatan Kerajaan iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kerja Raya Selangor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi tempoh Februari 2009 hingga Februari 2010, jumlah penggunaan B5 adalah sebanyak 6.04 juta liter dan melibatkan penggunaan biodiesel sawit sebanyak 266 tan.

Bagi menggalakkan penggunaan B5 secara meluas, Kerajaan telah bersetuju supaya pelaksanaan penggunaan B5 dilakukan mengikut wilayah. Fasa pertama pelaksanaan akan dilakukan di Wilayah Tengah mulai bulan Jun 2011 meliputi Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Selatan Perak, Pahang Barat, Negeri Sembilan, Melaka dan Utara Johor. Untuk mempercepatkan pelaksanaan program ini, Kerajaan akan membiayai pembinaan kemudahan pengadunan di enam depoh petroleum di Wilayah Tengah yang dianggarkan sebanyak RM43.1 juta. Depoh-depoh petroleum yang akan dilengkapi dengan kemudahan *in-line blending* ini adalah terletak di Pelabuhan Klang dan *Klang Valley Distribution Terminal* di Selangor, Port Dickson, Negeri Sembilan dan Tangga Batu, Melaka.

Berhubung kos tambahan adunan B5 pula, ia akan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat petroleum. Perbincangan berhubung mekanisme pelaksanaannya akan diadakan secara berterusan di antara Kementerian, Kementerian Kewangan dan syarikat-syarikat petroleum yang terbabit.

Pelaksanaan penggunaan B5 akan diteruskan walaupun harga pasaran minyak sawit mencecah paras tinggi dengan menyemak semula nisbah adunannya. Di samping itu, program ini juga memanfaatkan negara seperti mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, mengurangkan kebergantungan kepada import diesel petroleum dan memperkuatkan harga minyak sawit mentah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-3, PARLIMEN KE-12**

---

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN/ BERTULIS

DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE  
[ SETIU – BN ]

**SOALAN**

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee (Setiu)** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah pelaburan dalam sukan bola sepak di negara ini dalam tempoh lima tahun lalu dan apakah hasil daripada itu sudah dianggap memadai.

**JAWAPAN**

1. Sejak tahun 2005 hingga 2009, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah memperuntukkan sebanyak RM6,690,284 untuk menguruskan pelbagai program berkaitan penyediaan pasukan senior dan pelapis kebangsaan serta penganjuran kursus-kursus naik taraf jurulatih (lesen C ke lesen A).
2. Di samping itu, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah membelanjakan sebanyak RM147,019,419 dari tahun 2005 hingga 2009 bagi mengurus dan menjalankan operasi pengurusan termasuklah pelaksanaan program-program yang berkaitan pasukan kebangsaan.
3. Prestasi pencapaian sukan bola sepak telah menunjukkan perubahan yang positif. Di mana, pasukan bawah 23 tahun kebangsaan telah menjuarai acara bola sepak lelaki di temasya Sukan SEA XXV 2009 di Vientiane, Laos pada Disember 2009 yang lalu. Kejayaan ini amat bermakna kerana berjaya dicapai di luar Kuala Lumpur selepas kali terakhir memenangi pingat emas di Sukan SEA XV Kuala Lumpur pada tahun 1989.

4. Ranking pasukan negara juga telah meningkat naik dari tangga ke-169 (FIFA, 3 Januari 2010) ke tangga ke-146 (FIFA, 3 Mac 2010) selepas berjaya mencapai keputusan yang baik dalam beberapa perlawanan persahabatan peringkat antarabangsa. Kali terakhir pasukan negara mencapai ranking terbaik dunia (FIFA) ialah di tangga ke-126 pada tahun 2005.
5. Pihak Kementerian Belia dan Sukan berpendapat bahawa pencapaian pasukan bola sepak dapat terus ditingkatkan melalui pelaksanaan latihan perdedahan antarabangsa bersama kelab luar negara, memperbanyakkan perlawanan persahabatan bersama pasukan luar yang mempunyai ranking FIFA lebih tinggi serta latihan ‘attachment’ yang kerap bagi membolehkan pemain mendapat pengalaman dan mehinggaikan kemahiran.
6. Oleh demikian, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia sentiasa berusaha dan mencari jalan terbaik untuk meningkatkan tahap kecemerlangan sukan bola sepak. Ini penting kerana sukan ini mempunyai pengaruh dan peminat sukan yang paling ramei serta popular di kalangan sukan-sukan lain.

NW : 288

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**

**(SETIU)**

**TARIKH :**

**SOALAN : 288**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status kemudahan asas di kawasan luar bandar di seluruh negara dan apakah strategi atau jangkaan penyelesaian terhadap masalah itu.**

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk meningkatkan kemudahan asas di kawasan luar bandar dari aspek liputan dan kualiti perkhidmatan kemudahan asas. Sehingga akhir 2009, bekalan air ke luar bandar telah mencatat liputan sehingga 90% di Semenanjung Malaysia dan 59% di Sabah dan Sarawak. Bagi bekalan elektrik ke luar bandar, 99.5% kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia telah mendapat bekalan elektrik manakala Sabah (77%) dan negeri Sarawak (67%). Kerajaan mensasarkan liputan bekalan air dan elektrik dapat mencapai 100% di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada tahun 2016.

Sehingga Januari 2010, kerajaan telah berjaya melaksanakan jalan luar bandar sepanjang 860.06km. Bagi jalan kampung, sepanjang 7,381.53km jalan kampung telah dibina, dinaiktaraf

dan diselenggara. Sebanyak 19,938 projek Program Ameniti Sosial (PAMS) telah dimuktamadkan untuk pelaksanaan bagi tempoh yang sama.

Bagi meningkatkan liputan kemudahan asas luar bandar untuk setiap program, kerajaan mewujudkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dengan enam (6) teras utama. Salah satu daripada teras bidang tersebut adalah pembinaan Infrastruktur Asas Luar Bandar (*Rural Basic Infrastructure*).

Di bawah NKRA, Kementerian ini mensasarkan:

- Pembinaan 2,526 kilometer JALB di seluruh Malaysia;
- Liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar di Semenanjung Malaysia sebanyak 99.9% dan 95% di Sabah dan Sarawak;
- Liputan Bekalan Air Luar Bandar di Semenanjung Malaysia sebanyak 98% dan 90% di Sabah dan Sarawak; dan

- 50,000 buah rumah untuk kumpulan miskin dan miskin tegar di bawah Program Bantuan Rumah.

Selaras dengan itu, Kerajaan telah menubuluhkan *Performance Management And Delivery Unit* (PEMANDU) di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memantau dan memastikan matlamat NKRA dan keberkesanan pelaksanaan projek-projek di bawah NKRA menjelang tahun 2012. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mempengerusikan Mesyuarat *Delivery Task Force* (DTF) untuk memantau dan memastikan matlamat NKRA tercapai.

Selain itu, di peringkat Kementerian juga telah ditubuhkan NKRA *Leadership Team* (NLT) dan *Programme Performance Team* (PPT) untuk memantau dan memastikan matlamat NKRA tercapai.

**Soalan No. 289**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2010)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**

**SOALAN :**

Dato' Mohd Jidin bin Shafee (Setiu) minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah ajaran sesat yang terdapat di negara ini mengikut nama ajaran itu dan sejauh manakah penyebaran ajaran sesat yang terbaru dikesan serta apakah langkah-langkah susulan yang diambil bagi memastikan pengajaran ajaran sesat tidak berterusan.

JAWAPAN: Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada mase ini, terdapat sebanyak 6 buah kumpulan ajaran sesat yang dikenalpasti sebagai aktif di seluruh negara oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kumpulan ajaran sesat tersebut ialah Al-Arqam/Rufaqa', Al-Mansor, Syiah, Tarikat Naqsyabandiah Khalidiah Syeikh Nazim, Ajaran Aurad Ismailiah, Ajaran Qadiani, Ajaran Islam Jamaah dan Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya. Manakala jumlah keseluruhan kumpulan ajaran sesat yang telah dikenal pasti ialah sebanyak 95 ajaran atau kumpulan.

Berkenaan dengan penyebaran ajaran sesat, Kerajaan setakat ini masih lagi dapat mengawal dan membendung penyebarannya dengan mengambil tindakan bersepodu dan kawalan yang berterusan.. Antara tindakan dan kawalan itu ialah seperti berikut:-

- i) memfatwakan mana-mana ajaran yang disahkan sesat atau bertentangan dengan akidah ahli sunnah wal jamaah;
- ii) mengadakan majlis penjelasan akidah kepada mereka yang terlibat dengan ajaran sesat;

- iii) mengambil tindakan undang-undang mengikut peruntukan yang sedia ada sama ada di bawah ISA atau Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri melalui mahkamah syariah; dan
- iv) memberi kaunseling agama kepada mereka yang terlibat bagi membantu mengembalikan akidah dan kehidupan mereka kepada kehidupan normal masyarakat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 290

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAPAN ISIRAN

DARIPADA : YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (BN)  
(SETIU)

TARIKH : 16 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Mohd Jidin bin Shafee (BN) (Setiu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah jumlah kes pembuangan bayi yang dilaperkan sepanjang tahun 2007 hingga 2009 mengikut pecahan tahun dan negeri serta apakah punca masalah dan apakah langkah-langkah drastik yang diambil bagi menanganinya.

**JAWAPAN :**

Mengikut statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes pembuangan bayi dari tahun 2007 hingga 2009 adalah sebanyak 257 kes. Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut :

<b>Negeri</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>Jumlah</b>
Perlis	0	0	1	1
Kedah	4	6	3	13
Pulau Pinang	5	10	5	20
Perak	0	5	7	12
Selangor	20	25	16	61
Kuala Lumpur	1	0	0	1
Negeri Sembilan	4	5	8	17
Melaka	0	0	0	0
Johor	21	13	11	45
Pahang	3	4	6	13
Terengganu	0	3	1	4
Kelantan	0	4	4	8
Sabah	11	20	12	43
Sarawak	7	7	5	19
<b>JUMLAH</b>	<b>76</b>	<b>102</b>	<b>79</b>	<b>257</b>

Sumber: PDRM

Bagi kes penderaan kanak-kanak termasuk bayi mengikut negeri bagi tahun 2005 hingga 2009 pula, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

Negeri	2007	2008	2009	Jumlah
Perlis	27	63	84	174
Kedah	54	153	45	252
Pulau Pinang	216	177	183	576
Perak	185	138	219	542
Selangor	816	949	525	2,290
Kuala Lumpur	444	595	332	1,371
Negeri Sembilan	171	209	148	528
Melaka	55	64	125	244
Johor	163	208	22	393
Pahang	46	108	139	293
Terengganu	23	48	40	111
Kelantan	19	30	34	83
Sabah	19	8	7	34
Sarawak	41	30	0	71
<b>JUMLAH</b>	<b>2,279</b>	<b>2,780</b>	<b>1,900</b>	<b>6,956</b>

Sumber: JKM

Berdasarkan kerja kes yang dijalankan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, antara sebab-sebab berlakunya kes pembuangan bayi termasuklah:

- i) perasaan takut dan malu yang dialami oleh wanita hamil luar nikah kerana tidak mendapat sokongan keluarga mengenai kehamilan mereka;
- ii) perasaan takut dihukum kerana kesalahan kehamilan luar nikah sekiranya masyarakat umum mengetahuinya;
- iii) bayi yang dilahirkan dengan kecacatan menjadi beban kepada keluarga dan tidak diterima sepenuhnya;
- iv) kurang pendidikan keagamaan menyebabkan wanita hamil luar nikah mengambil jalan mudah tanpa memikirkan akibatnya;
- v) tiada pengetahuan mengenai khidmat bantuan sokongan yang disediakan bagi kanak-kanak dan wanita hamil luar nikah seperti khidmat kaunseling, perkhidmatan perlindungan untuk diri dan anak yang bakal dilahirkan;
- vi) bapa kepada bayi yang dilahirkan tersebut tidak mahu bertanggungjawab dan hilang ‘ghaib’ tidak dapat dikesan. Ianya

mengakibatkan ibu muda kehilangan arah serta mengambil tindakan penyelesaian yang tidak sepatutnya; dan

- vii) wanita pendatang asing tanpa izin yang hamil takut diusir apabila memohon pertolongan dan bantuan tentang kehamilan mereka.

Bagi kes penderaan kanak-kanak, antara sebab-sebab berlaku kejadian tersebut termasuklah kanak-kanak dan bayi yang terlalu aktif serta masalah yang dihadapi oleh ibu bapa berkaitan tekanan di tempat kerja, masalah kewangan, krisis rumah tangga dan kurangnya pendidikan agama di kalangan ibu bapa.

Tindakan-tindakan yang diambil Kerajaan bagi menangani masalah ibu-ibu muda yang bermasalah serta membendung pembuangan bayi termasuklah menyediakan tempat perlindungan bagi kanak-kanak atau wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan anak dengan selamat.

Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyediakan perlindungan untuk gelongan tersebut ialah Taman Seri Puteri sebanyak empat (4) buah dan sebuah Pusat Jagaan Sinar Kasih.

Taman Seri Puteri menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah. Pusat Jagaan Sinar Kasih pula diwujudkan bagi wanita hamil luar nikah berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Inisiatif ini juga bertujuan mencegah daripada berlakunya kes buang bayi terutama wanita berumur 18 tahun ke atas.

Kementerian juga mempunyai 55 buah lagi institusi kebajikan, 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan 53 buah Klinik Nur Sejahtera yang bersedia menerima bayi-bayi yang memerlukan perlindungan.

Selain itu, JKM juga menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan bagi membantu membendung masalah pembuangan bayi. Terdapat lapan buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima geran dari JKM yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda ini.

Kementerian melalui JKM dan LPPKN juga mengambil usaha-usaha bagi menangani gejala tersebut melalui tindakan seperti berikut:

- a) Menyediakan perkhidmatan konseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang masih di peringkat awal terdedah kepada bahaya moral;
- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001;
- (c) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD);
- (d) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain daripada itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pihak Kementerian mengambil pendekatan untuk memberikan kursus ini di tempat kerja memandangkan kecukuran untuk mendapatkan ibu bapa menghadiri kursus di luar pejabat atas faktor kesibukan serta komitmen terhadap keluarga; dan

- (e) Mewujudkan Pusat Remaja kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja. Program ini turut memberi peluang kepada remaja berkenalan dengan rakan-rakan dan berkongsi pengalaman serta bertukar-tukar idea baru.

Selain itu, LPPKN juga telah mula melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai kendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan.

Saya ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab bagi menangani gejala ini bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Kerjasama dari pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia serta badan bukan Kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia juga penting dalam usaha membendung masalah pembuangan bayi. Begitu juga dengan tanggungjawab dan peranan masyarakat umum serta sektor korporat. Setiap rakyat Malaysia

mempunyai tanggungjawab untuk bersama Kerajaan mengambil segala usaha membendung masalah pembuangan bayi daripada terus berleluasa.

Usaha meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia seperti yang diusahakan oleh Kementerian bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan melalui Projek "KAMI PRIHATIN" merupakan satu permulaan dan adalah menjadi harapan Kementerian agar banyak lagi inisiatif dilaksanakan oleh sektor korporat dan anggota masyarakat Malaysia bagi meningkatkan kesedaran terhadap masalah ini dan akhirnya isu pembuangan dan penderaan kanak-kanak dapat dibendung sepenuhnya.

**SOALAN NO. 291**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (BN)**  
**(SETIU)**

**TARIKH : 16 MAC 2010 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Mohd Jidin bin Shafee (BN) (Setiu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah kes penderaan ke atas suami di negara ini berlaku dan berapakah jumlah kes yang dikesan setakat ini serta apakah punca-punca berlakunya masalah tersebut.**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berintendak membantu masyarakat kebangsaan turut tangga mengikuti peruntukan Akta Kegajasan Rumah Tangga 1994.

Berdasarkan perangkaan JKM, sehingga bulan Oktober 2009 sebanyak 11 kes penderaan suami telah direkodkan.

Di antara punca-punca berlakunya penderaan ke atas suami adalah masalah kewangan, mempunyai perhubungan di luar nikah, penagih dadah dan perselisihan faham.

NO. AUM : 298292

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2529**

**SOALAN:**

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) apakah status siasatan polis berkenaan dengan Laporan Polis Mantin/000385/10 bertarikh 4 Februari 2010 dan Laporan Polis Mantin/003368/09 bertarikh 28.11.2009 kedua-duanya oleh saya ; dan

(b) adakah terdapat suspek yang ditahan dan bilakah pertuduhan di Mahkamah akan dilakukan.

## JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serampan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a) pihak polis telah menjalankan siasatan ke atas kedua-dua laporan tersebut. Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi mendapatkan arahan selanjutnya.

Bagi menjawab soalan (b) seramai tiga [3] orang suspek telah ditahan bagi membantu siasatan berhubung laporan ini. Ketiga-tiga suspek kemudiannya telah dibebaskan dengan jaminan polis.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ  
[ SEREMBAN ]**

**SOALAN : 293**

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang dirancang dan telah diambil oleh pihak Kementerian di dalam menyumbang ke arah kawalan pemanasan global.**

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius fenomena perubahan iklim dan telah mengambil langkah-langkah untuk menanganinya.

Sehubungan dengan iu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dalam tindakan menangani isu perubahan iklim. Tumpuan dasar ini adalah kepada

tanggaklah langkah mitigasi dan adaptasi, pembangunan teknologi dan keupayaan institusi.

Selain itu, sebagai sumbangan di peringkat global serta menunjukkan kesungguhan kecungguhan dan komitmen negara dalam menangani isu perubahan iklim, YAP Perdana Menteri sewaktu di Copenhagen telah menyatakan bahawa Malaysia akan mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG-greenhouse gases) berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sehingga 40% berbanding tahun 2005 menjelang tahun 2020. Indikator pengurangan ini merupakan inisiatif sukarela negara dan bukan mandatori serta tertakluk kepada pemindahan teknologi dan sumbangan kewangan yang mencukupi dari negara maju serta peningkatan kapasiti.

Sebagai strategi permulaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan KDNK sehingga 40%, Kerajaan telah menyediakan *Road Map* yang meliputi tiga program utama iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (*Energy Efficiency - EE*), Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy - RE*) dan Pengurusan Sisa Pepejal.

Bagi program EE, usaha-usaha kecekapan tenaga seperti penggunaan peralatan cekap tenaga, aspek reka bentuk bangunan dan penggunaan amalan pengeluaran bersih (*cleaner production*) yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga di sektor industri dan komersial akan dilaksanakan. Umpamanya seperti mana yang telah diumumkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, kerajaan akan menghentikan pembuatan, pengimportan dan penjualan lampu *incandescent light bulbs* pada tahun 2014. Usaha-usaha ini dijangka dapat mengurangkan 9 juta tan CO<sub>2</sub>.

Adalah dijangkakan menjelang tahun 2020, lebih banyak tenaga akan dijana daripada sumber-sumber yang boleh diperbaharui (RE) seperti biojisim, biogas, mini hidro, tenaga suria dan bahan buangan. Ini dijangka dapat mengurangkan 11 juta tan CO<sub>2</sub>.

Bagi pengurusan sisa pepejal, polisi dan pelan pengurusan sedia ada telah menggariskan beberapa aktiviti yang boleh menyumbang kepada pengurangan pelepasan GHG seperti kitar semula dan penggunaan teknologi alternatif seperti kemudahan material recovery facilities dan Loji Rawatan Termal (*thermal treatment plant*). Pengurusan sisa pepejal secara holistik melalui penggunaan tapak pelupusan sanitari dapat membantu memperoleh kembali (*recovery*) metana yang terbebas untuk menjana tenaga. Ini dijangka dapat mengurangkan 25 juta tan CO<sub>2</sub>.

Bagi menangani perubahan iklim dalam jangka masa panjang Kerajaan akan menyediakan satu *Road Map* yang komprehensif dan terperinci. Ini akan melibatkan sektor seperti pengangkutan, proses industri, pertanian dan perhutanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ**

**KAWASAN : SEREMBAN**

**TARIKH**

**NO. SOALAN : 294**

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pada tahun kewangan 2009:-

- (a) pecahan mengikut negeri jumlah pelaburan hasil dari kemasukan pelabur asing di setiap negeri; dan
- (b) insentif yang ditawarkan kepada pelabur asing bagi menarik minat mereka untuk datang melabur di negara kita.

**Jawapan:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pada tahun 2009, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 766 projek perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM32.6 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 74.2 peratus atau RM22.1 bilion adalah dari sumber asing dan 32.2 peratus atau RM10.5 bilion adalah pelaburan tempatan.

Butir-butir kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Projek	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Sarawak	25	5,713.8	8,450.8
Selangor	278	4,007.1	6,759.6
Sabah	25	5,238.9	5,664.3
Johor	150	2,568.9	4,063.4
Pulau Pinang	104	1,448.5	2,165.2
Kedah	40	1,046.9	1,496.1
Perak	47	399.6	893.9
Melaka	23	486.4	892.7

Negeri	Jumlah Projek	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Negeri Sembilan	30	586.5	857.6
Pahang	17	202.6	604.8
Terengganu	9	301.8	505.8
Kuala Lumpur	14	33.0	155.7
Kelantan	4	110.7	126.9
Jumlah	766	22,144.7	32,636.8

Tuan Yang Di Pertua,

Insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada pelabur adalah berbentuk pengecualian cukai pendapatan di antara 70% hingga 100% atau Elaun Cukai Pelaburan di antara 60% hingga 100%, yang tertakluk kepada jenis aktiviti yang dijalankan atau produk yang dikeluarkan yang disediakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986. Selain itu, syarikat juga boleh memohon untuk mendapatkan insentif Pelaburan Semula di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967.

ialitu pengecualian cukai pendapatan sebanyak 60% ke atas pelaburan modal yang dibuat bagi tempoh 15 tahun berikutnya.

Di samping pengecualian cukai, Kerajaan juga telah meluluskan pengecualian duti import dan/atau cukai jualan ke atas bahan mentah/komponen dan mesin/peralatan kepada syarikat perkilangan dan penyedia perkhidmatan terpilih.

Sekiranya aktiviti/produk yang dikeluarkan oleh syarikat memerlukan kepakaran tertentu dan rakyat tempatan tidak memiliki kepakaran tersebut, maka syarikat-syarikat tempatan dan asing dibenarkan untuk membawa masuk pegawai dagang bagi menjalankan tugas-tugas tersebut. Ini akan mempercepatkan aktiviti pemindahan teknologi kepada rakyat tempatan.

( ) -

SOALAN NO: 295

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKRI  
[ KUALA NERUS ]

SOALAN

Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapa banyakkah jumlah artifak yang terdapat di seluruh negara yang belum diwartakan dan apakah langkah-langkah Kementerian bagi memastikan ia diwartakan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mendefinisikan artifak sebagai benda purba boleh alih, warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan objek bersejarah.

Adalah dianggarkan artifak berjumlah melebihi 20,000 yang belum diwartakan tersimpan di muzium-muzium di seluruh negara termasuk Muzium Persekutuan dan Muzium-Muzium di bawah Kerajaan Negeri. Pihak Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara bersedia mempertimbangkan sekiranya permohonan dikemukakan secara rasmi tertakluk kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam Seksyen 67 (2), Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian ini bagi memastikan ia diwartakan adalah termasuk:

- (i) Mengenalpasti dan menjalankan kajian;
- (ii) Menjemput pihak-pihak yang berkaitan untuk mencalonkan pewartaan; dan
- (iii) Mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi berkaitan di peringkat negeri untuk mengenal pasti dan mencalonkan artifak-artifak yang berpotensi.

Soalan No : 296

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD NASIR  
BIN IBRAHIM  
(KUALA NERUS)

TARIKH : 0

SOALAN : 296

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan masalah bekalan air bersih di kawasan luar bandar seluruh negara dan bilakah tempoh yang ditetapkan bagi menangani masalah tersebut.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sedar bahawa masalah kemudahan bekalan air di kawasan luar bandar masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Berdasarkan bancian penduduk tahun 2000, sehingga tahun 2009 sebanyak 97.67% penduduk di Semenanjung Malaysia dan 69% penduduk di Sabah dan Sarawak telah menerima bekalan air.

Walau bagaimanapun, berdasarkan unjuran bilangan rumah pada tahun 2008 oleh Jabatan Perangkaan Negara, sebanyak 2,246,690 buah rumah masih belum menerima bekalan air. Oleh itu, Kerajaan telah menetapkan sasaran liputan bekalan air pada akhir tahun 2012 adalah 98% di Semenanjung Malaysia dan 90% di Sabah dan Sarawak.

Kerajaan juga mensasarkan liputan 100% bekalan air luar bandar di seluruh negara akan dapat dicapai pada tahun 2016.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTILIS  
DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS)  
TARIKH : -  
SOALAN : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI  
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI menyatakan:

Status program subsidi beras untuk rakyat (subur) dan sejauh manakah penerimaan rakyat terhadap program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) pada mulanya dijadual dilaksanakan pada 1 Disember 2009 telah ditangguh pada 20 November 2009 berikutan keputusan Kerajaan bagi membolehkan senarai tersebut dikemas kini. Keputusan tersebut dibuat memandangkan senarai e-Kasih dikatakan tidak lengkap dan terdapat aduan sebilangan mereka yang layak tetapi tidak disenaraikan dalam e-Kasih.

Bagi mengatasi masalah ini Urus setia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) di semua 222 kawasan Parlimen telah diarahkan mengumpul maklumat-maklumat golongan yang layak melalui borang permohonan bagi Program SUBUR yang diedarkan. Senarai yang telah lengkap akan

dikemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) untuk semakan dan verifikasi unit tersebut selaku pemilik Sistem e-Kasih.

Program SUBUR hanya akan dilaksanakan oleh Kerajaan apabila senarai e-Kasih telah dikemas kini dan dipastikan tidak ada golongan yang tercicir. Senarai ini juga akan mengambil kira semua kaum selaras dengan konsep satu Malaysia.

Daripada reaksi orang ramai, didapati rakyat menerima baik Program SUBUR dan Kementerian banyak menerima pertanyaan daripada pelbagai pihak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI  
(KUALA NERUS)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010-15.04.2010

Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri (Kuala Nerus) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang membuka zon bebas cukai di Terengganu, terutamanya di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu dan apakah usaha-usaha yang telah diambil ke arah itu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membuka Zon Bebas di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu. Walau bagaimanapun, sekiranya perlu, satu kajian perlu dijalankan terlebih dahulu untuk menentukan aktiviti yang dibenarkan adalah selaras dengan perundangan yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM**

SOALAN :

Dato' Mohd Nasir Bin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan adakah FELDA berhasrat untuk membuka tanah-tanah rancangan yang baharu dan apakah perancangan serta kaedah yang dilakukan kepada tanah-tanah rancangan sedia ada selepas generasi yang ada telah meninggal dunia.

**JAWAPAN** : **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajann telah mengambil keputusan tidak lagi mengambil peneroka baru mulai Januari 1990.

Pada masa ini Kerajaan belum mempunyai cadangan umtuk membuka rancangan yang baru kecuali memperolehi tanah yang baru daripada Kerajaan Negeri. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk memberikan tanah-tanah baru untuk dibangunkan oleh FELDA.

Berkaitan kaedah pengurusan tanah selepas generasi yang sedia ada meninggal dunia, Kerajaan berhasrat mengekalkan kaedah yang diamalkan iaitu pengurusan secara berkelompok. Oleh kerana sebahagian pemilik baru tidak bermastautin dirancangan, tanah berkenaan masih diuruskan Kerajaan dengan persetujuan pemilik. Dengan

pengurusan berkelompok yang diuruskan oleh FELDA pemilik baru akan mendapat faedah '*economic of scale*' dengan kumpulan pengurusan yang berpengalaman seterusnya menjamin pendapatan yang lebih tinggi. Pemilik yang baru juga akan menikmati kemudahan dan faedah sebagaimana yang dinikmati oleh pemilik asal (peneroka).

NO. AUM : 307300

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2530**

**SOALAN:**

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan Unit Komputer / ICT PDRM memandangkan bidang ini sangat kritikal dalam era dunia siber, globalisasi tanpa sempadan kini. Jumlah pegawai dan anggota yang disasarkan untuk diberi latihan dan bajet bagi tujuan itu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang yang mengomukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permutuan yang dipohon oleh pihak polis bagi meningkatkan kecekapan Unit Komputer/ICT PDRM adalah sebanyak RM557,350.00 dan sejumlah 545 orang pegawai dan 10,660 orang anggota polis termasuk kakitangan awam disasarkan untuk menyertai latihan bagi meningkatkan tahap kecekapan dalam penggunaan sistem ICT tersebut.

NO. SOALAN: 301

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2010)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad  
[ Sipitang ]**

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkaitan cadangan meminta Kerajaan Arab Saudi untuk menambahkan bilangan kuota haji dari Malaysia berikutan pertambahan penduduk negara ini, dan apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi meminta tambahan jumlah kuota tersebut.

**JAWAPAN : (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan telah mengambil langkah untuk mendapatkan pertambahan kuota haji berdasarkan jumlah terkini penduduk negara Malaysia.

Untuk itu, Kementerian Luar Negeri telah pun meminta pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mengemaskini maklumat berkenaan jumlah penduduk Malaysia iaitu seramai 28 juta orang. Maklumat yang ada di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu selanjutnya akan digunakan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk mengemaskini peruntukan bantuan baumi hajj kepada Malaysia iaitu dari 28,000 kepada 28,000 orang (berdasarkan 0.1% daripada jumlah penduduk).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN HJ. AHMAD**

**SOALAN :**

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persepsi umum terhadap kredibiliti dan integriti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang begitu agresif dalam tindakannya sekarang.

**JAWAPAN DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

Untuk makluman Y.B Sipitang, dari segi persepsinya, kredibiliti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun lepas dari pandangan umum boleh dikatakan rendah berikutan beberapa isu kontroversi yang menjelaskan imej SPRM. Namun begitu dari segi realitinya SPRM amat agresif dan proaktif dalam membanteras jenayah rasuah tanpa mengira kedudukan individu yang disiasat atau fahaman politik mereka sebagaimana yang dibuktikan dengan beberapa tangkapan dan pertuduhan sepanjang tahun lepas. Secara keseluruhannya, kerajaan amat berpuas hati dengan prestasi dan tindakan-tindakan yang diambil oleh dalam membanteras jenayah rasuah di negara ini.



NO. AUM : ~~310~~ 303

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2531**

**SOALAN:**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana jaminan boleh dibuat bahawa pasport Malaysia versi Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) yang dilancarkan baru-baru ini, berkeupayaan melindungi identiti rakyat Malaysia dan tidak mudah dipalsukan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Sipiran yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, e-Pasport Malaysia versi *International Civil Aviation Organization* (ICAO) telah dilancarkan oleh Kerajaan pada 2 Februari 2010. Anjakan ini dilakukan berdasarkan keanggotaan Malaysia di dalam *International Civil Aviation Organization* (ICAO), sebuah agensi khas di bawah Perhubungan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang mengehendaki negara anggotanya mematuhi piawaian dan spesifikasi pasport antarabangsa yang telah diperbaharui seperti yang ditetapkan di dalam dokumen piawaian spesifikasi ICAO 9303.

Ahli Yang Berhormat, langkah Kerajaan menaik taraf pasport semasa kepada pasport versi ICAO pastinya untuk mempertingkatkan keupayaan untuk melindungi identiti rakyat Malaysia berdasarkan ciri-ciri keselamatan yang komprehensif seperti berikut:

- (i) ia dapat mengekang kes-kes kecurian serta melindungi identiti rakyat Malaysia melalui pengesahan cip versi ICAO. Ciri-ciri cip e-pasport ini ialah *write once, read many* yang mana menyukarkan pasport Malaysia dipalsukan untuk digunakan oleh orang lain dengan

meminda/mengganti maklumat pada biodata untuk masuk ke negara ketiga. Ini adalah kerana maklumat yang akan dibaca pada cip adalah berbeza dengan pembawa pasport (pemalsu). Ini membolehkan pemalsuan dikesan serta merta berbanding sebelum ini di mana cip pasport Malaysia tidak boleh dibaca di negara-negara lain.

- (ii) dengan kapasiti cip bersaiz 72kb, ia mampu menyimpan maklumat biografik dan biometrik pemilik pasport. Mikrocip ini mempunyai ciri-ciri keselamatan data kekal yang tidak boleh ditiru atau disalahgunakan;
- (iii) e-pasport diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menjadi saling kendali (*interoperability*) di pintu-pintu masuk negara yang memenuhi piawaian yang sama melalui kaedah pertukaran *Public Key Infrastructure (PKI)* *Certificates* di antara negara-negara anggota *Public Key Directory Board (PKD)*. Sehingga kini *PKD Board* dianggotai oleh 16 negara dan dijangka akan berlaku pertambahan anggota oleh negara-negara ICAO yang sedang giat melancarkan e-pasport versi ICAO. Kaedah ini mewujudkan elemen perkongsian maklumat pasport dalam cip elektronik yang dapat dibaca untuk dokumen perjalanan warganegara masing-masing secara elektronik dan di sahkan di pintu-pintu masuk antarabangsa. Faktor ini menyumbang kepada proses kawalan imigresen yang lebih efektif dan komprehensif di mana negara-negara

anggota mengesahkan status dokumen pelawat dan memantau penyalahgunaan dokumen perjalanan secara kolektif.

- (iv) e-pasport merupakan gabungan dua teknologi iaitu biometrik dan *Radio Frequency Identification (RFID)*. Teknologi ini mampu mengurangkan gejala penipuan, pemalsuan dan kecurian pasport; dan
- (v) e-pasport tidak mudah dipalsukan berdasarkan ciri-ciri perlindungan keselamatan yang bertingkat. Ia juga dilengkapi dengan ciri pengesahan yang terbuka (*overt*) dan tersembunyi (*covert*) dari mata kasar atau menggunakan peralatan khas. E-pasport juga mempunyai ciri-ciri *anti tampering* bagi melindungi pasport daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pengeluaran Pasport Malaysia versi ICAO membuktikan usaha Kerajaan untuk sentiasa mempertingkatkan dan memperkemaskan kawalan keselamatan dokumen perjalanan bagi melindungi identiti rakyat Malaysia di samping mengawal penyalahgunaan dan penyelewengan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab di samping memelihara integriti dan imej dokumen perjalanan negara agar terus kekal diiktiraf.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2010  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN  
HAJI AHMAD  
(SIPITANG)**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan :

- (a) Kemudahan infrastruktur air di kawasan luar bandar khususnya di Sabah; dan
- (b) Minta Kementerian menyatakan status projek loji air Kampung Ulau, Melaman, Sipitang.

## JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9) Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM1.37 billion untuk program Bekalan Air Utar Bandar (BALB) di mana RM463.92 juta ataupun 33.78% adalah untuk pelaksanaan projek BALB di negeri Sabah. Sehingga tahun 2009, sebanyak RM341.57 juta ataupun 73.62% telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek BALB yang merangkumi sistem retikulasi, sistem alternatif dan naiktaraf atau bina baru loji dan telah memberi manfaat kepada 15,064 buah rumah di Sabah. Bagi tahun 2010 dan RMKe10, projek-projek melalui 3 kaedah yang dinyatakan di atas akan diteruskan pelaksanaannya.

Bagi projek loji air Kampung Ulau, Melaman, Sipitang pula, ianya telah dilaksanakan bermula 1 November 2006 dan siap sepenuhnya pada 29 September 2008. Projek tersebut telah diambil alih oleh Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) untuk pengoperasian dan penyelenggaraan. Pada masa ini, loji air tersebut sedang beroperasi dan telah dapat menyediakan air

kepada kampung-kampung di sepanjang Jalan Sipitang – Tenom, dari Pantai ke Pekan Sindumin dan sepanjang Jalan Sipitang – Sindumin merangkumi kampung-kampung seperti Kg. Lubang Buaya, Kg. Ulau, Kg. Melaman, Kg. Bangsal, Kg. Kaban, Kg. Mertam, Kg. Pantai, Kg. Kawang dan Kg. Kawang Polar N.W.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** TUAH LOKKE SIEW FOOK

**TARIKH :** 20 MAC 2010

**SOALAN**

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai penuh jumlah lesen yang dikeluarkan untuk teksi-teksi dan limosin untuk KLIA dan LCCT serta nama-nama syarikat pemegang lesen tersebut secara terperinci.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan teksi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Tambang Murah (LCCT) adalah menggunakan kelas lesen Teksi Lapangan Terbang. Sehingga 31 Mac 2010, jumlah lesen teksi lapangan terbang yang dikeluarkan di KLIA adalah sebanyak 958 lesen dan di LCCT sebanyak 1,168 lesen. Butiran terperinci jumlah lesen mengikut syarikat adalah seperti berikut:-

**A) Statistik Bilangan Lesen Teksi Dan Syarikat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)**

BIL.	SYARIKAT	JUMLAH LESEN
1.	Airport Limo (M) Sdn. Bhd.	894
2.	Automikro Bersatu Sdn. Bhd.*	12
3.	Ikatan Prestij Sdn. Bhd.*	3
4.	Klass Servis (Malaysia) Sdn. Bhd.*	30
5.	Puncak Holdings Sdn. Bhd.*	11
6.	Tunas Puncak Limosine Sdn. Bhd.*	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN LESEN</b>		<b>958</b>

\*Perkhidmatan Keluarga

**B) Statistik Bilangan Lesen Teksi Dan Syarikat di Terminal Tambang Murah (LCCT)**

BIL.	SYARIKAT	JUMLAH LESEN
1.	Asanisa Limou Sdn Bhd	31
2.	Butiran Raya Sdn Bhd	5
3.	Damai Otomobil Sdn Bhd	55
4.	Destination Transport (M) Sdn Bhd	48
5.	Gemilang Travel & Tours Sdn Bhd	11
6.	Handal Sepakat Sdn Bhd	32

BIL	SYARIKAT	JUMLAH LESEN
7.	Ibex Corporation Amalgamated Sdn Bhd	2
8.	Ikatan Prestij Sdn Bhd	7
9.	Insan Semarak Sdn Bhd	53
10.	Klass Servis (Malaysia) Sdn Bhd	55
11.	Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad	10
12.	Koperasi Berjasa Negeri Sembilan Berhad	32
13.	Koperasi Jurupandu Usahawan Limosin Airport KLIA Berhad	42
14.	Koperasi Nesa Pelbagai Berhad	10
15.	Koperasi Niaga Global Malaysia Berhad	16
16.	Koperasi Pemandu Kenderaan Perkhidmatan Awam Malaysia Berhad	31
17.	Koperasi Pemandu Taxi Berhad (Kotaxi)	10
18.	Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad	11
19.	Koperasi Serbaguna Malaysia Berhad	11
20.	Ledang Unggul Sdn Bhd	43
21.	Mahabbah Sdn Bhd	47
22.	Marlis Corporation (M) Sdn Bhd	8
23.	Minang Jati Corporation Sdn Bhd	6

BIL.	SYARIKAT	JUMLAH LESEN
24.	Newstar Excelsior (M) Sdn Bhd	19
25.	Perkhidmatan Teksi Gembira Sdn Bhd	71
26.	Pintar Ringkasan Sdn Bhd	79
27.	Protowira Plasma Sdn Bhd	41
28.	Pujangga Motor Sdn Bhd	65
29.	Puncak Holdings Sdn Bhd	5
30.	RB Premier Taxi Sdn Bhd	2
31.	Ria Setuju Sdn Bhd	122
32.	Rich Bonus Sdn Bhd	38
33.	Roda Emas Logistic Sdn Bhd	11
34.	Smart Express Sdn Bhd	26
35.	Thoyebah Motor Sdn Bhd	8
36.	Tunas Puncak Limousine Sdn Bhd	21
37.	Ufuk Terbilang Sdn Bhd	10
38.	Unggun Mayang Taxi Sdn Bhd	68
<b>JUMLAH KESELURUHAN LESEN</b>		<b>1,168</b>

SOALAN NO. ( 306 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : URTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK  
(RASAH)

SOALAN :

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian kepada Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai untuk tahun 2010 serta senarai penuh projek yang dilaksanakan melalui peruntukan tersebut untuk kedua-dua PBT tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2010, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.63 juta kepada Majlis Perbandaran Seremban dan RM1.504 juta kepada Majlis Perbandaran Nilai bagi melaksanakan projek-projek pembangunan seperti Projek-projek Kecil Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (BP.1), Program Kebersihan (BP.3) dan Program Pembangunan Penempatan Tradisional dan Tersusun Dalam Kawasan PBT (BP.6). Pecahan peruntukan tersebut adalah seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>BP.1</b>	<b>BP.3</b>	<b>BP.6</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Majlis Perbandaran Seremban	RM950,000	RM80,000	RM600,000	RM1.63 juta
2.	Majlis Perbandaran Nilai	RM904,340	RM79,700	RM520,000	RM1.504 juta

Peruntukan bagi Program Local Agenda 21 (BP.8) masih dalam pertimbangan kementerian.

Selain daripada peruntukan pembangunan, Jabatan Kerajaan Tempatan juga menyalurkan bantuan kewangan kepada PBT berkenaan seperti:

<b>Bil</b>	<b>PBT</b>	<b>Geran Tahunan</b>	<b>Sumbangan Membantu Kadar</b>
1.	Majlis Perbandaran Seremban	RM4.023 juta	RM1.847 juta
2.	Majlis Perbandaran Nilai	RM2.641 juta	RM686,495.13

Peruntukan bagi Tahun 2010 yang diperuntukan kepada Majlis Perbandaran Seremban adalah berjumlah RM1,060,492.00 juta yang melibatkan Projek Taman Awam Seremban (RM1,010,492.00) dan projek penyelenggaraan landskap di Taman Rekreasi Seremban (RM50,000.00).

Manakala bagi Majlis Perbandaran Nilai, sebanyak RM1,620,474.00 juta telah diperuntukkan bagi Projek Taman Awam Nilai (RM1,500,000.00) dan projek naik taraf landskap di Taman Desa Anggerik untuk Majlis Perbandaran Nilai (RM120,474.00).

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2010

SOALAN NO. ( 307 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK  
(RASAH)

SOALAN :

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan secara terperinci senarai projek-projek perumahan terbengkalai yang terkini di seluruh Negeri Sembilan dan status projek-projek tersebut serta langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk setiap projek yang dimaksudkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2010,  
bilangan keseluruhan projek perumahan swasta terbengkalai  
di Negeri Sembilan adalah 20 projek. Status semasa projek-  
projek tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Perancangan awal untuk pemulihan : 16 projek  
(dalam usaha mendapatkan pemaju

penyelamat)

ii. Proses pemulihan : 2 projek

(aktiviti permulihan sedang dilaksanakan)

iii. Siap diduduki : 2 projek

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT) telah mengambil beberapa langkah penting dalam mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai. Antara langkah tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Menyelaras pemulihan sebanyak 150 projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 30 projek (20%) telah berjaya disiap ataupun diselesaikan sepenuhnya. Manakala 44 projek (29.3%) sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan dan dijangkakan akan dapat disiapkan mengikut tempoh yang dipersetujui bersama dengan semua pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, terdapat 76

projek (65.3%) masih dalam peringkat perancangan awal pemulihan di mana KPKT sedang berusaha secara bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pemaju penyelesaian (*white knight*) bagi memulihkan projek-projek tersebut.

- (ii) Bagi mempercepatkan pemulihan projek-projek kategori kos rendah dan kos sederhana, Kerajaan telah menyediakan peruntukan RM200 juta bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut;
- (iii) Melaksanakan lebih banyak pemulihan projek perumahan terbengkalai melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menggunakan peruntukan RM430 juta yang disediakan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE);
- (iv) Pemantapan dan penambahbaikan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] bagi meminimakan bilangan projek-projek perumahan bermasalah di masa-masa akan datang;

- (v) Mengadakan rundingan dari semasa ke semasa dengan pihak berkepentingan dalam pemajuan perumahan termasuk Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mencari pilihan penyelesaian terbaik bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai;
- (vi) Lawatan yang lebih kerap ke tapak projek dan pejabat pemaju untuk membuat semakan dan pemeriksaan ke atas kemajuan projek; dan
- (vii) Pemantauan dan penyelarasannya yang lebih rapi berkaitan pemulihan projek perumahan terbengkalai melalui:-
  - a) Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y. Bhg.Tan Sri Ketua Setiausaha Negara; dan
  - b) Tiga (3) Kumpulan Kerja (*Working Group*) yang menumpukan kepada penetapan dasar pemajuan perumahan negara, pemantapan pemulihan projek dan penguatkuasaan undang-undang.

NO. SOALAN : 308

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** TUAN LOOK SIEW FOOK (RASAH)

**SOALAN :**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci senarai projek pembangunan infrastruktur yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Rasah dari tahun 2008 sehingga kini oleh pelbagai kementerian serta nilai setiap projek tersebut.

**JAWAPAN :**

Sebanyak 50 projek pembangunan persekutuan kategori Fizikal Binaan dan Infrastruktur RMK-9 telah dan sedang dilaksanakan di kawasan Parlimen Rasah. Siling peruntukan keseluruhan projek adalah sebanyak RM273.738 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3 projek adalah projek sambungan daripada RMK-8. Sejumlah 40 projek dengan siling peruntukan RM165.747 juta telah dimulakan pembinaannya sebelum tahun 2008 dan 16 daripadanya atau 40% telah siap sepenuhnya. Untuk tempoh 2008 sehingga kini pula, baki 10 projek telah dimulakan pembinaannya. Senarai lengkap projek dan kementerian pelaksana adalah seperti LAMPIRAN 1.

## LAMPIRAN 1

## SENARAI LENGKAP PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI PARLIMEN RASAH

## PARLIMEN RASAH

BIL.	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	KATEGORI	STATUS KEMAJUAN SEMASA
1	Kementerian Belia & Sukan	GELANGGANG RAKYAT KBS - LABU	300,000.00	BARU	Ikut Jadual
2	Kementerian Belia & Sukan	GELANGGANG RAKYAT KBS - BUKIT KEPAYANG	300,000.00	BARU	Ikut Jadual
3	Kementerian Belia & Sukan	GELANGGANG RAKYAT KBS - RAHANG	300,000.00	BARU	Ikut Jadual
4	Kementerian Belia & Sukan	GELANGGANG RAKYAT KBS - MAMBAU	300,000.00	BARU	Ikut Jadual
5	Kementerian Belia & Sukan	GELANGGANG RAKYAT KBS - SENAWANG	300,000.00	BARU	Ikut Jadual
6	Kementerian Kerja Raya	MEMBINA JALAN LINGKARAN TENGAH SEREMBAN. FASA 3	100,000,000.00	BARU	Lewat Jadual
7	Kementerian Kesihatan	NAIKTARAF KOLEJ PEMBANTU PERUBATAN DI SEREMBAN-600 PELATIH	1,500,000.00	BARU	Dahului Jadual
8	Kementerian Kesihatan	BLOK BARU KLINIK PERGIGIAN DAN NAIK TARAF KLINIK KESIHATAN IBU & ANAK DI KLINIK KESIHATAN RASAH	4,000,000.00	BARU	Lewat Jadual
9	Kementerian Kesihatan	SECALIST CLINIC, PGMC HOSPITAL SEREMBAN	500,000.00	SAMBUNGAN	Sudah Siap
10	Kementerian Kesihatan	SPECIAL CARE NURSERY (SCN), AMBULATORY CARE CENTER (ACC) & HAEMODIALYSIS HOSPITAL SEREMBAN	40,000,000.00	SAMBUNGAN	Ikut Jadual
11	Kementerian Kesihatan	PEMBINAAN BANGUNAN WAD WANITA DAN KANAK-KANAK HOSPITAL SEREMBAN SERTA MULTISTOREY CAR PARK	75,000,000.00	BARU	Ikut Jadual
12	Kementerian Pelajaran	SK MAMBAU	200,812.00	BARU	Sudah Siap
13	Kementerian Pelajaran	SK PUTERI	650,812.00	BARU	Ikut Jadual
14	Kementerian Pelajaran	SK DATO AHMAD MANAF	71,311.00	BARU	Dahului Jadual
15	Kementerian Pelajaran	SK DATO SHAH BANDAR A. BAKAR, LABU HILIR	168,993.00	BARU	Ikut Jadual
16	Kementerian Pelajaran	SK DESA CEMPaka	118,993.00	BARU	Ikut Jadual
17	Kementerian Pelajaran	SK DATO' BANDAR RASAH, SEREMBAN	250,812.00	BARU	Ikut Jadual
18	Kementerian Pelajaran	SK L.B. JOHNSON	350,812.00	BARU	Ikut Jadual
19	Kementerian Pelajaran	SK LABU	250,812.00	BARU	Ikut Jadual
20	Kementerian Pelajaran	SK LABU ULU BT.8	118,993.00	BARU	Ikut Jadual
21	Kementerian Pelajaran	SJK@ KG BARU MAMBAU	90,000.00	BARU	Ikut Jadual
22	Kementerian Pelajaran	SK TAMAN RASAH JAYA	1,140,812.00	BARU	Dahului Jadual

BIL.	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	SHLING PROJECT	KATEGORI	STATUS KEMAJUAN SEMASA
23	Kementerian Pelajaran	SJKC SIN HUA	168,993.00	BARU	Sudah Siap
24	Kementerian Pelajaran	SK TMN SERI MAWAR	111,311.00	BARU	Sudah Siap
25	Kementerian Pelajaran	SK SENAWANG	900,812.00	BARU	Dahului Jadual
26	Kementerian Pelajaran	SMK SENAWANG	1,190,898.41	BARU	Sudah Siap
27	Kementerian Pelajaran	SMK DATO SHAMSUDIN NAIN	262,793.41	BARU	Sudah Siap
28	Kementerian Pelajaran	SMK BUKIT MEWAH	262,793.41	BARU	Iku Jadual
29	Kementerian Pelajaran	SMK BUKIT KEPAYANG	1,990,898.41	BARU	Dahului Jadual
30	Kementerian Pelajaran	SMK LABU	2,140,899.41	BARU	Iku Jadual
31	Kementerian Pelajaran	SK PUTERI	50,000.00	BARU	Iku Jadual
32	Kementerian Pelajaran	SK METHODIST (ACS) SEREMBAN	50,000.00	BARU	Iku Jadual
33	Kementerian Pelajaran	SK DATO' BANDAR RASAH	50,000.00	BARU	Iku Jadual
34	Kementerian Pelajaran	SK LABU ULU	50,000.00	BARU	Iku Jadual
35	Kementerian Pelajaran	SK L B JOHNSON	50,000.00	BARU	Sudah Siap
36	Kementerian Pelajaran	SK LABU	50,000.00	BARU	Iku Jadual
37	Kementerian Pelajaran	SK SEREMBAN JAYA	50,000.00	BARU	Iku Jadual
38	Kementerian Pelajaran	SK WAWASAN	50,000.00	BARU	Sudah Siap
39	Kementerian Pelajaran	SK SEREMBAN 2B	50,000.00	BARU	Sudah Siap
40	Kementerian Pelajaran	SK L B JOHNSON	30,000.00	BARU	Sudah Siap
41	Kementerian Pelajaran	SK MAMBAU	30,000.00	BARU	Sudah Siap
42	Kementerian Pelajaran	SK TAMAN RASAH JAYA	30,000.00	BARU	Sudah Siap
43	Kementerian Pelajaran	SK TAMAN SRI MAWAR	30,000.00	BARU	Sudah Siap
44	Kementerian Pelajaran	SK SEREMBAN 2A	100,000.00	BARU	Sudah Siap

BIL.	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	KATEGORI	STATUS KEMAJUAN SEMASA
45	Kementerian Pelajaran	SK SEREMBAN 2B	30,000.00	BARU	Sudah Siap
46	Kementerian Pelajaran	SMK ST. PAUL	100,000.00	BARU	Sudah Siap
47	Kementerian Pelajaran	SJK (C) TUNG HUA, SEREMBAN 2, NEGERI SEMBILAN	3,000,000.00	BARU	Dalam Perancangan
48	Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan	BANGUNAN RTM SEREMBAN	25,000,000.00	SAMBUNGAN	Sudah Siap

**PELBAGAI PARLIMEN**

BIL.	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	SILING PROJEK	SAMBUNGAN / BARU	STATUS KEMAJUAN SEMASA
1	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	INFRASTRUKTUR LADANG N. SEMBILAN	4,014,960.00	BARU	Ikut Jadual
2	Kementerian Pelajaran	BANTUAN MODAL - N.SEMBILAN	8,000,000.00	BARU	Ikut Jadual

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-3, PARLIMEN KE-12**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAPAN SOALAN/BERSYAHAS**

**JAWAPAN : TUAU LOKE SIEW FOOK  
(RASAH - DAP)**

**SOALAN**

Tuan Loke Siew Fook (Rasah - DAP) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan secara terperinci jumlah pelajar mengikut pecahan kaum yang terkini di setiap Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Jumlah pelajar IKBN dan IKTBN di seluruh negara berdasarkan kaum pada tahun 2009 adalah seperti berikut:

<b>IKBN / IKTBN</b>	<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Lain-lain Bumiputra</b>	<b>Jumlah</b>
Dusun Tua	601	11	13	15	<b>640</b>
Bukit Mertajam	602	4	33	1	<b>640</b>
Kinarut	41	11	0	705	<b>757</b>
Wakaf Tapai	522	0	0	0	<b>522</b>
Chembong	715	20	13	11	<b>759</b>
Bachok	788	2	0	0	<b>790</b>
Jitra	215	3	0	0	<b>218</b>
Kuala Perlis	552	4	11	10	<b>577</b>
Pagoh	678	28	7	5	<b>718</b>
Peretak	417	16	4	0	<b>437</b>
Alor Gajah	815	26	8	10	<b>859</b>
Miri	252	67	2	400	<b>721</b>
Seri Iskandar	170	1	4	4	<b>179</b>
Sepang	442	9	9	8	<b>468</b>
Temerloh	437	2	0	1	<b>440</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>7,247</b>	<b>204</b>	<b>104</b>	<b>1,170</b>	<b>8,725</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SERI LIOW TIONG LAI**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** TUAN KHAIRY JAMALUDDIN  
[REMBAU]  
**SOALAN :**

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status berhubung dengan permohonan pengiktirafan semula ijazah perubatan yang dikeluarkan oleh Crimea State Medical University, Ukraine.

Tuan Yang DiPertua,

1. Majlis Perubatan Malaysia (MPM) adalah sebuah badan perundangan yang diberi tanggung-jawab di bawah Akta Perubatan 1971 untuk menjaga kepentingan awam di dalam menyampaikan perkhidmatan perubatan yang selamat untuk rakyat Malaysia;
  
2. Di bawah Akta tersebut, MPM diberi kuasa untuk mengiktiraf ijazah asas perubatan yang dikeluarkan oleh mana-mana institusi yang mencapai suatu tahap piaawai yang ditetapkan. Antara kriteria yang

dinilai merangkumi aspek kurikulum pengajian yang bersesuaian, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana yang mencukupi.

3. MPM juga mempunyai kuasa untuk menarik balik pengiktirafan terhadap institusi yang tidak lagi memenuhi kriteria dan diragui keupayaan melahirkan graduan perubatan yang berwibawa;
4. Keputusan menarik balik pengiktirafan terhadap pengajian ijazah asas perubatan di Crimea State Medical University (CSMU) di Ukraine selepas kemasukan 31 Disember 2005 hanya dibuat selepas dibincang dengan mendalam oleh Jawatankuasa Pengiktirafan Program Pengajian Perubatan (JTPPP) yang dianggotai oleh lima agensi kerajaan iaitu MPM, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia (dahulu dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara) dan Jabatan Perkhidmatan Awarn.
5. Keputusan tersebut adalah wajar dan manasabah kerana keupayaan CSMU melahirkan graduan perubatan diragui ekoran:
  - 5.1 Peningkatan pelajar secara mendadak di CSMU boleh menjelaskan kualiti di dalam pengajian perubatan. Dalam tahun 2001 hanya terdapat 53 orang pelajar dari Malaysia. Dalam tahun 2003, angka tersebut telah meningkat kepada 900 orang. Sehingga Mei 2005 pula, angka tersebut mendadak kepada 1,366 orang. Tindakan CSMU yang meiampau ini boleh menjelaskan kepentingan rakyat

Malaysia dan perkara ini tidak mungkin berlaku di mana-mana institusi yang berwibawa;

5.2 Terdapat pelajar dari Malaysia yang diambil mengikuti pengajian perubatan tidak memenuhi syarat minima kelayakan masuk. Walau pun kelayakan masuk bagi mengikuti kursus perubatan difestapkan pada 'A' level, STPM atau setaraf dengannya dalam jurusan sains, namun terdapat pelajar yang tidak memenuhi kelayakan seperti gagal di dalam Sijil Pelajaran Malaysia di dalam jurusan sastera;

5.3 CSMU mengamalkan disiplin ketat seperti mewajibkan pelajar menghadiri kesemua kuliah untuk melayakkan mereka menduduki ujian. Pelajar yang didapati ponteng perlu membayar denda/yuran tertentu untuk membolehkan sesuatu kuliah diulang. Amalan sebegini boleh mendorong kepada amalan rasuah dan menjaskankan kualiti pengajian;

5.4 Penggunaan Bahasa Inggeris di dalam pengajaran diragui keberkesanannya akibat kekurangan pensyarah yang fasih berbahasa Inggeris dan kekurangan buku rujukan di dalam Bahasa Inggeris

5.5 Selain itu, kebanyakan istilah perubatan yang digunakan adalah dalam Bahasa Ukraine. Graduan perubatan yang tidak fasih berbahasa Inggeris tidak akan mampu berkomunikasi dengan baik sesama pegawai perubatan. Keadaan ini boleh memudaratkan pesakit apabila mereka berkhidmat di Malaysia kelak;

6. CSMU telah beberapa kali memohon pengiktirafan semula. Berdasarkan keterangan penambahbaikan yang telah diambil, suatu lawatan semula hanya diputuskan oleh JTPPP pada bulan Ogos tahun 2009. Malangnya, lawatan tidak dapat dilaksanakan ekoran wabak H1N1.
7. Pada bulan April 2010, MPM telah menerima laporan dari Kedutaan Malaysia di Ukraine memaklumkan suatu kajian telah dijalankan keatas program pengajian perubatan di Ukraine. Berdasarkan kajian tersebut, pihak Kedutaan mencadangkan pengiktirafan semula ke CSMU ditangguhkan sehingga:
  - 7.1 CSMU membuat perubahan positif yang ketara dari aspek kualiti dan kemudahan pengajaran;
  - 7.2 Memberhentikan pengambilan pelajar-pelajar melalui ejen; dan
  - 7.3 Pengambilan pelajar-pelajar Malaysia hendaklah dibuat secara terus dengan CSMU bagi mengelakkan penyelewengan dan bebas dari amalan rasuah.
8. Berdasarkan fakta-fakta di atas, pengiktirafan semula CSMU ditangguhkan dahulu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BREKULIS

JAWAPAN: Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

SOALAN:

Y.B. Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mengkaji dan menetapkan garis panduan bagi gaji minimum graduan muda lepasan ijazah dan diploma untuk pasaran kerja sektor swasta tempatan.

PR-1231-T35429

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menetapkan gaji minimum untuk lepasan ijazah dan diploma. Kerajaan berpandangan bahawa adalah lebih wajar gaji bagi graduan yang memiliki ijazah dan diploma ditentukan oleh kuasa pasaran (*market forces*). Kerajaan berpendapat bahawa cara ini akan membolehkan kadar gaji untuk graduan muda yang memiliki ijazah dan diploma lebih munasabah, realistik, kompetitif dan menguntungkan kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan.

Penetapan gaji minimum hanya dibuat untuk golongan pekerja yang mudah terjejas (*vulnerable*) iaitu yang bekerja di sektor-sektor yang tidak mempunyai satu mekanisme

yang berkesan dalam menetapkan gaji dan syarat pekerjaan. Melalui Majlis Penetapan Gaji (MPG) di bawah peruntukan subseksyen 3(2) Akta Majlis Penetapan Gaji (AMPG) 1947 (Pindaan 1977), Kerajaan boleh mewujudkan MPG bagi mewujudkan gaji minimum yang dipersetujui oleh Kerajaan.

*DR(15 Mac-15 April 10)/has...2.3.10/Khairiyati*

A/W 3(2)

SJ.B(TULIS)/(21)

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIFADA : TUAH KHAIRY JAMALUDDIN ( REMBAU )

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 - 15.04.2010

Tuan Khairy Jamaluddin ( Rembau ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah serta mekanisme yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu golongan peniaga kecil yang selalu menghadapi masalah mendapatkan pinjaman bank lantaran ketiadaan dokumen asas seperti slip gaji dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk membantu para usahawan dan peniaga kecil mendapat akses kepada kemudahan pembiayaan. Y.A.B. Perdana Menteri telah melancarkan satu rangka kerja pembiayaan

mikro komprehensif pada bulan Ogos 2006, bertujuan menggalakkan pembangunan sebuah industri pembiayaan mikro yang mampan di Malaysia.

2. *Pembiayaan Mikro*<sup>1</sup> yang dilancarkan pada tahun 2006 telah memberi peluang kepada lebih banyak perusahaan mikro untuk membesarkan perniagaan mereka. Kini, terdapat sembilan (9) institusi kewangan (enam buah institusi perbankan iaitu AmBank (M) Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, Public Bank Berhad, United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, EONCAP Islamic Bank dan CIMB Islamic Bank serta tiga buah institusi kewangan pembangunan iaitu Agrobank, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional) yang menyertai skim ini. Pada akhir Februari 2010, lebih daripada 58,000 perusahaan mikro dengan pembiayaan terkumpul berjumlah RM634.4 juta telah mendapat manfaat daripada skim *Pembiayaan Mikro* ini. Ini mewakili kadar pertumbuhan tahunan dari Februari 2009 hingga Februari 2010 bagi bilangan perusahaan mikro sebanyak 21.6% dan pembiayaan terkumpul sebanyak 25.2%.

3. Produk *Pembiayaan Mikro* yang ditawarkan mempunyai ciri-ciri mudah, cepat dan senang seperti berikut:

- (i) Prosedur pinjaman yang mudah;
- (ii) Dokumentasi yang minimum;
- (iii) Kelulusan yang cepat, purata tempoh kelulusan sebenar adalah 4 hari bekerja;

---

<sup>1</sup> Ditakrifkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai penyediaan pinjaman/pembiayaan kecil (sehingga RM50,000), kepada perusahaan mikro untuk aktiviti perniagaan mereka.

- (iv) Tiada cagaran diperlukan; dan
- (v) Boleh diperoleh di banyak tempat seperti cawangan-cawangan dan pelbagai saluran pengedaran institusi kewangan serta rakan kongsi strategik mereka.

4. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau prestasi institusi kewangan yang terlibat dan menekankan betapa pentingnya peranan bank sebagai pemberi pinjaman yang bertanggungjawab. Pihak industri bank juga disarankan supaya memastikan kemudahan pinjaman tidak ditarik balik atau permohonan pinjaman ditolak tanpa mengambil pertimbangan dan alasan yang wajar.

5. Adalah penting bagi usahawan dan peniaga kecil mengemukakan kes-kes spesifik untuk membolehkan Bank Negara Malaysia membantu dalam penyelesaian isu-isu pembiayaan yang dihadapi. Pemohon yang menghadapi masalah mendapatkan pembiayaan boleh membuat aduan melalui:

**BNMLINK**  
Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur

**BNMTELELINK**  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-2174 1515  
Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)  
SMS : 15888

**PERMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]**

**SOALAN**

**Y.B. Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah kekurangan bekalan gas yang dihadapi oleh sektor industri pembuatan negara.

**JAWAPAN**

Mengikut perancangan jangka panjang, kapasiti loji-loji pemprosesan gas di Semenanjung Malaysia yang pada masa ini berupaya untuk memproses dan menyalur kira-kira 2,000 juta kaki padu gas sehari (mmscf), sewajarnya mampu untuk menampung peningkatan permintaan sepertimana dalam kontrak yang ditandatangani antara PETRONAS dan pengguna. Namun demikian, permintaan terhadap bekalan gas asli terutamanya daripada sektor industri telah meningkat secara mendadak sejak Oktober 2002 berikutan keputusan Kerajaan menetapkan harga gas yang rendah berbanding harga pasaran kepada sektor tersebut. Berikutan peningkatan permintaan, keseluruhan kapasiti pembekalan gas asli di Semenanjung Malaysia pada masa ini telahpun dikontrakkan sepenuhnya (*fully contracted out*) kepada para pengguna di sektor elektrik dan sektor bukan elektrik termasuk industri.

Kerajaan memberi perhatian yang serius berhubung kedudukan bekalan gas di Semenanjung Malaysia. Antara langkah segera yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kekurangan bekalan ini adalah dengan mengayuhkan gas berjumlah 100 mmscfd daripada sektor elektrik kepada sektor industri untuk tempoh semasa. Terjadi juga sederhana bahawa isu perbezaan harga yang ketara antara gas dan bahan api alternatif perlu ditangani untuk mengurangkan tekanan permintaan ke atas gas asli. Sehubungan itu, Kerajaan pada 4 Jun 2008 dan 4 Julai 2008 telah memutuskan untuk menstruktur semula harga gas kepada sektor elektrik dan sektor industri secara berperingkat. Di bawah langkah penstrukturian ini, harga gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik akan disemak semula setiap enam bulan dengan diskain dikurangkan sebanyak 5% setiap tahun sehingga mencapai harga pasaran. Langkah ini diharap akan mendorong para pengguna untuk menggunakan sumber tenaga khususnya gas secara lebih cekap.

Beberapa langkah jangka sederhana juga sedang diteliti untuk menangani masalah kekurangan bekalan termasuk usaha menggalak pihak industri melaksanakan audit tenaga (*energy audit*) dalam sistem pengeluaran bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber bahan tersebut serta penggunaan peralatan yang lebih cekap tenaga (*demand-side management*).

Untuk jangka yang lebih panjang pula, usaha-usaha sedang diambil untuk menggalakkan pihak industri mengoptimumkan kemudahan co-generation bagi memastikan penggunaan sumber tenaga secara lebih cekap. Di samping itu, penambahbaikan dalam sektor elektrik melalui

penggunaan teknoloji penjanaan yang cekap tenaga juga sedang dikaji bagi menjimatkan penggunaan gas supaya sebahagiannya dapat disalur kepada sektor industri. Sementara itu, pihak PETRONAS juga sedang berusaha untuk mendapatkan bekalan gas tambahan dari luar negara bagi menampung permintaan tempatan yang semakin meningkat termasuk mengimport gas asli cecair (*liquefied natural gas – LNG*) ke negara ini.

Selain daripada gas, pihak industri mempunyai beberapa pilihan bahan api lain seperti '*medium fuel oil*' (MFO), *diesel* dan gas petroleum cecair (LPG) untuk digunakan dalam proses pengeluaran mereka. Bahan api alternatif ini tidak menghadapi masalah bekalan dan boleh diperolehi dengan mudah.

NO. SOALAN: 314

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN  
[ REMBAU ]  
SOALAN :

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status pelaksanaan bagi cadangan pembinaan Hospital Rembau yang amat diperlukan oleh penduduk setempat.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian telah mengemukakan cadangan Projek Hospital Rembau untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dengan anggaran kos RM 111 juta. Walau bagaimanapun ianya masih terfakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri.

NO. AUM : ~~322~~ 315

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH [ DUNGUN ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2532**

**SOALAN :**

**Tuan Matulidi bin Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menambah baik sistem pengurusan warga asing di negara ini bagi memastikan mereka tidak memberi ancaman dan menjaskan keselamatan negara.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Tertiba kestil diucapkan kepada Yang Berhormat Dungun yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak memandang ringan kehadiran warganegara asing di Malaysia. Salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah yang ditimbulkan oleh warganegara asing adalah mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Kementerian juga menyedari kepentingan wujudnya suatu sistem pengurusan warga asing yang komprehensif bagi memantau status warganegara asing dari mula masuk, sepanjang berada sehingga masa pemergian mereka dari negara ini. Justeru bagi memperkemas aspek rekod, pemantauan dan pengesahan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Inisiatif ini bertujuan mencari resolusi komprehensif dan berkesan termasuklah dari aspek undang-undang, sistem, prosedur dan penguatkuasaan.

316  
**SOALAN NO: 323**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN:      BERTULIS

DARIPADA:      Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH

SOALAN:

**Y.B. Tuan Matulidi bin Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang melaksanakan gaji minimum bagi sektor swasta yang bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada warga asing.

PR-1231-T36800

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan pelaksanaan gaji minima bagi sektor swasta, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa terbuka dan sedang meneliti secara mendalam dan berhati-hati cadangan untuk mengadakan gaji minimum tersebut memandangkan terdapat dua (2) pandangan yang berbeza tentang perkara ini iaitu pertama pandangan yang menyokong dan kedua pandangan yang menentang pelaksanaan gaji minimum dengan hujah-hujah yang tertentu. Justeru, KSM berpandangan adalah wajar pandangan yang lebih menyeluruh daripada rakyat diperolehi terlebih dahulu supaya sebarang keputusan yang bakal diambil oleh Kerajaan akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat, para pelabur dan seterusnya memantapkan ekonomi negara. Untuk itu, KSM telah melancarkan satu blog iaitu [blog.mohr.gov.my](http://blog.mohr.gov.my) bagi mengumpul seberapa banyak pandangan, idea, cadangan dan komen daripada rakyat, untuk tempoh dua bulan mulai 24 Mac 2010.

Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis dan seterusnya diberi kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan keputusan.

#### Tujuan Yang Di Pertua,

Bagi menostikan majikan mengutamakan pengambilan pekerja tempatan, Kerajaan telah melaksanakan strategi pengurangan kebergantungan industri terhadap pekerja asing. Strategi ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan ekonomi dan kesesuaian bagi mengelakkan ianya memberi kesan negatif kepada industri dan ekonomi negara. Sebelum pelaksanaan gaji minimum bagi sektor swasta yang bertujuan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing, Kerajaan telah melaksanakan strategi pengurangan kebergantungan industri terhadap pekerja asing seterusnya menarik para majikan untuk mengambil warga tempatan seperti berikut:

- Mengkaji dan memperkemaskan insentif-insentif perkhidmatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan seperti struktur gaji, kemudahan elaua, dan lain-lain;
- Memperkemaskan semua prosedur dan proses pengambilan pekerja asing sedia ada melalui Makmal Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing;
- Syarikat Membekal dan Mengurus Pekerja Asing (*out-sourcing*) hanya dibenarkan membekalkan pekerja kepada sektor perkilangan, perdagangan dan pertanian sahaja;
- Menggalakkan industri beralih kepada industri berorientasikan modal melalui dana-dana bantuan modal Kerajaan, insentif cukai dan lain-lain;

- Menggalakkan lebih banyak perkhidmatan layan diri di sektor-sektor perkhidmatan diperkenalkan seperti restoran, stesen minyak, pasar mini dan lain-lain;
- Penggunaan sistem Industrial Building System (IBS) sehingga 70% dalam semua kontrak pembinaan Kerajaan dan pihak swasta juga digalakkan mengambil langkah yang sama;
- Mewujudkan peraturan separa masa bagi menggalakkan penyertaan *latent workforce* seperti surirumah, pesara, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pelajar untuk memasuki pasaran buruh secara separa masa; dan
- Mencadangkan supaya pemberian insentif Kerajaan diperluaskan dalam bentuk perlepasan cukai bagi pembelian peralatan dan jentera baru dan terpakai. Tempoh antara 5 hingga 10 tahun perlu diberikan bagi memastikan setiap industri dapat merangka program dan strategi yang berkesan ke arah mekanisasi dan seterusnya dapat membantu ke arah peningkatan produktiviti.

Bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing, Kerajaan juga bercadang untuk meningkatkan kos pengambilan pekerja asing seperti memohon kerjasama dengan syarikat perkilangan untuk menaikkan kadar upah pekerja tempatan, bayaran levi dibayar oleh majikan, bayaran pemeriksaan kesihatan dan bayaran untuk agensi pekerjaan di negara sumber bagi meningkatkan kos pengambilan pekerja asing dan ini sekali gus akan mendorong majikan untuk menggaji pekerja tempatan yang mana tidak memerlukan kos pengambilan pekerja asing.

Soalan No: 3 (7)

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sejauh manakah keberkesanan Focus Group Membasmi Kemiskinan yang ditubuhkan khususnya bagi memastikan penyaluran bantuan kepada penduduk miskin di kawasan tertentu benar-benar berkesan dan menepati sasaran.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Secara dasarnya *Focus Group* yang ditubuhkan di tiga (3) peringkat iaitu peringkat pusat, negeri dan daerah adalah berperanan bagi memantau dan menilai pelaksanaan program atau projek pembasmian kemiskinan.

Dalam konteks, memastikan keberkesanan dalam penyaluran bantuan kepada kumpulan miskin dan miskin tegar, *Focus Group* dilihat amat signifikan berdasarkan peranan dan pelaksanaan fungsi-fungsi seperti berikut:-

- (i) *Focus Group* diterajui oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU,JPM) selaku urusetia yang mana mempunyai kekuatan dan kapasiti pelaksanaan di peringkat pusat,

negeri dan daerah serta mampu melaksanakan tugas-tugas penyelarasan tersebut.

- (ii) Focus Group berperanan sebagai penyelaras tunggal dalam memantau dan memastikan senarai keluarga miskin dan miskin tegar senantiasa dikemaskini dalam sistem eKasih. Usaha penyelarasan ini akan memastikan data-data eKasih dapat diintegrasikan bagi memudahkan perancangan dan penyaluran bantuan dan projek kepada kumpulan sasar. Selain itu, penyelaras ini juga akan dapat memberikan data-data yang tepat mengenai kedudukan kumpulan sasar sama ada masih dalam lingkungan atau sudah berjaya melepassi garis kemiskinan. Penyelaras ini juga berkesan dalam membuat “*need analysis*” jenis bantuan

atau projek yang diperlukan oleh kumpulan sasar.

- (iii) *Focus Group* berupaya bertindak sebagai penyelaras dan menyeragamkan pengukuran kemiskinan melalui Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan menyediakan “exit policy” melalui pelaksanaan “aktiviti pemutihan” ke atas kumpulan miskin dan miskin tegar. Selain itu, *Focus Group* juga terlibat dalam memantau “trajektori pembasmian kemiskinan” yang dirangka di peringkat pusat, negeri dan daerah bagi memastikan sasaran untuk membasi sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kadar kemiskinan negara dapat direalisasikan pada akhir tempoh Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe9).

NO. AUM : 227/326

NO. AIIP :

DEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]

TARIKH :

RUJUKAN : 2574

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [ Telok Kemang ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah kerajaan mempunyai statistik jumlah kemasukan warganegara asing yang menggunakan visa pelancong dan pelajar untuk tujuan bekerja di negara ini; dan
- (b) mekanisma kawalan agar tidak bertambahnya kemasukan warga asing yang menyalahguna visa mereka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik kemasukan pelawat asing ke Malaysia bagi tahun 2009 oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mendapati sejumlah 25,343,310 kemasukan telah direkodkan. Jumlah ini turut meliputi pelawat asing yang masuk bagi tujuan bekerja dan belajar di mana mereka masuk ke Malaysia dengan diberikan Pas Lawatan Sosial sebelum bertukar kepada pas yang berkenaan.

Namun demikian, Kementerian tidak dapat memberikan perincian berhubung dengan jenis pas yang ditukar oleh pelawat asing sama ada pas pelajar atau pas bekerja kerana statistik yang dikumpulkan adalah berdasarkan jenis pas yang dipegang dan bukan jenis pas yang ditukar.

Untuk makluman juga, terdapat sejumlah 90,369 pelajar antarabangsa di Malaysia pada tahun 2009, manakala sebanyak 1,918,146 Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)

dan 32,128 Pas Penggajian (Pegawai Dagang) turut direkodkan sepanjang tahun tersebut.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Ber hormat, bagi mengawal peryalihgunaan pas di kalangan warganegara asing, JIM menggunakan beberapa mekanisme pemantauan terhadap kehadiran mereka di Malaysia. Sewaktu kemasukan ke Malaysia, maklumat seperti tujuan kemasukan dan alamat perhubungan direkodkan melalui penggunaan kad ketibaan/ pelepasan (*arrival/ departure card*). Bagi warganegara asing yang berada di Malaysia untuk tempoh jangka masa panjang (seperti atas dasar setahun ke setahun), secara umumnya JIM melakukan pemantauan apabila warganegara asing ini memperbaharui pas mereka. Ini membolehkan maklumat tentang warganegara asing berkenaan, seperti alamat perhubungan, tempat pekerjaan dan lain-lain dapat dikemaskini. Selain daripada itu, JIM juga melakukan naziran terhadap pemegang pas samada di tempat kerja, institusi pendidikan mahupun di tempat tinggal termasuklah operasi-operasi penguatkuasaan bersama agensi-agensi yang berkaitan.

Bagi memperkemas aspek rekod, pemantauan dan pengesahan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Inisiatif ini bertujuan mencari resolusi komprehensif dan berkesan

termasuklah dari aspek undang-undang, sistem, prosedur dan penguatkuasaan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan :

- (a) Jumlah kanak-kanak yang tidak memiliki sijil kelahiran sehingga mereka gagal memasuki sekolah; dan
- (b) bagaimanakah mekanisme Kerajaan untuk menyelesaikannya.

**JAWAPAN**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui kajian "Pendidikan Kanak-kanak Tanpa Dokumen Pengenalan Diri di Malaysia" yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 2009 mendapat jumlah kanak-kanak tanpa dokumen yang tidak mengikuti sistem pendidikan kebangsaan ialah 43,973 orang. Jumlah tersebut adalah termasuk kanak-kanak yang tidak memiliki sijil kelahiran. Walau bagaimapun, data ini adalah merangkumi kanak-kanak warganegara Malaysia, anak-anak pelarian, suaka politik, pekerja asing serta pendatang tanpa izin (PATI).
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah kesiciran kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen untuk belajar di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, satu kajian menyeluruh berkaitan "Pendidikan Kanak-kanak Tanpa Dokumen Pengenalan Diri di Malaysia" telah dijalankan oleh KPM dan

siap pada September 2009. Hasil daripada kajian tersebut beberapa cadangan dikemukakan untuk tindakan kerajaan. Antaranya;

- i. Menguatkuasakan arahan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 iaitu mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat perakuan daripada Ketua Kampung;
- ii. Menguatkuasakan pendidikan rendah wajib dan tindakan yang sepatutnya dikenakan kepada ibu bapa yang ingkar dengan perintah tersebut seperti yang termaktub dalam seksyen 29(A) Akta Pendidikan 1996; dan
- iii. Bagi kanak-kanak yang bukan warganegara pula, KPM menghargai sumbangan kementerian-kementerian lain dan pihak NGO dalam usaha menangani isu pendidikan golongan pelarian dan pemohon perlindungan dengan mewujudkan perkongsian pintar dalam menyediakan peluang pendidikan.

Di samping itu, terdapat juga penglibatan pelbagai agensi dalam memberikan pendidikan untuk kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri ini. Antaranya ialah:

- i. Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah/ Labuan memberi pendidikan kepada kanak-kanak dalam kalangan ibu bapa pendatang tanpa izin dari Filipina dan Indonesia di Sabah;
- ii. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Program Jiwa Murni Pendidikan Kanak-kanak Tanpa Dokumen di pulau-pulau Sabah seperti di Pulau Berhala, Sandakan, Sabah;

- iii. Pihak NGO yang bekerjasama dengan pihak UNHCR ialah seperti *Taiwan Buddhist Tzu-Chi Foundation, Malaysia Care and Sarawak International Club of Johor Bahru*;
- iv. Institusi swasta yang memberikan kerjasama kepada pihak UNHCR yang menyediakan pernidikan bagi kanak-kanak pelajar; orangtuanya dan Cikgu Isifu (*Maryam Training Center*);
- v. Yayasan Salam menyediakan pendidikan untuk kanak-kanak tanpa dokumen di sekitar kawasan Chow Kit;
- vi. Peranan Humana dalam memberi pendidikan kanak-kanak bagi pekerja-pekerja di kawasan-kawasan ladang di Sabah; dan
- vii. Usaha-usaha dari Kedutaan seperti Kedutaan Indonesia di Kota Kinabalu, Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHRAIN BIN ABBAS  
[TELUK KEMANG]**

**SOALAN : 322**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kenderaan jenama Toyota yang ditarik balik daripada pasaran domestik atas kerosakan yang diumumkan syarikat berkenaan awal Februari lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah meminta pengeluar kenderaan-kenderaan model Toyota untuk mengemukakan surat pengesahan sama ada model-model yang dipasarkan di Malaysia terlibat atau tidak dengan masalah teknikal kenderaan sepetimana yang dihadapi di Amerika Syarikat dan Eropah.

Setakat ini, pihak UMW Toyota telah mengenalpasti 92 buah kenderaan Toyota Prius yang perlu ditarik balik. Daripada jumlah itu, 36 buah kenderaan masih belum terjual, manakala 56 buah telah hadir ke pusat servis Toyota bermula 5 Februari 2010 sehingga akhir bulan Februari 2010 untuk pemeriksaan lanjut. Kesemua pemilik telah hadir untuk tujuan pembaikan dan kerosakan teknikal telahpun dibaikpulih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) apakah pihak Kementerian mengeluarkan pekeliling untuk mewajibkan murid-murid di asrama penuh pulang setiap hujung minggu; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan khususnya untuk makanan bagi asrama-asrama penuh di seluruh negara.

**JAWAPAN**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah mengeluarkan arahan kepada mana-mana sekolah meminta penghuni asrama untuk pulang pada cuti hujung minggu atau cuti umum.
- (b) Pada tahun 2010, Kerajaan menanggung kenaikan subsidi Bantuan Makanan Asrama sebanyak RM14 sehari kepada RM16 sehari bagi setiap penghuni asrama melibatkan perbelanjaan antara RM1.2 bilion hingga RM1.4 bilion melibatkan seramai 366,295 murid.

NO. AUM : ~~382325~~

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2533**

**SOALAN:**

**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah pelarian Tamil dari Sri Lanka yang ditempatkan di kem-kem tahanan di Johor diberi layanan yang tidak berperikemanusiaan dan adakah dasar-dasar Kerajaan Malaysia terhadap pelarian ini akan ditambah baik dalam masa terdekat.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Betu Kawan yang mengemukakan pernyataan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia bukan merupakan *signatory* kepada *1951 Convention relating to the Status of Refugees*. Dengan demikian mana-mana warganegara asing yang masuk ke Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang negara. Ini bermakna golongan yang didakwa sebagai ‘pelarian’ adalah juga tertakluk kepada penahanan jika didapati telah melakukan kesalahan seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63. Layanan kepada orang tahanan sewaktu ditempatkan dalam depot imigresen adalah berpandukan *standard operating procedure* (SOP) yang digunakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Walau bagaimanapun, atas dasar perikemanusiaan golongan ini yang didakwa sebagai ‘pelarian’ akan dibebaskan kepada *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) (*upon request*) jika mereka mampu membuktikan bahawa mereka mendapat perlindungan UNHCR dan setelah mendapat pengesahan agensi berkenaan. Dalam hubungan ini, pihak UNHCR juga melawat depot imigresen di Johor bagi tujuan menyaring tahanan untuk mengenalpasti tahanan yang mungkin termasuk dalam golongan yang mendapat perlindungan UNHCR. Di samping itu, pihak SUHAKAM juga telah melakukan lawatan ke depot imigresen di Johor bagi bertemu dengan tahanan dan melihat keadaan depot.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY**  
**(BATU KAWAN)**

**SOALAN**

**Y.B. Tuan Dr. Ramasamy A/L Palanisamy** minta **Perdana Menteri** menyatakan mengapakah proses pembinaan Jambatan Pulau Pinang yang kedua mengambil masa yang begitu lama dan menyatakan tarikh persiapan yang dijangka bagi proses pembinaan ini dan juga tarikh jambatan kedua akan mula beroperasi.

**JAWAPAN**

Pelaksanaan projek jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dan Seberang Perai iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang (JPPKe-2) sedang giat dilaksanakan di tapak mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan. Sehingga 8 April 2010, kerja-kerja pembinaan bagi Paket 1 (*substructure* dan *main span*) yang dibuat oleh kontraktor CHEC Construction (M) Sdn. Bhd. (CHEC) telah siap sebanyak 13.1%. Pembinaan Paket 1 ini dijangka dapat disiapkan pada 7 Mei 2012. Sementara itu, Paket 2 iaitu bahagian *superstructure* yang dibuat oleh UEM Builders Berhad telah siap sebanyak 16.2% dan dijangka pembinaan akan siap pada 8 Mac 2013. Selain daripada itu, bagi Paket 3 (*land expressway*), dokumen tender telah disiapkan dan telah dijual kepada kontraktor bermula pada 13 Januari 2010. Keseluruhan pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua akan siap pada 8 September 2013.

NO. SOALAN : 327

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

[ BATU KAWAN ]

SOALAN

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah lawatan rasminya ke Negara India khususnya di negeri Tamil Nadu, India baru-baru ini bertujuan untuk menawan hati dan simpati masyarakat India di Malaysia terhadap Kerajaan Barisan Nasional.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Tujuan lawatan YAB Perdana Menteri ke India adalah untuk mengeratkan lagi hubungan dua negara dan meningkatkan peluang perdagangan. Tiada sebab YAB Perdana Menteri perlu ke negara India atas tujuan menawan hati masyarakat India di Malaysia kerana sebagai rakyat Malaysia mereka telah sama-sama mengecapi pembangunan dan masa depan yang terjamin.

Sekian, Terima kasih

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
[BATU KAWAN]

## JAWAPAN QLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian menghentikan peruntukan bagi mengadakan kelas Bahasa Tamil dan Cina pada waktu sekolah di sekolah-sekolah kebangsaan.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2007 mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah ditawarkan di Sekolah Kebangsaan dan dilaksanakan di sekolah kebangsaan terpilih. Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mensasarkan pada tahun 2010, sebanyak 450 buah sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina, manakala 250 sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil. Sehingga Disember 2009, terdapat 350 sekolah kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina manakala 170 sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
(BATU KAWAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**TARIKH : 16.03.2010-15.04.2010**

**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah jumlah peruntukan Kerajaan Pusat kepada negeri Pulau Pinang adalah tidak setimpal dengan pendapatan cukai sekitar 30% dari jumlah nasional yang disumbangkan oleh negeri Pulau Pinang dan adakah ini satu diskriminasi terhadap pemimpin Pakatan Rakyat di Pulau Pinang.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada negeri Pulau Pinang pada tahun 2008 adalah sebanyak **RM118.4 juta** dan meningkat kepada **RM133.4 juta** pada tahun 2009. Pemberian-pemberian tersebut meliputi:

- i) Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*);
- ii) Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri;
- iii) Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan;

- iv) Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup;
- v) Pemberian Seneral Bersama;
- vi) Bantuan Bayaran Bil Elektrik Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat FBT;
- vii) Pemberian Bayaran Perkhidmatan Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Pelaksanaan Projek Persekutuan; dan
- viii) Pemberian Kekurangan Dalam Akaun Mengurus.

Pemberian geran-geran tersebut adalah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, peraturan undang-undang dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri dan Majlis Kewangan Negara. Kerajaan Persekutuan menyalurkan secara terus pemberian geran-geran tahunan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang.

2. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan melalui kementerian-kementerian dan agensi-agensi persekutuan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan berdasarkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, siling peruntukan pembangunan untuk Pulau Pinang adalah sebanyak RM6.787 billion.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendapatan Kerajaan Persekutuan melalui cukai langsung dan tidak langsung di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM4,002 juta untuk tahun 2008

dan **RM3,739 juta** untuk tahun 2009. Manakala jumlah keseluruhan kutipan hasil cukai Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak **RM112,897 juta** pada tahun **2008** dan sebanyak **RM106,504 juta** pada tahun 2009. Berdasarkan jumlah tersebut, Pulau Pinang hanya menyumbang sebanyak **3.5%** sahaja bagi tahun 2008 dan 2009 kepada jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan.

No: 336

SI.BATULES(25)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAH SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)

PERTANYAAN : SERTULIS

TARIKH : 16.02.2010 – 15.04.2010

Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kutipan cukai oleh Kerajaan Persekutuan dari setiap negeri mengikut pecahan jabatan-jabatan berlainan untuk tahun 2005 hingga 2009 dan peruntukan diberi kepada setiap negeri dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai oleh Kerajaan Persekutuan mengikut negeri dan pecahan jabatan iaitu LHDN (cukai langsung) dan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) (cukai tidak langsung) dari tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Negeri	Cukai Langsung (RM juta)	Cukai Tidak Langsung (RM juta)	Jumlah (RM juta)
W.P. Kuala Lumpur	287,973	41,673	329,646
Selangor	16,626	40,763	57,389
Johor	14,269	7,440	21,709

<b>Negeri</b>	<b>Cukai Langsung (RM juta)</b>	<b>Cukai Tidak Langsung (RM juta)</b>	<b>Jumlah (RM juta)</b>
Sarawak	12,442	5,602	18,044
P. Pinang	13,688	3,757	17,445
Sabah	10,848	1,697	12,545
Perak	7,065	3,292	10,357
Melaka	3,158	5,579	8,737
Terengganu	1,307	5,009	6,316
N. Sembilan	2,589	3,439	6,028
Kedah	2,671	2,779	5,450
Pahang	2,480	2,197	4,677
Kelantan	885	169	1,054
Perlis	329	665	994

2. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai ini tidak menggambarkan kutipan sebenar bagi sesbuah negeri. Ini kerana kutipan cukai bagi aktiviti di setiap negeri boleh dijelaskan di luar negeri masing-masing disebabkan antara lain ibu pejabat syarikat berkenaan berada di luar negeri atau syarikat memilih untuk menjelaskan cukai terus ke ibu pejabat LHDN atau KDRM memandangkan cukai tersebut adalah hasil Kerajaan Persekutuan.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemberian oleh Kerajaan Persekutuan dan peruntukan pembangunan di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Negeri	Pemberian (RM juta)	Peruntukan Pembangunan (RM juta)	Jumlah (RM juta)
W. P Kuala Lumpur	-	25,514	25,514
Sabah	2,982	19,256	22,238
Selangor	2,263	16,857	19,140
Sarawak	2,540	12,810	15,359
Johor	1,606	12,612	14,118
Pahang	1,064	9,322	10,386
Kedah	1,176	9,120	10,296
Perak	1,333	8,589	9,922
N. Sembilan	748	8,731	9,479
Terengganu	960	6,717	7,677
P. Pinang	569	6,787	7,356
Kelantan	1,164	5,612	6,776
Melaka	474	4,123	4,597
Perlis	415	2,703	3,118
Pelbagai Negeri	-	81,343	81,343

## **SOALAN 331**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM**

**(KOTA MELAKA)**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

program-program perayaan di Negeri Melaka yang telah disenaraikan dalam kalendar pelancongan tahunan Kementerian:-

- a) senaraikan kawasan pelancongan di Negeri Melaka yang sedang dan akan dipromosikan oleh Kementerian ini; dan
- b) anggaran kos untuk program promosi ini.

## JAWAPAN

Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan telah mengenal pasti 10 ikon pelancongan yang menarik di Negeri Melaka dan ikon ini akan dipromosikan secara berterusan bagi menarik kehadiran pelancong ke Melaka. Berikut merupakan senarai ikon pelancongan negeri Melaka:

- i) Kompleks A' Famosa;
- ii) Kompleks Bangunan Stadhuys;
- iii) Bandar Lama Melaka;
- iv) Muzium Baba & Nyonya;
- v) Penempatan Portugis;
- vi) Kampung Morten;
- vii) Food Trail Negeri Melaka;
- viii) Kawasan Rekreasi Ayer Keroh;

- ix) Sungai Melaka; dan
- x) Kawasan-kawasan rekreasi di Melaka seperti A' Famosa Resort, Taming Sari Tower, Gadek & Jasin Hot Spring dan lain-lain lagi.

Untuk tahun 2010, Kementerian Pelancongan juga telah merancang pelbagai aktiviti dan acara yang sesuai dianjurkan di Negeri Melaka. Antara acara-acara yang dimasukkan di dalam kalender acara tahunan adalah '*1Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival*' bertempat di Balai Seni Lukis Negeri Melaka sepanjang Julai hingga September 2010. Acara ini diadakan bagi meraikan dan mempromosikan aktiviti seni kontemporari dan sumbangan kepada industri pelancongan di Malaysia. Anggaran kos penganjuran acara ini di Negeri Melaka adalah sebanyak RM1 juta ringgit. Selain daripada itu, Kementerian Pelancongan turut bekerjasama dengan pelbagai pihak

JAWAPAN:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) hanya akan memberi kebenaran untuk mengeksport buangan terjadual apabila syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak JAS dipenuhi seperti berikut:
- (i) Buangan terjadual yang dieksport bukan untuk tujuan pelupusan akhir (*final disposal*);
  - (ii) Buangan yang hendak dieksport tidak dapat diproses di Malaysia kerana tiada kemudahan pemerolehan kembali (recovery) tempatan yang berupaya menerima buangan tersebut; dan
  - (iii) Kemudahan pemerolehan kembali buangan terjadual di luar negara adalah lebih baik daripada kemudahan pemerolehan kembali di Malaysia dari segi teknologinya dan tawaran harga yang lebih tinggi diberikan kepada pemilik buangan terjadual yang akan dieksport.

Sehingga kini, sebanyak 138 lesen telah dikeluarkan untuk kemudahan pemerolehan kembali buangan terjadual di Malaysia, iaitu 16 lesen bagi kemudahan pemerolehan kembali penuh buangan e-waste, selebihnya 122 lesen bagi kemudahan pemerolehan kembali separa.

- (b) Bagi mengeksport buangan terjadual keluar negara pengeksport perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebagaimana yang termaktub di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Alam Sekeliling, 1974.

Sekian, terima kasih.

333  
SOALAN NO: 246

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERINTAHAN: BERTULIS

DARIFADA: Y.B. TUAH SIM TONG HIM

SOALAN:

Y.B. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan pencapaian Kementerian dari program latihan semula dan penempatan (train & place) penganggur-penganggur di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi :-

- (a) sila nyatakan jumlah peserta program ini mengikut setiap negeri dan jumlah peserta yang berjaya bekerja hingga hari ini; dan
- (b) kos keseluruhan program ini mengikut setiap negeri.

PR-1231-T36907

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2009, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengendalikan program Train & Place bagi tiga (3) kategori iaitu pekerja yang diberhentikan, siswazah dan belia menganggur. Sehingga 19 April 2010, seramai 39,035 peserta yang terdiri daripada pekerja yang diberhentikan, siswazah dan belia telah menyertai Program Latihan dan Penempatan anjuran Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan daripada jumlah tersebut, seramai 21,614 peserta telah berjaya ditempatkan di dalam pekerjaan baru. Penempatan lain-lain peserta masih dilaksanakan oleh penyedia-penyedia latihan.

Sehingga 19 April 2010, KSM telah berjaya membelanjakan **RM248** juta bagi menampung yuran kursus dan elauan bulanan peserta mengikut pecahan berikut:-

<b>NEGERI</b>	<b>PENYERTAAN PESERTA</b>	<b>PENEMPATAN PESERTA</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>
Perlis	69	0	402,133.41
Kedah	1,564	390	11,914,296.05
Pulau Pinang	1,625	773	10,708,372.00
Perak	2,503	475	16,199,052.31
Selangor	10,428	6,611	62,689,900.90
Wilayah Persekutuan	7,604	4,165	43,585,472.66
Negeri Sembilan	1,848	978	14,314,662.21
Melaka	1,380	905	9,235,187.59
Johor	2,926	1,629	17,819,930.94
Pahang	1,183	388	9,259,746.74
Terengganu	1,495	1,091	11,316,433.97
Kelantan	3,139	1,574	20,340,589.06
Sabah	1,075	908	10,180,202.48
Sarawak	2,196	1,727	10,439,164.28
<b>JUMLAH</b>	<b>39,035</b>	<b>21,614</b>	<b>248,405,144.60</b>

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

SOALAN : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

tentang program dan projek untuk membangunkan sektor pertanian di negeri Melaka :-

- (a) Senaraikan semua program dan projek dengan maklumat seperti kosnya, kawasan terlibat dan tarikh pelaksanaannya; dan
- (b) Apakah rancangan untuk memajukan tanah pertanian yang terbiar di negeri Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Pada tahun 2006, sebanyak RM5.037 juta telah diperuntukan untuk projek – projek pertanian di negeri Melaka dengan melibatkan seramai 630 peserta dan keluasan fizikal ialah 403 hektar. Pada tahun 2007, peruntukan sebanyak RM0.946 juta telah disalurkan dengan melibatkan 107 peserta dan keluasan fizikal ialah 264 hektar. Pada tahun 2008, sebanyak RM1.231 juta telah diperuntukan dengan melibatkan 120 orang peserta dan keluasan fizikal ialah 412 hektar. Pada tahun 2009, sebanyak RM2.540 juta telah diperuntukan dengan melibatkan 323 peserta dengan keluasan fizikal ialah 942 hektar. Pada tahun 2010, sebanyak RM3.711 juta telah diperuntukan dengan melibatkan seramai 1,753 peserta dengan keluasan fizikal 925.4 hektar bagi melaksanakan Projek Pembangunan Industri Buah – Buahan, Projek Pembangunan Industri

Sayur – Sayuran, Projek Pembangunan Industri Kelapa, Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Projek Pembangunan Industri Bunga – Bungaan, Projek Pembangunan Industri Komoditi Berpotensi, Projek Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian, Projek Pengurusan Tanah Terbiar, Projek Perataan Tanah sawah dan Projek Pembangunan Industri Asas Tani di negeri Melaka.

- b) Mengikut rekod Jabatan Pertanian, keluasan tanah terbiar di seluruh negeri Melaka sehingga tahun 2010 adalah seluas 818.9 ha di mana seluas 257.8 ha merupakan tanah darat terbiar manakala seluas 561.1 ha. pula merupakan tanah sawah terbiar. Pada tahun 2008 dan 2009, seluas 311.7 ha. tanah terbiar di negeri Melaka telah dibangunkan dengan projek – projek pertanian dengan peruntukan sebanyak RM 1.97 juta yang melibatkan seramai 62 orang peserta. Manakala bagi tahun 2010, sebanyak RM 1,45 juta diperuntukkan untuk membangunkan tanah terbiar seluas 125.4 ha. dengan penglibatan seramai 47 orang peserta. Tanah pertanian terbiar tersebut akan dimajukan dengan projek tanaman pisang, timun, jagung, ubi kayu, keledek, padi dan sayur – sayuran. Kawasan yang terlibat dengan projek - projek ini adalah di Chohong, Kesang dan Pondok Batang di daerah Jasin, Machap, Air Itam Darat dan Solok Duku di daerah Alor Gajah, Tambak Bugis dan Parujat di Melaka Tengah serta Alai dan Pengkalan di daerah Kota Melaka.

NO. AUM : 335

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN  
**DARIPADA :** TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]  
**TARIKH :**  
**RUJUKAN :** 2534

**SOALAN:**

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tahap kecapaian dan alasan atau pun penghuraian jika tidak dicapai bagi setiap daripada 125 cadangan-cadangan Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia yang dibentangkan tahun 2005.

**JAWAPAN:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B Bukit Bendera yang telah mengemukakan pertanyaan.

Daripada 125 cadangan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM, 118 cadangan telah dan sedang dilaksanakan. Kerajaan mempunyai alasan dan sebab-sebab tertentu mengapa tujuh (7) cadangan Suruhanjaya tidak dapat dilaksanakan seperti mana berikut.

Pertama, cadangan pewujudan dan pelaksanaan Kod Etika yang sesuai. Kod Etika sedia ada dikekalkan kerana ia merangkumi aspek nilai murni sejagat, moral, dan prinsip profesional PDRM.

Kedua, cadangan peralihan daripada paradigma "Pasukan" kepada paradigma "Perkhidmatan". Perkataan pasukan perlu dikekalkan kerana ia menggambarkan PDRM sebagai satu agensi penguatkuasa yang mempunyai pelbagai peranan yang mana prinsip dan autoriti adalah '*inherent*'.

Cadangan ketiga yang tidak dapat dilaksanakan ialah pembentukan satu mekanisme penyematan yang bebas. Mekanisme tersebut telah diperjelas di dalam Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Integriti Agenst Pengawas (SIAP). RUU SIAP telah diluluskan semasa persidangan Dewan Negara yang berlangsung dari 6 hingga 14 Julai 2009 yang lalu.

Keempat, cadangan menjadikan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) sebagai perundangan subsidiari di bawah Akta Polis 1997. PTKPN tidak boleh dijadikan perundangan subsidiari kerana PTKPN adalah prosedur tatacara dan ‘tradecraft’ pelaksanaan tugas rahsia PDRM.

Seterusnya yang kelima, pindaan terhadap undang-undang, peraturan dan prosedur kerja. Cadangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana pindaan Akta Pencegahan Rasuah 1997 bukanlah di bawah bidang kuasa PDRM.

Selain itu terdapat cadangan Suruhanjaya bagi meningkatkan akauntabiliti cawangan khas. Cadangan ini juga tidak dapat dilaksanakan memandangkan tahap akauntabiliti cawangan khas negara ini adalah selaras dengan negara lain.

Cadangan ketujuh dan terakhir ialah mengadakan dua jawatan Timbalan Ketua Polis Negara (TKPN). Cadangan ini telah diganti dengan cadangan mewujudkan tiga jawatan Penolong Timbalan Ketua Polis Negara yang kini di dalam peringkat pelaksanaan.

NO. AUM : 326 336

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN  
**DARIPADA :** TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]  
**TARIKH :**  
**RUJUKAN :** 2535

**SOALAN:**

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan senaraikan perjawatan diperuntukkan dan kekuatan sebenar PDRM mengikut komponen utama operasi dan menyatakan adakah komponen yang mana yang telah tertinggal masa seperti Pasukan Gerakan Am akan dimansuhkan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan perjawatan PDRM yang diluluskan dan diisi setakat 31 Disember 2009 adalah seramai 107,455 orang.

Bagi Jabatan Pengurusan, jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 36,669 perjawatan (iaitu kira-kira 34.1%) manakala kekuatan sebenar ialah seramai 39,354 (36.6%).

Bagi Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA), jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 39,279 perjawatan (iaitu kira-kira 36.6%) manakala kekuatan sebenar ialah seramai 34,059 (31.7%).

Bagi Jabatan Logistik, jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 10,788 (iaitu kira-kira 10%) manakala kekuatan sebenar ialah seramai 10,879 (10.1%).

Bagi Jabatan Siasatan Jenayah, jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 8,449 (iaitu kira-kira 7.9%) manakala kekuatan sebenar ialah seramai 8,900 (8.3%).

Bagi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 3,574 (iaitu kira-kira 3.3%) manakala kekuatan sebenar ialah seramai 3,821 (3.6%).

Bagi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 1,053 (iaitu kira-kira 1%) manakala kekuatan sebenar ialah seramai 1,343 (1.2%).

Bagi Cawangan Khas, jumlah perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 7,643 (iaitu kira-kira 7.1%) manakala kekuatan sebenar ialah seramai 5,193 (4.8%).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan di sini bahawa Pasukan Gerakan Am masih relevan dan merupakan salah satu komponen penting dalam PDRM. Ini jelas berdasarkan kepada Arahan Ketua Polis Negara No. 3 yang mana menjelaskan fungsi pasukan tersebut khasnya dalam menghadapi dan membanteras sebarang ancaman terhadap keselamatan Negara akibat daripada pemberontakan, kaganasan, pengkhianatan dan kekacauan awam. Selain itu, PGA juga turut ditugaskan di Lapangan Terbang Antarabangsa di seluruh Negara dan pos kawalan di pintu-pintu masuk persempadanan Negara.

PGA juga ditugaskan untuk meronda wilayah-wilayah terpencil di perbatasan dan pesisiran pantai serta memberi khidmat kopolisan kepada masyarakat orang asli di kawasan pendalaman.

Selain itu, PGA juga diberikan tanggung jawab untuk memberi bantuan kepada formasi-formasi polis lain dalam mengekalkan undang-undang dan keselamatan ketika bencana.

Akhir sekali, PGA juga berperanan sebagai sebuah pasukan separa militari yang dilatih dan dilengkapi dengan peralatan secukupnya untuk membantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam masa perang yang tertakluk dibawah Seskyen 7 (1) Akta Polis 1967.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG**

**SOALAN : NO. 344**

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minat MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan pengambilan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pergigian di IPTA mengikut kategori latar belakang pendidikan (iaitu STPM, Matrikulasi atau lain-lain) kaum dan jantina pada tahun 2001 hingga 2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penawaran bagi Ijazah Sarjana Muda Pergigian di IPTA dari Sesi Akademik 2002/2003 hingga Sesi Akademik 2009/2010 adalah seperti di Lampiran 1.

Lampiran 1

**Statistik Penawaran Program Pergigian Mengikut Kaum  
Bagi Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf**

SESI AKADEMIK	BUMI	CINA	INDIA	JUMLAH
---------------	------	------	-------	--------

<b>2002/2003</b>	140 59.3%	84 35.6%	12 5.1%	236
<b>2003/2004</b>	182 77.1%	52 22.0%	2 0.8%	236
<b>2004/2005</b>	123 58.9%	79 37.8%	7 3.3%	209
<b>2005/2006</b>	115 60.5%	62 32.6%	13 6.8%	190
<b>2006/2007</b>	116 56.6%	80 39.0%	9 4.4%	205
<b>2007/2008</b>	113 55.1%	84 41.0%	8 3.9%	205
<b>2008/2009</b>	119 58.0%	79 38.5%	7 3.4%	205
<b>2009/2010</b>	99 51.0%	84 43.3%	11 5.7%	194

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
[BUKIT BENDERA]

### JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN, MALAYSIA

#### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru yang dilatih di bawah program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) Pendidikan Bahasa Cina di Institut Perguruan di bawah Kementerian Pelajaran pada tahun 2001 hingga 2009.

#### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru yang dilatih di bawah program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Pendidikan Bahasa Cina di Institusi Pendidikan Guru (IPG) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari 2001 hingga 2009 adalah seperti berikut:

TAHUN	KPLI	PISMP
2001	150	-
2002	67	-
2003	97	-
2004	541	-
2005	394	-
2006	408	153
2007	503	163
2008	515	265
2009	651	458
<b>JUMLAH</b>	<b>3,326</b>	<b>1,039</b>

*NW = 339*

**KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B(TULIS)/(24)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG  
(BUKIT BENDERA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010**

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tanggungan kewangan secara terus (direct financial obligations) Kerajaan Malaysia dalam bentuk jaminan kewangan untuk instrumen hutang (debt instruments) seperti sukuk, MTB (Malaysia Treasury Bills), Cagamas Bond dan lain-lain dengan maklumat jenis tanggungan (type of obligation), amaun pokok (principal amount), hari kematangan (maturity date), penerbit (issuer), bayar balik atau bunga lanjutan tempoh (refinance interest) dan juga tanggungan kewangan yang bukan secara terus dalam bentuk jaminan bon terbitan GLC dan agensi Kerajaan Pusat dan Negeri.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2009 ialah

RM362.4 billion atau 53.7% daripada Keluaran Dalam Negara Kaser (KDNK). Sebahagian besarnya iaitu RM348.6 billion atau 96.2% adalah hutang dalam negeri manakala baki RM13.8 billion atau 3.8% merupakan hutang luar negara. Jumlah hutang luar negeri yang kecil adalah selaras dengan dasar semasa Kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri bagi membantu projek pembangunan negara kerana kos yang lebih murah dan mengurang pendedahan kepada risiko pertukaran matawang asing. Maklumat mengenai instrumen hutang adalah seperti berikut:

Instrumen	Jumlah (RM Juta)	(%)
Pinjaman Dalam Negeri	348,599.96	96.2
Bil Perpendaharaan	4,320.00	1.2
Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK)	66,000.00	18.2
Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)	242,270.37	66.9
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	31,100.00	8.6
Pinjaman Pasaran	-	-
Sukuk	4,909.59	1.4
Pinjaman Luar Negeri	13,786.21	3.8
Pinjaman Pasaran	6,049.23	1.7
Pinjaman Projek	7,736.98	2.1
<b>Jumlah Hutang</b>	<b>362,296.17</b>	<b>100.0</b>

2. Instrumen hutang berkenaan dilanggan oleh institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial. Bagi pinjaman projek, pemberi pinjam adalah institusi pelbagai hala iaitu Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Bank

Pembangunan Islam (IDB) manakala dari institusi dua hala termasuklah Japan Bank For International Cooperation (JBIC).

3. Kadar faedah pinjaman adalah pelbagai bergantung kepada tempoh pinjaman dan keadaan pasaran semasa bon diterbitkan. Kadar faedah lebih tinggi bagi pinjaman jangka panjang berbanding jangka pendek. Contohnya dalam tahun 2009 bagi sekuriti hutang bertempoh 5 hingga 10 tahun, kadar faedah adalah antara 3.74% hingga 4.38% setahun. Untuk makluman, amaun bayaran balik pokok bagi pinjaman berkenaan adalah seperti di **Lampiran I**.
4. Tanggungan kewangan Kerajaan secara tidak langsung (*contingent liability*) pula adalah dalam bentuk jaminan bagi pinjaman oleh badan berkanun dan syarikat Kerajaan. Setakat 31 Disember 2008, jumlah *contingent liability* Kerajaan Persekutuan ialah RM69.2 bilion terdiri daripada pinjaman domestik RM59.3 bilion (86%) dan pinjaman luar RM9.9 bilion (14%). Jaminan berkenaan melibatkan 2 badan berkanun dan 16 syarikat berkaitan Kerajaan. Maklumat yang lebih lengkap mengenainya boleh didapati daripada Penyata Kewangan Persekutuan 2008 dan petikan daripada Penyata berkenaan adalah seperti di **Lampiran II**.

### BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

TAHUN	BAYARAN BALIK (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)
	DOMESTIK	LUAR NEGERI	
2006	44,831.84	6,730.52	51,067.86
2010	27,697.71	763.43	28,461.14
2011	48,870.46	6,654.46	55,523.92
2012	49,772.78	597.57	50,370.35
2013	42,075.00	613.00	42,688.00
2014	45,600.00	780.65	46,380.65
2015	24,675.00	381.26	25,056.26
2016	13,700.00	268.30	13,968.30
2017	19,000.00	198.49	19,198.49
2018	29,600.00	58.82	29,658.82
2019	24,100.00	146.95	24,246.95
2020	3,500.00	149.16	3,649.16

Lampiran II

**G2**

**Penyata Akaun Memorandum Jaminan  
seperti pada 31 Disember 2008**

Peminjam	Dalam Negeri	Luar Negeri	Jumlah	
			2008	2007
	RM	RM	RM	RM
<b>I. BADAN BERKANUN</b>				
Bank Pertanian Malaysia Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	11,000,000,000.00	109,499,808.00 -	109,499,808.00 11,000,000,000.00	100,974,627.07 7,500,000,000.00
<i>Jumlah Badan Berkanun</i>	<i>11,000,000,000.00</i>	<i>109,499,808.00</i>	<i>11,109,499,808.00</i>	<i>7,600,974,627.07</i>
<b>II. SYARIKAT</b>				
Aircraft Business Malaysia Sdn. Bhd.	-	948,161,490.17	948,161,490.17	1,830,033,007.09
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,011,600,000.00	-	1,011,600,000.00	1,011,600,000.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	7,097,000,000.00	2,322,936,522.70	9,419,936,522.70	9,039,842,880.68
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)	-	406,493,401.60	406,493,401.60	487,076,596.29
Khazanah Nasional Berhad	10,350,000,000.00	-	10,350,000,000.00	9,350,000,000.00
K.L. International Airport Berhad	7,360,000,000.00	1,061,909,129.60	8,421,909,129.60	8,750,212,257.02
Malaysian Industrial Development Finance Bhd. (MIDF)	-	188,074,270.00	188,074,270.00	177,923,759.87
Penerangan Malaysia Berhad	8,565,027,919.13	-	8,565,027,919.13	8,258,544,092.77
Permodalan Nasional Bhd.	-	-	-	500,000,000.00
Prasarana Negara Berhad	7,101,000,000.00	-	7,101,000,000.00	5,921,000,000.00
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	-	42,135,519.60	42,135,519.60	35,687,694.69
Sarawak Capital Resources Ltd.	1,051,560,000.00	412,277,242.50	1,463,837,242.50	1,523,021,670.00
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	4,000,000,000.00	-	4,000,000,000.00	3,000,000,000.00
Silterra Malaysia Sdn. Bhd.	1,800,000,000.00	-	1,800,000,000.00	1,820,863,805.63
Telekom Malaysia Berhad	-	-	-	4,556,678.09
Tenaga Nasional Berhad	-	4,408,032,319.02	4,408,032,319.02	3,237,197,759.85
<i>Jumlah Syarikat</i>	<i>48,336,187,919.13</i>	<i>9,790,019,895.19</i>	<i>58,126,207,814.32</i>	<i>54,947,560,201.98</i>
<b>JUMLAH JAMINAN</b>	<b>59,336,187,919.13</b>	<b>9,899,519,703.19</b>	<b>69,235,707,622.32</b>	<b>62,548,534,829.05</b>

Butir Lanjut: Penyata G2a dan G2b.



**Pernyataan Aktaun Memerendur Jumlah Dalam Negara**  
seperti pada 31 Disember 2008

Kumpulanwang	Rujukan	Jumlah Cawan Pendeposit 31.12.2008				
BANK SIMPANAN NASIONAL KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU	Seksyen 2G Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146] Parerangan 16(1) Kedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru 1962	(a) 15,417,972,165.52 (a) 8,713,099.67				
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA LEMBAGA TABUNG HAJI	Seksyen 2B Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452] Seksyen 24(1) Akta Tabung Hajj 1985 [Akta 525]	(2) 344,640,194,782.00 (2) 19,679,252,020.39				
Jumlah Kumpulanwang		378,746,132,087.50				
Peminjaman/SI Piutang	Tujuan Pinjaman/Projek	Kadar Faedah	Tarikh Timbusan	Amaun Diberikan	Amaun Sebelum Selesai	Nilai Setara
		%				RM
BADAN BERKENUN						
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL						
14 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2005 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2006 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Pembayaran Skim Pinjaman Pendidikan Pembayaran Skim Pinjaman Pendidikan Pembayaran Skim Pinjaman Pendidikan	5.000 4.000 5.000	2004/2014 2005/2010 2006/2015	RM 500,000,000.00 RM 3,000,000,000.00 RM 7,500,000,000.00	— — —	500,000,000.00 3,000,000,000.00 7,500,000,000.00
Jumlah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional						11,000,000,000.00
Jumlah Badan Berkenun						11,000,000,000.00
SYARIKAT						
ASSETS GLOBAL NETWORK SDN. BHD. 2003 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Infrastruktur	5.850	2003/2013	RM 1,243,600,000.00	—	1,011,600,000.00
Jumlah Assets Global Network Sdn. Bhd.						1,011,600,000.00
BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD.						
1998 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2000 Terbitan Note	Infrastruktur Infrastruktur	8.000 7.000 7.500	1999/2009 2000/2015 2000/2025	RM 3,000,000,000.00 RM 500,000,000.00 RM 500,000,000.00	— — —	997,000,000.00 500,000,000.00 500,000,000.00
2003 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2004 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Infrastruktur Infrastruktur	5.000 5.000	2003/2023 2004/2024	RM 2,000,000,000.00 RM 3,100,000,000.00	— —	2,000,000,000.00 3,100,000,000.00
Jumlah Bank Pembangunan Malaysia Berhad						7,097,000,000.00
KHAZANAH NASIONAL BERHAD						
Institusi-Institusi Kewangan						
1991 Terbitan 8 2001 Terbitan 14 2003 Terbitan 15 2003 Terbitan 16 2004 Terbitan 17 2005 Terbitan 18 2006 Terbitan 19 2007 Terbitan 20 2008 Terbitan DN081079 2008 Terbitan DN081238 2008 Terbitan DS081080	Bon Tanda Aras Bon Tanda Aras	7.043 3.000 4.090 4.780 3.817 3.683 3.860 4.350 5.500 4.100 5.330	1999/2009 2003/2008 2003/2008 2003/2008 2004/2009 2005/2010 2006/2016 2007/2022 2008/2018 2008/2018 2008/2023	RM 1,200,000,000.00 RM 1,000,000,000.00 RM 1,000,000,000.00 RM 1,000,000,000.00 RM 1,150,000,000.00 RM 1,000,000,000.00 RM 2,000,000,000.00 RM 1,000,000,000.00 RM 1,000,000,000.00 RM 1,000,000,000.00 RM 2,000,000,000.00	— — — — — — — — — — —	1,200,000,000.00 — — — — 1,150,000,000.00 1,000,000,000.00 2,000,000,000.00 1,000,000,000.00 1,000,000,000.00 1,000,000,000.00 2,000,000,000.00
Jumlah Khazanah Nasional Berhad						10,350,000,000.00
K.L. INTERNATIONAL AIRPORT BERHAD						
1995 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Bon Pembawa Tanpa Cagaran Jaminan Kerajaan	7.750	1995/2015	RM 1,200,000,000.00	—	1,200,000,000.00
1995 Kumpulan Wang Amanah Fencen	Bon Pembawa Tanpa Cagaran Jaminan Kerajaan	7.750	1995/2015	RM 200,000,000.00	—	200,000,000.00
1995 Bank Simpanan Nasional	Bon Pembawa Tanpa Cagaran Jaminan Kerajaan	7.750	1995/2015	RM 150,000,000.00	—	150,000,000.00
1995 Perhubungan Keselamatan Sosial	Bon Pembawa Tanpa Cagaran Jaminan Kerajaan	7.750	1995/2015	RM 50,000,000.00	—	50,000,000.00
1996 Bank Islam Malaysia Berhad	Lapangan Terbang K.L. International Airport, Sepang	7.750 5.000	1996/2016 2003/2008	RM 2,200,000,000.00 RM 500,000,000.00	— —	2,200,000,000.00 —
2003 Am Merchant						

Nota: (a) Angka yang ditunjukkan adalah seperti pada 31.12.2008 (Tertakluk kepada pengauditan).

(disambung...)



**Penyata Akaun Memorandum Jaminan Dalam Negeri  
seperti pada 31 Disember 2008**

(Sambungan)

Peminjaman/Si Piutang	Tujuan Pinjaman/Projek	Kadar Faedah	Tarikh Tebusan	Amaun Dibenarkan	Amaun Belum Selesai	
					Mata Wang Asing	Nilai Setara
SYARIKAT - (SAMB.)		%				RM
K.L. INTERNATIONAL AIRPORT BERHAD - (SAMB.)						
2003 Am Merchant	K.L. International Airport, Sepang	5.000	2003/2008	RM 500,000,000.00	-	-
2003 Am Merchant	K.L. International Airport, Sepang	5.200	2003/2009	RM 500,000,000.00	-	500,000,000.00
2003 Am Merchant	K.L. International Airport, Sepang	5.450	2003/2010	RM 500,000,000.00	-	500,000,000.00
2003 Am Merchant	K.L. International Airport, Sepang	5.700	2003/2011	RM 500,000,000.00	-	500,000,000.00
2003 Am Merchant	K.L. International Airport, Sepang	5.950	2003/2012	RM 500,000,000.00	-	500,000,000.00
2003 Am Merchant	K.L. International Airport, Sepang	6.150	2003/2013	RM 500,000,000.00	-	500,000,000.00
2003 Am Merchant	K.L. International Airport, Sepang	6.250	2003/2014	RM 500,000,000.00	-	500,000,000.00
2003 Am Merchant	K.L. International Airport, Sepang	6.300	2003/2015	RM 560,000,000.00	-	560,000,000.00
<i>Jumlah K.L. International Airport Berhad</i>						7,360,000,000.00
PENERBANGAN MALAYSIA BERHAD						
2004 Standard Chartered Bank Offshore	Pembiayaan Am	(b) + 0.230	2002/2007	USD 700,000,000.00	USD 700,000,000.00	2,453,640,000.00
		(b) + 0.360	2002/2009	USD 300,000,000.00	USD 300,000,000.00	1,051,560,000.00
2004 Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ, Ltd. (9M - MRP)	Pembelian Aset	(b) + 0.400	2004/2016	USD 122,000,000.00	USD 94,652,898.48	331,777,339.75
2004 Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ, Ltd. (9M - MRO)	Pembelian Aset	(b) + 0.400	2004/2016	USD 122,000,000.00	USD 94,942,562.98	332,792,671.76
2006 Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ, Ltd. (9M - MRO)	Pembelian Aset	(b) + 0.300	2006/2020	USD 140,000,000.00	USD 126,817,615.77	444,521,106.80
2006 Deutsche Bank Securities Inc.	Pembelian Aset	5.630	2006/2016	USD 1,000,000,000.00	USD 1,000,000,000.00	3,505,200,000.00
2006 Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ, Ltd. (9M - MRO)	Pembelian Aset	(b) + 0.300	2006/2020	USD 140,000,000.00	USD 127,107,383.55	445,536,800.82
<i>Jumlah Penerbangan Malaysia Berhad</i>						8,565,027,919.13
PERMODALAN NASIONAL BHD.						
2002 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Membiayai Modal Kerja dan Pelaburan	4.600	2002/2008	RM 500,000,000.00	-	-
<i>Jumlah Permodalan Nasional Bhd.</i>						-
PRASARANA NEGARA BERHAD						
Institusi-institusi Kewangan						
2001 Terbitan Bon 2	Infrastruktur	3.450	2003/2008	RM 820,000,000.00	-	-
2001 Terbitan Bon 3	Infrastruktur	3.800	2003/2011	RM 2,187,000,000.00	-	2,187,000,000.00
2001 Terbitan Bon 4	Infrastruktur	4.270	2003/2016	RM 1,914,000,000.00	-	1,914,000,000.00
2001 Terbitan Bon 5	Infrastruktur	Berubah	2002/2022	RM 1,000,000,000.00	-	1,000,000,000.00
2008 Terbitan Bon Sukuk Ijerah			2008/2023	RM 2,000,000,000.00	-	2,000,000,000.00
<i>Jumlah Prasarana Negara Berhad</i>						7,101,000,000.00
SARAWAK CAPITAL RESOURCES LTD.						
2006 Standard Chartered Bank Offshore	Mereka Cipta dan Menjual 'Wafer Chips'	(b) + (0.39-0.6)	2006/2014	USD 300,000,000.00	USD 300,000,000.00	1,051,560,000.00
<i>Jumlah Sarawak Capital Resources Ltd.</i>						1,051,560,000.00
SARAWAK HIDRO SDN. BHD.						
2007 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Projek Hidroelektrik Bakun	MGS + 0.500	2007/2009	RM 3,000,000,000.00	-	3,000,000,000.00
2008 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Projek Hidroelektrik Bakun	MGS + 0.500	2008/2012	RM 1,000,000,000.00	-	1,000,000,000.00
<i>Jumlah Sarawak Hidro Sdn. Bhd.</i>						4,000,000,000.00
SILTERRA MALAYSIA SDN. BHD.						
2007 Bon Sukuk	Terbitan Bon	5.730	2007/2014	RM 1,800,000,000.00	-	1,800,000,000.00
<i>Jumlah Silterra Malaysia Sdn. Bhd.</i>						1,800,000,000.00
<i>Jumlah Syarikat</i>						48,336,187,919.13
<b>JUMLAH JAMINAN DALAM NEGERI</b>						<b>59,336,187,919.13</b>

*Note: (b) LIBOR Kadar Tawaran Antara Bank London (London Inter-Bank Offer Rate).*



**Rantau Sesi Pengurusan Pinjaman dan Pembangunan di Seluruh Negeri seperti pada 31 Disember 2018**

Pemohon/Si Pihang	Topuan Pinjaman/Projek	Kadar Faedah	Tarikh Tepusen	Amaun Dibenarkan	Amaun Belum Selesai		Nilai Sejara
					Mata Wang Asing	RM	
BADAN BERIKANAN		%					
BANK PERTANIAN MALAYSIA							
1988 Japan Bank for International Cooperation	Pembangunan	3.500	1995/2013	JPY 10,442,000,000.00	JPY 2,322,160,000.00	109,499,806.00	
Jumlah Bank Pertanian Malaysia						109,499,806.00	
Jumlah Badan Berikanan						109,499,806.00	
SYARIKAT							
AIRCRAFT BUSINESS MALAYSIA SDN. BHD.							
2002 Export-Import Bank of the United States	Pembelian Aset	Berubah	2002/2014	USD 505,431,401.00	USD 270,501,395.12	948,161,490.17	
Jumlah Aircraft Business Malaysia Sdn. Bhd.						948,161,490.17	
BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD							
1999 Export-Import Bank of Japan	Projek Infrastruktur	Berubah	1999/2010	JPY 48,000,000,000.00	JPY 9,751,353,300.00	378,352,508.04	
2004 Kreditanstalt für Wiederaufbau (KfW)	Projek Express Rail Link (ERL)	(c) + 0.650	1999/2012	EUR 216,640,676.14	EUR 75,824,234.00	375,602,925.54	
(c) + 2.250		(c) + 2.250	1999/2009	EUR 105,867,260.71	EUR 7,561,950.00	37,456,875.52	
2004 Japan Bank for International Cooperation	Projek Infrastruktur	Berubah	2005/2017	JPY 59,000,000,000.00	JPY 39,472,222,000.00	1,531,522,213.60	
Jumlah Bank Pembangunan Malaysia Berhad						2,322,936,522.76	
BANK PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA MALAYSIA BERHAD (SME BANK)							
1988 Japan Bank for International Cooperation	Projek Kejuruteraan	3.500	1995/2013	JPY 5,890,000,000.00	JPY 1,544,920,000.00	59,942,896.00	
1988 Japan Bank for International Cooperation	Menyokong Pembangunan Industri Eksport dan Industri Utama yang Lain	3.500	1989/2013	JPY 10,442,000,000.00	JPY 2,319,210,000.00	109,385,348.00	
1989 Export-Import Bank of Japan	Pembangunan Am	4.050	1995/2006	JPY 6,688,500,000.00	JPY -	-	
1992 Japan Bank for International Cooperation	Industri Kecil dan Sederhana	3.000	1999/2017	JPY 4,660,000,000.00	JPY 2,141,065,000.00	83,073,322.00	
1992 Japan Bank for International Cooperation	Menyokong Pembangunan Industri Eksport dan Industri Utama yang Lain	3.000	1992/2017	JPY 4,660,000,000.00	JPY 2,141,065,000.00	83,073,322.00	
1999 Japan Bank for International Cooperation	Menyokong Pembangunan Industri Eksport dan Industri Utama yang Lain	2.4/2.1/2.3	2002/2009	JPY 18,000,000,000.00	JPY 738,646,000.00	28,667,224.80	
1999 Japan Bank for International Cooperation	Menyokong Pembangunan Industri Eksport dan Industri Utama yang Lain	2.300	2002/2009	JPY 24,000,000,000.00	JPY 599,987,000.00	23,279,495.60	
1999 Japan Bank for International Cooperation	Menyokong Pembangunan Industri Eksport dan Industri Utama yang Lain	(b) + 0.800	2002/2009	USD 150,000,000.00	USD 5,441,000.00	19,071,793.20	
Jumlah Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Berhad (SME Bank)						406,493,401.60	
K.L. INTERNATIONAL AIRPORT BERHAD							
1994 Japan Bank for International Cooperation	Lapangan Terbang	3.000	1994/2018	JPY 61,510,000,000.00	JPY 27,368,792,000.00	1,061,909,129.60	
Jumlah K.L. International Airport Berhad						1,061,909,129.60	

Note: (a) LIBOR Kadar Tawaran Antara Bank London (London Inter-Bank Offer Rate).  
(b) TIBOR Kadar Tawaran Antara Bank Tokyo (Tokyo Inter-Bank Offer Rate).  
(c) EURIBOR Kadar Tawaran Antara Bank Euro (Euro Inter-Bank Offer Rate).

(disambung...)



**Penyata Akaun Memorandum Jaminan Luar Negeri  
seperti pada 31 Disember 2008**

(Sambungan)

Peminjam/Si Piutang	Tujuan Pinjaman/Projek	Kadar Faedah	Tarikh Tebusan	Amaun Dibenarkan	Amaun Belum Selesai	
					Mata Wang Asing	Nilai Setara
SYARIKAT - (SAMB.)		%				RM
MALAYSIAN INDUSTRIAL DEVELOPMENT FINANCE BHD. (MIDF)						
1988 Japan Bank for International Cooperation	Pembangunan	3.500	1995/2013	JPY 10,013,000,000.00	JPY 2,706,210,000.00	105,000,948.00
1989 Export-Import Bank of Japan	Pembangunan	4.850	1995/2008	JPY 4,414,410,000.00	JPY -	-
1992 Japan Bank for International Cooperation	Industri Kecil dan Sederhana	3.000	1999/2017	JPY 4,660,000,000.00	JPY 2,141,065,000.00	83,073,322.00
<i>Jumlah Malaysian Industrial Development Finance Bhd. (MIDF)</i>						188,074,270.00
SABAH ELECTRICITY SDN. BHD.						
1992 Japan Bank for International Cooperation	Perniulihan Projek Hidro Tenom Pangi	3.000	1999/2017	JPY 543,000,000.00	JPY 134,147,000.00	5,204,903.60
1993 Japan Bank for International Cooperation	Projek Tambahan Stesen Janakuasa Patau-Patau	3.000	2000/2018	JPY 3,700,000,000.00	JPY 951,820,000.00	35,930,616.00
<i>Jumlah Sabah Electricity Sdn. Bhd.</i>						42,135,519.60
SARAWAK CAPITAL RESOURCES LTD.						
2006 Japan Bank for International Cooperation	Mereka Cipta dan Menjual 'Wafer Chips'	7.400	2006/2010	USD 68,850,000.00	USD 25,818,750.00	90,499,882.50
2006 Export-Import Bank of the United States	Mereka Cipta dan Menjual 'Wafer Chips'	(a) + 0.125	2006/2013	USD 142,800,000.00	USD 91,800,000.00	321,777,360.00
<i>Jumlah Sarawak Capital Resources Ltd.</i>						412,277,242.50
SILTERRA MALAYSIA SDN. BHD.						
2000 Export-Import Bank of the United States	Sub-Microm Semiconductor Fabrication Plant	7.170	2004/2010	USD 327,354,890.00	USD -	-
2001 Japan Bank for International Cooperation	Sub-Microm Semiconductor Fabrication Plant	(a) + 0.150	2004/2009	USD 346,435,276.00	USD -	-
<i>Jumlah Silterra Malaysia Sdn. Bhd.</i>						-
TELEKOM MALAYSIA BERHAD						
1985 Credit National	Projek Telekomunikasi	2.500	1996/2015	EUR 8,765,076.72	EUR -	-
<i>Jumlah Telekom Malaysia Berhad</i>						-
TENAGA NASIONAL BERHAD						
1987 Kerajaan Perancis	Stesen Janakuasa Kecil	2.500	1997/2012	CHF 8,084,808.52	CHF -	-
1987 Kerajaan Perancis	Stesen Janakuasa Kecil	2.500	1995/2010	FRF 18,102,217.82	EUR -	-
1992 Japan Bank for International Cooperation	Pelabuhan Kelang Fasa III	3.000	1999/2017	JPY 31,966,000,000.00	JPY 13,215,902,000.00	512,776,997.60
1993 Japan Bank for International Cooperation	Stesen Janakuasa Pelabuhan Kelang III	3.000	2000/2018	JPY 39,955,000,000.00	JPY 13,668,820,000.00	530,350,216.00
1999 Japan Bank for International Cooperation	Perniulihan Projek Stesen Janakuasa Port Dickson (Tuanku Jaafar)	0.750	2000/2039	JPY 49,087,000,000.00	JPY 48,606,847,693.00	1,885,945,690.49
2001 Japan Bank for International Cooperation	Perniulihan Projek Stesen Janakuasa Port Dickson (Tuanku Jaafar) II	1.000	2001/2040	JPY 53,764,000,000.00	JPY 38,117,510,694.00	1,478,959,414.93
<i>Jumlah Tenaga Nasional Berhad</i>						4,408,032,319.02
<i>Jumlah Syarikat</i>						9,790,019,895.19
<b>JUMLAH JAMINAN LUAR NEGERI</b>						<b>9,899,519,703.19</b>

Nota: (a) LIBOR Kadar Tawaran Antara Bank London (London Inter-Bank Offer Rate).

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD [ HULU SELANGOR ]

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD [ HULU SELANGOR ] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk membantu murid yang tercicir daripada sistem persekolahan pada tahun 2008 yang terdiri daripada 31,939 orang.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau masalah keciciran dalam kalangan murid di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2008, bilangan murid yang tidak meneruskan persekolahan di peringkat rendah ialah 3,053 orang manakala di peringkat menengah ialah 15,524 orang.

Walau bagaimanapun, tidak semua murid tercicir daripada mengikuti persekolahan kerana sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah KPM seperti sekolah-sekolah swasta, sekolah agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah. Sebilangan kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikut keluarga berhijrah ke luar negara. Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana tidak berminat terhadap pelajaran, masalah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan.

Sehubungan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujud dan memperluas program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KPM juga melaksanakan program pemulihan khas yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas di sekolah rendah serta memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib pada tahun 2003. Selain itu juga, KPM telah menyediakan kemudahan asrama di sekolah-sekolah terpilih dalam usaha untuk mengatasi keciciran.

KPM juga telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah keciciran kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen untuk belajar di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, satu kajian menyeluruh berkaitan “**Pendidikan Kanak-kanak Tanpa Dokumen Pengenalan Diri di Malaysia**” telah dijalankan oleh KPM dan siap pada September 2009. Hasil daripada kajian tersebut beberapa cadangan dikemukakan untuk tindakan kerajaan. Antaranya;

- i. Menguatkuaskan arahan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 iaitu mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat perakuan daripada Ketua Kampung;
- ii. Menguatkuaskan pendidikan rendah wajib dan tindakan yang sepatutnya dikenakan kepada ibu bapa yang ingkar dengan perintah tersebut seperti yang termaktub dalam seksyen 29(A) Akta Pendidikan 1996; dan
- iii. Bagi kanak-kanak yang bukan warganegara pula, KPM menghargai sumbangan kementerian-kementerian lain dan pihak NGO dalam usaha menangani isu pendidikan golongan pelarian dan pemohon perlindungan dengan mewujudkan perkongsian pintar dalam menyediakan peluang pendidikan.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD [ HULU SELANGOR ]

### JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

#### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD [ HULU SELANGOR ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peratusan sekolah yang telah melaksanakan Kempen Anti Buli, Kempen Anti Ponteng dan Kempen Pencegahan Salah Laku di peringkat sekolah. Sejauh manakah kempen seumpama ini berkesan dalam menangani gejala yang merosakkan akhlak dan sahsiah dikalangan pelajar.

#### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kempen anti buli, kempen anti ponteng dan kempen pencegahan salah laku telah dilaksanakan di semua sekolah menengah teknik dan vokasional melalui unit bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing (83 buah SMT/SMV). Data disiplin sekolah menengah teknik tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Bil.	Masalah Disiplin	2006		2007		2008		2009	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
		*53485		52,560		50,230		50,200	
1	Berunsur jenayah	109	0.2	91	0.2	97	0.19	65	0.13
2	Berunsur kelucahan	41	0.1	37	0.1	67	0.13	50	0.10
3	Kurang sopan	268	0.5	214	0.4	261	0.52	200	0.39
4	Laku musnah	24	0.04	15	0	45	0.09	26	0.06
5	Kekemasan diri	49	0.1	75	0.1	34	0.07	26	0.05
6	Ponteng	400	0.8	347	0.7	303	0.6	313	0.62
7	Kenakalan	206	0.4	304	0.6	164	0.33	134	0.27
8	Tidak pentingkan masa	127	0.2	91	0.2	122	0.24	129	0.26
	Jumlah keseluruhan	1214	2.3	1174	2.2	1093	2.17	945	1.87

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD  
[ HULU SELANGOR ]**

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD [ HULU SELANGOR ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan banyak bahasa minoriti yang merupakan khazanah budaya negara sedang mengalami kepupusan. Adakah Kementerian Pelajaran mengatur strategi menangani masalah ini dengan menambah kurikulum bahasa minoriti terutamanya di sekolah yang terletak di kawasan kaum minoriti. Sebagai contoh, memulakan kelas Bahasa Kristang di SMK Canossa Convent yang terletak di Perkampungan Portugis, Melaka.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penawaran Bahasa Etnik ataupun bahasa kumpulan minoriti ini adalah bergantung kepada keupayaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam empat aspek utama, iaitu keupayaan pengoperasian, kapasiti profesional, keupayaan kewangan, dan permohonan daripada kumpulan minoriti berkenaan. Pada masa ini KPM telahpun menawarkan Bahasa Etnik seperti bahasa Iban, bahasa Kadazandusun dan bahasa Semai. Namun, dengan kerjasama semua pihak terutama sekali daripada kumpulan minoriti itu sendiri memungkinkan hasrat memulakan kelas bahasa minoriti itu dapat direalisasikan.

*Mr. B.G**S.I.B(TULISY)(25)*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**

TARIKH : **16.03.2010 - 16.04.2010**

Tuan Jeff Ooi Chuau Aun (Jelutong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan hala tuju dan dasar strategik bagi semua syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Lembaga Tabung Haji (LTH) serta lain-lain aset-aset strategik untuk turut menyumbang ke arah mentransformasikan ekonomi negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) merupakan syarikat pegangan pelaburan milik Kerajaan yang diamanahkan untuk menguruskan aset komersial milik Kerajaan dan juga melaksanakan pelaburan strategik di dalam dan luar negara. Khazanah mempunyai pegangan dalam

lebih 50 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang mempunyai aset melebihi US\$25 bilion.

2. Syarikat-syarikat ini berkecimpung dalam pelbagai sektor, antaranya tenaga, telekomunikasi, perbankan, automotif, pengurusan lapangan terbang, prasarana, pembangunan harta tanah, penyiaran, semi-konduktor, pegangan pelaburan, teknologi penyelidikan dan modal teroka.
3. Di bawah Program Transformasi GLC (GLCT), Khazanah turut menjadi agensi utama yang diberikan mandat untuk menjana peningkatan nilai pemegang saham, kecekapan operasi serta tadbir urus korporat GLC-GLC terlibat, sekali gus menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	:	TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)
PERTANYAAN	:	BERTULIS
TARIKH	:	16.03.2010 - 15.04.2010

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah fiskal jangka pendek untuk mengurangkan jumlah hutang luaran Malaysia yang kini telah mencapai US\$48 billion (lebih kurang RM163.2 billion) dengan berdasarkan kadar penukaran mata wang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada akhir tahun 2009, jumlah hutang luar negeri Malaysia ialah RM233.9 billion (atau USD67.7 billion), atau bersamaan dengan 35.3% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Sepanjang tahun tersebut, hutang luar negeri jangka panjang dan sederhana menurun berikutan pembayaran balik bersih oleh Kerajaan Persekutuan dan juga sektor swasta, yang lebih daripada mengimbangi ambilan bersih yang lebih besar oleh Perusahaan Awam

Bukan Kewangan (PABK). Kekukuhan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS juga menyumbang kepada penurunan hutang luar negeri secara keseluruhan. Pecahan hutang luar negeri 2008 – 2009 adalah seperti berikut:

Hutang	2008 (RM juta)	2009 (RM juta)
<b>Hutang jangka sederhana dan panjang</b>	<b>156,546</b>	<b>155,951</b>
• Kerajaan Persekutuan	20,316	13,786
• PABK	63,146	71,588
• Sektor Swasta	73,085	70,576
<b>Hutang Jangka Pendek</b>	<b>79,635</b>	<b>77,966</b>
<b>Jumlah Hutang Luar Negeri</b>	<b>236,181</b>	<b>233,917</b>
<b>Jumlah Hutang Luar Negeri (USD juta)</b>	<b>67,380</b>	<b>67,671</b>
<b>% PNK</b>	<b>33.0</b>	<b>35.3</b>

2. Kerajaan terus melaksanakan strategi pengurusan hutang luar negeri yang berhemat dan pragmatik untuk memudahkan pemelbagaian pinjaman luar negeri oleh sektor swasta dan sektor awam, untuk meminimumkan risiko berkaitan obligasi luar negeri yang besar dan kemampuan khidmat bayaran hutang. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan hutang luar negeri adalah seperti berikut:

- (i) dasar semasa Kerajaan ialah mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi. Ini adalah kerana mudah tunai yang tinggi di pasaran domestik dan kos pinjaman yang lebih murah. Kerajaan tidak meminjam daripada pasaran luar negeri sejak tahun 2002. Hutang luar negeri Kerajaan

adalah kecil iaitu RM13.8 billion atau 3.6% daripada keseluruhan hutang Kerajaan, manakala bakinya adalah hutang dalam negeri. Pinjaman luar negeri hanya melibatkan pengeluaran pinjaman sedia ada sahaja;

- (ii) bagi menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan di samping memelihara kedudukan imbalan pembayaran, pengurusan hutang luar negara disokong oleh sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang menyeluruh. Ini bagi membolehkan pengesanan awal risiko dan kelemahan yang berpunca daripada pendedahan hutang luar negeri keseluruhan;
- (iii) selaras dengan matlamat konsolidasi kedudukan fiskal secara berperingkat, Bajet 2010 memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menambah baik keberkesanan dan kecekapan pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan. Langkah yang dilaksanakan dan diberi keutamaan merangkumi penstrukturran sistem subsidi bahan api yang merupakan sebahagian besar dalam perbelanjaan tahunan Kerajaan;
- (iv) bagi mempertahankan kedudukan fiskal yang berterusan tanpa menjaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh, Kerajaan juga akan memperhebat program perkongsian sektor awam-swasta (public-private partnership program) untuk beberapa projek berimpak tinggi termasuk

projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pengangkutan awam; dan

- (v) untuk memperkuat aliran pendapatan, Kerajaan telah menjalankan kaji selidik berkaitan kebolehlaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (goods and services tax, GST). Melalui GST, asas pendapatan Kerajaan akan diperluas dan sekali gus lebih terlindung daripada ayunan kitaran harga minyak.

3. Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka mengecil dengan ketara kepada 5.6% daripada KDNK pada tahun 2010. Perbelanjaan operasi akan menjadi lebih rendah sebanyak 12% dari RM157 bilion pada tahun 2009 kepada RM138 bilion. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan ialah RM51.2 bilion sebahagian besarnya akan disalurkan kepada sektor perkhidmatan ekonomi dan perkhidmatan pendidikan. Dengan strategi pengurusan hutang dan langkah fiskal berhemat keperluan untuk meminjam dapat dikurangkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DIEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

MARIDAWA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
(JELUTONG)

NO.SOALAN : 367

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN ( JELUTONG ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan statistik penuh mengenai taburan pengusaha stesen minyak Petronas (Petronas Petrol Station Dealership) mengikut wilayah dan kaum sejak Petronas Dangang Bhd. ditubuhkan. Adakah taburan pengusaha stesen Petronas turut mendukung impian 1Malaysia dalam menyamaratakan kekayaan negara untuk semua rakyat tanpa mengira kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Bilangan wakil penjual yang sedang mengendalikan stesen minyak PETRONAS adalah seperti berikut:

Wilayah selatan mempunyai 100 wakil penjual bumiputra dan 5 wakil penjual bukan bumiputra. Wilayah Timur pula mempunyai 104 wakil penjual bumiputra dan 4 wakil penjual bukan bumiputra, manakala wilayah barat mempunyai 64 orang wakil

penjual bumiputra dan 3 wakil penjual bukan bumiputra. Stesen-stesen Petronas di wilayah utara dikendalikan oleh 145 wakil penjual bumiputra dan 16 wakil penjual bukan bumiputra. Wilayah tengah mencatatkan bilangan wakil penjual Bumiputra seramai 200 orang dan wakil penjual bukan bumiputra seramai 12 orang. Di Sabah, seramai 38 orang wakil penjual bumiputra dan 10 orang wakil penjual bukan bumiputra yang sedang mengendalikan stesen minyak PETRONAS di negeri tersebut berbanding stesen PETRONAS di Sarawak yang dikendalikan oleh 46 orang wakil penjual bumiputra dan 4 wakil penjual bukan bumiputra.

Ini menjadikan jumlah wakil penjual bumiputra yang sedang mengendalikan stesen PETRONAS seramai 697 orang dan wakil penjual bukan bumiputra yang sedang mengendalikan stesen minyak PETRONAS seramai 54 orang. Di samping itu, terdapat 87 buah syarikat dan koperasi yang sedang mengendalikan stesen PETRONAS di seluruh negara.

Perlantikan wakil penjual stesen servis PETRONAS adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum, yang berkelayakan dan berminat menjadikan perniagaan ini sebagai satu kerjaya.

Dasar dan kriteria pemilihan perlantikan wakil penjual stesen minyak PETRONAS adalah seperti berikut:

1. Mestilah warganegara Malaysia;
2. Bersedia untuk mengendalikan stesen servis PETRONAS sebagai pemilik tunggal secara sepenuh masa;
3. Berumur di antara 25 hingga 45 tahun pada tarikh tutup permohonan;

4. Boleh menyediakan modal kerja sekurang-kurangnya RM170,000 dan cagaran/jaminan bank sebanyak RM100,000;
5. Kelayakan akademik minimum Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengananya.

Selain daripada syarat-syarat di atas, pemilihan terakhir dan seterusnya pelantikan wakil penjual adalah tertakluk kepada proses pemilihan iaitu antara lainnya temuduga dan kursus pra pemilihan yang ditetapkan oleh syarikat di mana wakil penjual wajib lulus.

Pemohon juga perlu mendapatkan lesen-lesen berkaitan stesen minyak daripada badan-badan kerajaan sebelum boleh memulakan perniagaan, terutamanya kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974.

**NO.SOALAN : 348**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]**

**SOALAN**

**Y.B. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa keuntungan sebelum cukai PETRONAS telah merosot sebanyak 50.7 peratus bagi separuh pertama tahun kewangan berakhir September 2009, mahupun begitu, PETRONAS masih tetap disyaratkan untuk memberi bayaran dividen sebanyak RM20 bilion kepada Kerajaan Persekutuan tahun ini. Apakah kemampuan dana PETRONAS dalam bentuk keuntungan tertahan (*retained profits*) untuk menjana kegiatan pelaburan semula dalam suasana kos operasi *deepsea exploration* yang semakin melambung.

**JAWAPAN**

Keuntungan sebelum cukai PETRONAS bagi separuh pertama tahun kewangan berakhir 30 September 2009 adalah RM31.2 bilion, menurun sebanyak 50.7% berbanding RM63.3 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2008. Penurunan tersebut adalah disebabkan penyusutan dalam pendapatan syarikat iaitu kira-kira 37.5% berikutan kuantiti dan harga jualan yang rendah untuk beberapa produk tertentu. Pengurangan dalam kos pengeluaran pula adalah kecil untuk mengimbangi penyusutan dalam pendapatan menyebabkan keuntungan syarikat mengalami penurunan yang ketara.

Pembayaran dividen diteritukn oleh Lembaga Pengarah PETRONAS setelah mengambil kira beberapa faktor utama antaranya kedudukan semasa kewangan syarikat serta perancangan operasi syarikat bagi tahun-tahun kewangan akan datang. ini adalah untuk memastikan PETRONAS dapat memberi pulangan yang sewajarnya kepada pemegang ekuiti dan pada masa yang sama memastikan pembelian yang cukup untuk mengembang aktiviti pelaburan dan operasinya di masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]**

**TARIKH : 15 MAC HINGGA 15 APRIL 2010**

**SOALAN :**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah KPI yang disyaratkan ke atas peruntukan sebanyak RM 100 juta yang diberi kepada Program PERMATA di bawah Bajet 2010. Selain 457 buah pusat jagaan kanak-kanak yang ditubuhkan terdahulunya, apakah pencapaian dan akuantabiliti Jawatankuasa Eksekutif Dasar PERMATA Kebangsaan bersabit peruntukan dana tersebut.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010 bagi tujuan untuk memperkasakan Program PERMATA, sebanyak RM 100 juta telah diperuntukkan bagi memperluaskan pelaksanaan 5 program di bawah Program PERMATA. Ini akan memperkasakan pelaksanaan Program PERMATA di TASKA kelolaan Kerajaan di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), TASKA Komuniti dan TASKA Tempat Kerja di agensi Kerajaan. Di samping itu, Program PERMATA turut

melaksanakan Program PERMATA Pintar, PERMATA Seni, PERMATA Insan dan PERIKASA Remaja.

Jawatankuasa Kerja Dasar PERMATA Negara yang dipengerusikan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor berfungsi sebagai jawatankuasa penggerak dan penyelarasam antara agensi bagi melaksanakan Program PERMATA di bawah Perlembagaan Dasar Setiap Anak PERMATA Negara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab secara terus kepada Majlis Penyelarasam Dasar PERMATA Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak. Bagi memperkuatkan lagi peranan Majlis, iaanya dianggotai oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Menteri Pelajaran, YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta wakil-wakil agensi Kerajaan, Institusi-institusi Pengajian Tinggi, Badan-badan Bukan Kerajaan dan individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

Perancangan untuk memperkasakan Program PERMATA adalah berdasarkan kepada sasaran KPI Program PERMATA yang telahpun dipersetujui dengan agensi yang terlibat seperti berikut:-

Bil.	Program	Agensi	Sasaran
	<b>(A) PERMATA Negara</b>		
1.	Perluasan Program PERMATA di 3 Kawasan Parlimen di setiap negeri	Setiausaha Kerajaan Negeri/ Unit Pembangunan Ekonomi Negeri/ Jabatan Pembangunan Persekutuan/Jabatan Kerja Raya Negeri	26 pusat

2.	Perluasan Program PERMATA di TASKA KEMAS	KEMAS Negeri	88 pusat
3.	Perluasan Program PERMATA di TASKA Perpaduan	JPNIN Pusat	27 pusat
4.	Perluasan Program PERMATA di TASKA Tempat Kerja Sektor Awam dan TASKA Komunit	Bahagian PERMATA, JPM	67 pusat
5.	Menyediakan Keperluan Latihan Tenaga Pendidik	Universiti Putra Malaysia (UPM)	1255 pendidik
6.	<b>(B) <u>PERMATA Pintar</u></b>  Program Perkhemahan untuk pelajar pintar, cerdas dan berbakat	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1,000 pelajar
7.	Pemilihan Pelajar Sekolah PERMATA Pintar	UKM	150 pelajar
8.	<b>(C) <u>PERMATA Seni</u></b>  Program Perkhemahan PERMATA Seni Koir	Jabatan Kesenian & Kebudayaan Negara (JKKN)	50 orang

9.	Program Perkenaan PERMATA Seni Musik	JKKN Istana Budaya	40 orang
10.	(B) PERMATA Insan		
	Program Perkenaan untuk pelajar pintar	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM)	150 pelajar
11.	(E) Perkasa Remaja		
	Remaja Dalam Komuniti (Komuniti Perkasaremaja)	UKM Polis Di Raja Malaysia (PDRM)	50 orang
12.	Program Intervensi Mat Rempit (Projek Kem Perkasaremaja ‘Referred Mat Rempit’)	UKM PDRM Syarikat	50 orang

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG [ LABIS ]**  
**SOALAN : 350**

Tuan Chua Tee Yong [ Labis ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan awam Bumiputera dan bukan Bumiputera yang menjawat jawatan Gred 54, JUSA dan ke atas pada masa ini.

### **JAWAPAN:**

Sehingga 31 Mac 2010, bilangan pegawai yang menjawat jawatan di Gred JUSA dan ke atas dalam perkhidmatan awam persekutuan adalah seramai **1,500 orang**. Daripada jumlah tersebut, **1,170 (78%)** adalah bumiputera dan selebihnya iaitu **330 (22%)** adalah bukan bumiputera. Manakala di Gred 54, jumlah pegawai adalah seramai **2,270 orang** di mana **1,921 (85%)** adalah bumiputera dan selebihnya iaitu **349 (15%)** adalah bukan bumiputera.

SOALAN NO : 351

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG  
[LABIS]

SOALAN :

TUAN CHUA TEE YONG [LABIS] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bila jambatan berkembar di sepanjang Jalan Gemas ke Ayer Hitam akan dicantumkan dan Jalan Yong Peng menuju ke Segamat diperbaiki memandangkan keadaan jalan yang kurang memuaskan dan jambatan yang merbahaya yang merupakan salah satu daripada punca kemalangan.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jambatan berkembar di sepanjang Jalan Gemas ke Ayer Hitam terletak dalam jajaran Projek Menaiktaraf Jalan Dari Gemas - Ayer Hitam yang telahpun disiapkan pada 17 Ogos 2007. Projek ini melibatkan 12 jambatan berkembar di mana 6 buah jambatan terletak di dalam daerah Batu Pahat manakala 6 buah jambatan lagi terletak di dalam daerah Segamat. Jambatan tersebut tidak dapat dicantumkan kerana kekurangan peruntukan semasa projek tersebut dilaksanakan. Pihak Kementerian telahpun mengemukakan cadangan untuk menaiktaraf dan mencantumkan 12 jambatan berkembar tersebut dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan kerosakan jalan di Jalan Yong Peng menuju ke Segamat, kerja-kerja pembaikan kerosakan permukaan pavemen secara *mill & inlay* sedang dalam perancangan. Kerja-kerja membaharui permukaan jalan ini dari seksyen 181.0 (Bandar Segamat Baru) hingga seksyen 214.0 (Gemas) dianggarkan berjumlah RM3.0 juta dan dijangka akan ditawarkan secara tender terbuka pada akhir April 2010.

Pada masa ini, kerja-kerja penampalan lubang (*patching potholes*) dan pengawalseliaan dilaksanakan oleh JKR Daerah Segamat dari

masa ke semasa bagi memastikan kerrosakan jalan pada tahap minimum dan tidak membahayakan pengguna jalan raya.

Soalan No: 352

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2010  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TEE YONG  
(LABIS)**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan  
Wilayah menyatakan:**

Berapakah jumlah penduduk Orang Asli di kawasan Labis yang diberikan hak milik tanah kekal sebagai salah satu usaha kerajaan untuk

meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup golongan Orang Asli di Labis.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini di dalam Daerah Segamat (Parlimen Labis) khususnya, hanya terdapat seorang pemilik Orang Asli yang memiliki hak milik tanah secara individu dengan keluasan 3.340 hektar yang berstatus tanah pertanian di Kg. Segamat Kecil.

Berdasarkan rekod status tanah yang terkini bagi Daerah Segamat terdapat 257.819 hektar tanah Orang Asli yang telah diwartakan sebagai Rezab Orang Asli di bawah Seksyen 7 Akta 134, manakala 1006.453 hektar diwartakan sebagai Kawasan Orang Asli di bawah Seksyen 6 Akta yang sama. Selain dari itu, terdapat 28.328

hektar tanah di Daerah Segamat Kecil telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) tetapi belum diwartakan dan 1,782.99 hektar tanah adalah di dalam proses permohonan oleh pihak JHEOA.

Walau bagaimanapun usaha-usaha juga telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan sosioekonomi dan kualiti hidup Orang Asli berada di tahap yang baik. Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kudong misalnya seramai 188 KIR sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri untuk diberi hakmilik tanah ladang seluas 8 ekar, tapak rumah 0.25 ekar serta dusun seluas 3.5 ekar. Peserta RPS Kudong juga telah menikmati bayaran dividen sejumlah sekurang-kurangnya RM800.00 setiap bulan hasil daripada projek pembangunan ladang oleh YPJ Plantation Sdn. Bhd.

Selain daripada RPS Kudong, penduduk Orang Asli di perkampungan masyarakat Orang Asli Ulu Muaseh dan Segamat Kedah juga turut sama dilibatkan sebagai peserta projek pembangunan ladang JHEOA dengan kerjasama RISDA dan FELCRA.

Kementerian ini juga menerusi JHEOA sedang dalam usaha ke arah melaksanakan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli yang telah diluluskan.

Selain daripada memohon pemberimilikan tanah kepada masyarakat Orang Asli, JHEOA juga berusaha untuk meningkatkan sosioekonomi serta kualiti hidup masyarakat Orang Asli Parlimen Labis dengan menyalurkan pelbagai jenis bantuan. Kementerian menerusi JHEOA telah menyediakan bantuan-bantuan asas secara berterusan kepada masyarakat Orang Asli iaitu

melalui Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan yang tertumpu kepada bantuan-bantuan berbentuk fizikal dan ekonomi seperti Program Bantuan Rumah (PBR), usahawan, input pertanian, kemudahan pendidikan dan kesihatan serta termasuk kemudahan prasarana asas.

SOALAN NO. ( 555 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TEE YONG  
(LABIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHUA TEE YONG (LABIS) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kementerian akan menyelaraskan pembahagian kuota perumahan kepada golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera di setiap negeri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan kuota Bumiputera untuk sesuatu projek perumahan ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, adalah sukar bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyelaraskan pembahagian kuota perumahan kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera kerana setiap Kerajaan

Negeri mempunyai dasar yang tersendiri dalam menentukan pembahagian kuota tersebut.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2010

(M) : S&T

SUBJULUS(27)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAH ER TECK HWA (BAKRI)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARikh : 16.03.2010 - 12.04.2010

Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan cukai pendapatan yang telah dibayar oleh kesemua Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat dan Negara dari 2000 ke 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai pendapatan yang dikenakan ke atas kesemua Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari tahun 2000 hingga 2008 adalah sebanyak RM82 juta. Bagi tahun 2009, jumlah cukai pendapatan tersebut masih belum dimuktamadkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**

**SOALAN :** YB TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan penjelasan tentang konsep pembangunan bersama di Laut China Selatan.

- (a) adakah konsep pembangunan bersama ini sebagai pilihan utama bagi Malaysia dalam penyelesaian pertikaian kedaulatan Spratly Island; dan
- (b) Sila berikan sebab yang mendorong Malaysia menyokong konsep pembangunan bersama ini memandangkan sebelum ini negara kita tidak pernah menyokong konsep ini.

## JAWAPAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bakri di atas soalan yang dikemukakan.

2. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, wujud tuntutan bertindih kawasan maritim dan tuntutan bertindih ke atas ciri-ciri geografi di kawasan maritim seperti pulau, terumbu dan sebagainya yang terletak di kawasan Laut China Selatan. Tuntutan bertindih di Laut China Selatan ini melibatkan Malaysia, Vietnam, Brunei Darussalam, Filipina dan Republik Rakyat China.

3. Republik Rakyat China menuntut keseluruhan Laut China Selatan termasuklah Kepulauan Spratly. Walau bagaimanapun, tuntutan Republik Rakyat China ini adalah dipertikaikan kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah peruntukan-peruntukan di dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 (*United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 – UNCLOS 1982*). Malaysia berpendirian bahawa pulau dan terumbu di dalam kawasan Pelantar Benua Malaysia adalah milik Malaysia.

4. Sehingga kini, Malaysia tidak melaksanakan sebarang pembangunan bersama dengan mana-mana negara di kawasan luar pantai Sabah dan Sarawak di Laut China Selatan.

5. Untuk makluman YB selanjutnya, isu berhubung tuntutan ke atas pulau-pulau dan terumbu ini ditangani berasaskan kepada semangat dan

aspirasi yang terkandung dalam *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* yang ditandatangani oleh negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China pada 4 November 2002. Melalui Deklarasi ini, pihak-pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan bertekad untuk menyelesaikan pertelingkahan dan perbalahan berhubung tuntutan wilayah maritim bertindih di Laut China Selatan dan mencari penyelesaian secara damai melalui jalan perundingan tanpa menggunakan kekerasan ataupun ugutan. Usaha-usaha juga diambil bagi membina keyakinan (*confidence building*) di antara negara-negara yang terlibat.

5. Malaysia sentiasa peka dengan isu-isu yang melibatkan tuntutan bertindih ke atas pulau-pulau dan wilayah Malaysia. Usaha-usaha sentiasa dilaksanakan demi mengukuhkan tuntutan Malaysia ke atas ciri-ciri geografi di kawasan maritim berkenaan. Malaysia sentiasa mewujudkan rundingan dua hala dengan negara jirannya bagi membataskan sempadan maritim di kawasan di mana belum ada lagi perjanjian sempadan maritim. Malaysia berpendirian bahawa tuntutan bertindih wajar diselesaikan melalui meja rundingan dan rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbang Tara adalah merupakan opsyen terakhir di dalam mencapai penyelesaian.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 366 356

NO. AUF :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2536**

**SOALAN:**

Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan Along dan ahli sindiket perjudian empat nombor ekor haram yang ditahan sejak tahun 2000 ke 2010 di bawah Ordinan Darurat (KA/MJ). Nyatakan senarai nama-nama mengikut:

- (a) tarikh tangkapan dan tarikh didakwa/ dilepaskan tanpa didakwa.; dan
- (b) tempoh dipenjarakan dan jenis hukuman yang diterima.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, adalah suatu undang-undang yang berbentuk undang-undang pencegahan di mana di bawah Ordinan ini, mana-mana perintah yang dikeluarkan di bawah Ordinan ini adalah di bawah kuasa Menteri. Oleh itu, tidak timbul isu pendakwaan dibuat terhadap individu-individu yang telah ditangkap di bawah Ordinan ini memandangkan tangkapan di bawah Ordinan ini tidak melibatkan proses pendakwaan di Mahkamah.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik dari tahun 2000 sehingga 28 Februari 2010, seramai 32 orang individu telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah Ordinan ini atas penglibatan dalam kegiatan Along dan seramai 17 orang lagi telah dikenakan Perintah Sekatan. Manakala, bagi kesalahan melibatkan diri dalam sindiket perjudian empat nombor ekor haram, hanya Perintah Tahanan dikenakan iaitu seramai 10 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Tempoh tahanan adalah selama dua (2) tahun dan orang tahanan akan menjalani program-program pemulihan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia serta juga agensi-agensi kerajaan lain. Tempoh tahanan akan dilanjutkan sekiranya tahap pemulihan orang tahanan tersebut belum memuaskan. Disamping itu, tahanan ini juga adalah bertujuan untuk menghalang orang tahanan daripada terus melakukan perbuatan atau kegiatan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam.

MP:387

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B TUAN ER TECK HWA  
(BAKRI)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan perancangan susulan atas projek kompleks kem tentera TDM Briged ke-7 di Jalan Gelang Patah, Skudai yang terbengkalai. Jika ada perancangan susulan, adakah tindakan pemasangan perangkap kelodak di atas tebing akan dilakukan untuk mencengah banjir lumpur berlaku di Kg. Poh Chee Leong apabila berlaku hujan lebat.

## JAWAPAN:

Projek ini adalah merupakan projek pensvestaan dan Kausar Consortium Sdn. Bhd. (KCSB) telah dilantik sebagai kontraktor untuk melaksanakan projek ini. Berikutan dengan kegagalan kontraktor tersebut dalam melaksanakan projek berkenaan, Kementerian Pertahanan akan membuat perancangan semula Kompleks 7 Briged Skudai.

Kementerian Pertahanan sedang meneliti dari aspek perundangan untuk menamatkan kontrak berkenaan.

Kementerian Pertahanan juga dalam proses perancangan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan pembaikan perangkap kelodak (*silt trap*). Kerja-kerja ini dijangka akan dimulakan pada awal bulan Julai 2010.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**  
**SOALAN : No. 358**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan awam yang telah dikenakan tindakan tatatertib sejak KPI dilaksanakan. Nyatakan senarai nama, jenis tindakan tatatertib dan jabatan yang terlibat.

### **JAWAPAN:**

Berdasarkan Laporan Tahunan Tindakan Tatatertib yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, tiada pegawai awam yang dikenakan tindakan tatatertib kerana kegagalan mencapai KPI yang ditetapkan sejak KPI dilaksanakan sehingga kini.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [ BALIK PULAU ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [ BALIK PULAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status proses membestarkan kesemua 10,000 buah sekolah di Malaysia menjadi sekolah bestari menjelang 2010 seperti mana dalam jawapan Menteri pada 9 Disember 2009 yang lalu. Berapakah peratusan pencapaiananya kini. Apakah Jaminan Kerajaan bahawa model Sekolah Bestari ini adalah yang terbaik untuk generasi muda di negara kita.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Pembestarian sekolah akan melahirkan generasi dengan kemahiran ICT yang berkemampuan menggunakan *New Age Tools* untuk menangani cabaran kehidupan era globalisasi dalam Zaman Maklumat abad ke-21. Pekerja ilmu (*k-workers*) yang kreatif dan inovatif adalah perlu bagi industri berteknologi tinggi (*k-ekonomi*) di Malaysia. Sehubungan dengan itu, sistem pendidikan perlu memimpin murid yang dilahirkan dalam Zaman Digital untuk menghadapi cabaran hidup masa hadapan. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran dan pembelajaran berubah daripada pengajaran berpusat (*centralized training*) kepada pembelajaran berpusatkan murid (*learner-centric*). Oleh itu, Model Sekolah Bestari dapat memenuhi keperluan melahirkan satu generasi pelajar /*CT-savy* yang akan menyokong usaha negara untuk mencapai dan mengekalkan daya saing ekonomi dengan negara-negara maju.

Kajian yang telah dijalankan oleh Frost dan Sullivan dan pakar dari universiti tempatan berkaitan “*Study on Outcomes and Characteristics of Students from Smart Schools and Non Smart Schools*” pada tahun 2009 dan juga kajian oleh Pn. Zoraini Wati Abas. (2009) berkaitan *New Age Tools: Harnessing User’s Creativity* sepetimana yang telah dibentangkannya pada 10 Disember 2009 di Cyberjaya, (Muat turun dari <http://www.slideshare.net/zoraini/new-age-tools>) menunjukkan bahawa selepas 10 tahun pelaksanaan Sekolah Bestari, terdapat perbezaan dalam ciri-ciri murid sekolah bestari berbanding dengan murid bukan daripada sekolah bestari. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid daripada sekolah bestari mempunyai lebih pengetahuan ICT, lebih kreatif serta mempunyai kemahiran yang lebih tinggi untuk berfikir secara kritis, boleh mengenalpasti pembolehubah dan hipotesis serta menginterpretasi data dan eksperimen bagi kemahiran proses sains. Pengetahuan dan kemahiran begini adalah asas bagi penyediaan Modal Insan yang diperlukan oleh negara untuk mencapai Wawasan 2020.

Bagi menyokong pelaksanaan Model Sekolah Bestari ini, ciri-ciri pembestarian pendidikan seperti amalan pembelajaran akses kendiri, terarah kendiri, dan kadar kendiri; serta kolaborasi secara atas talian diutamakan. Murid dapat mengakses internet untuk berkomunikasi dan interaksi dengan bahan pembelajaran, muat turun bahan pembelajaran di sekolah atau pun di luar sekolah.

Generasi muda yang menggunakan ICT dari awal (*digital natives*) telah didedahkan kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran formal dengan penggunaan ICT. Teknologi merupakan sebahagian gaya hidup mereka. Generasi muda *digital natives* ini bukan sahaja terdapat di sekolah bandar tetapi juga di sekolah luar bandar. Jurang digital dalam kalangan rakyat luar bandar dengan bandar telah dikurangkan dengan adanya projek Sekolah Bestari dan Pembestarian Sekolah. Model Sekolah Bestari adalah yang terbaik untuk generasi muda di negara kita

Kerajaan menunjukkan komitmen yang tinggi dengan membekalkan infrastruktur dan pengisian ICT bagi semua sekolah di bandar dan luar bandar seperti:

- Rangkaian SchoolNet (9,075 sekolah 1Mbps, 579 sekolah 4 Mbps)
- Makmal Komputer (6,633 sekolah)
- Pusat Akses Sekolah (3,025 sekolah)
- Penyediakan laptop (132,949 buah), projektor (73,282 buah) dan lain-lain bagi Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris;
- TV Pendidikan melalui WebTV (9,301 sekolah)
- perisian kursus pengajaran (6,379 judul)
- perisian kursus pembelajaran (2,341 judul)
- e-bahan (687 judul)
- latihan berkaitan (201,018 guru bagi ICT, 45,549 guru bagi PPSMI).

Kerajaan sentiasa berusaha untuk meneruskan pembekalan infrastruktur dan pengisian ICT ke semua sekolah, tidak kira bandar atau di luar bandar berjujuan memastikan bahawa semua sekolah mampu menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran, serta pengurusan dan pentadbiran sekolah bagi menjayakan transformasi ke arah Pembestarian Sekolah.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF  
[ BALIK PULAU ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [ BALIK PULAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam mencapai 300 buah Sekolah Kluster di Malaysia menjelang 2010 yang mana sehingga 2009 hanya terdapat 120 buah sekolah kluster sahaja.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Pemilihan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) adalah dari senarai sekolah yang menerima Anugerah Sekolah Cemerlang, Sekolah Bestari dan sekolah yang telah mendapat pencalonan daripada Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri serta pencalonan terus dari sekolah.

Sehingga Disember 2009, bilangan SKK adalah 120 buah. Pemilihan SKK tersebut ialah 30 buah bagi Fasa 1, 30 buah bagi Fasa 2 dan seterusnya 60 buah bagi Fasa 3. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan meneruskan perluasan SKK sebanyak 300 buah sehingga 2015. Pemilihan SKK untuk Fasa 4 dicadang diadakan pada pertengahan 2010. Pemilihan seterusnya akan dibuat setiap tahun sehingga mencukupi 300 buah sekolah. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada sekolah-sekolah lain membuat persediaan untuk dicalonkan.



